Selasa, 27 Oktober 2026
16 Jamadilawal 1448
PP 414/10/2012 (030686)

1 300 22 6787 Berita Harian Online bharianmy beritaharian bharianmy

sejak 1957

RM2

ISSN 3141-1452

Bekas banduan didakwa bunuh isteri di kuarters penjawat awam KLIA

Nasional 9

Wadah Pembaharuan

BH Berita Harian

Diterbit sejak 1[illegible] www.bharian.com.my



Mohd Khairudin tiba di Mahkamah Majistret Seremban semalam untuk pertuduhan membunuh isterinya, Norhazwani Ibrahim. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Norhazwani Ibrahim, 35

● Mohd Khairudin Safi'ai, 37, dituduh membunuh Norhazwani Ibrahim, 35, kira-kira jam 7 malam di sebuah unit dekat Kompleks Perumahan Penjawat Awam KLIA pada 15 Oktober lalu.



Datuk Mustapha Sakmud
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah Sarawak)

Lima perkara utama berkaitan pelaksanaan MA63 sukar diselesaikan, perlu rundingan antara PM, Premier Sarawak dan KM Sabah *Nasional* 8

Mahkamah Tinggi putuskan sekolah tidak boleh periksa kandungan telefon bimbit pelajar *Nasional* 16

ANALISIS PRN MELAKA

BN mahu manfaatkan calon berpengalaman di Melaka, PH tawar persaingan guna calon muka baharu *Nasional* 7

10 akta pantau kutipan dana masih lompang



EKSKLUSIF

Malaysia mempunyai 10 akta perundangan kawal selia pendanaan awam, namun masih tidak menyeluruh dan ada kelompangan yang membuka ruang salah laku, penyelewengan serta penyalahgunaan dari segi ketelusan sumber, akauntabiliti penerima dan penguatkuasaan terhadap salah guna dana. Kajian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merumuskan pentingnya satu suruhanjaya baharu diwujudkan dengan satu akta khusus sebagai mekanisme kawal selia. Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak tolak kemungkinan gubal akta serta tubuh suruhanjaya baharu bagi perkukuh pengurusan dan kawal selia pendanaan awam di negara ini. *Oleh Ilah Hafiz Aziz* → *Nasional* 3

Minda Pengarang

Gempur ajaran menyimpang Islam secara terancang, bersepadu

Isu ajaran Ahmadiyah Qadiani kembali mencetuskan perhatian masyarakat kerana ia menyentuh persoalan cabaran pihak berkuasa membendung ajaran bertentangan dengan Islam di negara ini.

Kemunculan semula dan pengembangan ajaran bertentangan ajaran Islam, khasnya pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk ajaran sesat dengan pelbagai nama dan pendekatan, menuntut strategi lebih terancang dan bersepadu.

Apatah lagi umat Islam kini hidup dalam dunia yang menyaksikan maklumat agama tersebar sepantas sentuhan jari, maka kekeliruan boleh menyusup kepada sesiapa sahaja melalui video pendek, ceramah dalam talian dan kumpulan tertutup.

Ketika fahaman Syiah masih bergelut untuk ditangani, kini negara berdepan pula amalan bertentangan ajaran Islam sebenar. Sebab itu, bagi menangani isu ini, perbezaan antara sesuatu aliran, ajaran atau amalan perlu diteliti berdasarkan fakta dan keputusan pihak berkuasa agama, bukan dihukum melalui persepsi atau sentimen.

Cabaran membendung ajaran bertentangan Islam turut berkait dengan kelompangan dan perbezaan bidang kuasa perundangan syariah antara negeri. Keadaan ini dilihat memberi ruang kepada kumpulan tertentu bergerak tanpa pemantauan berkesan.

Oleh sebab hal ehwal Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri, penyelarasan antara pihak berkuasa penting supaya perbezaan peruntukan dan pendekatan penguatkuasaan tidak menjejaskan tindakan penguatkuasaan.

Justeru, sudah tiba masanya gerakan gempur ajaran bertentangan Islam digerakkan secara bersepadu dan berbekalkan pelan tindakan jelas, bukan sekadar aktiviti tangkap muat. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajar menerajui penyelarasan kebangsaan bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pihak berkuasa berkaitan.

Sekretariat tetap perlu diwujudkan untuk menyelaras maklumat, memeta pola penyebaran ajaran, mengurus aduan serta mengenal pasti perbezaan peruntukan undang-undang negeri yang memerlukan penelitian lanjut.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pula boleh menghimpunkan ahli akademik, pakar akidah dan penyelidik untuk menyediakan penerangan berasaskan ilmu. Kandungan itu perlu diterbitkan dalam bentuk video pendek, infografik dan soal jawab mudah difahami, terutama golongan muda.

Pada masa sama, pasukan tindak balas digital menggabungkan pegawai agama, pendakwah bertauliah dan pakar komunikasi perlu diwujudkan. Apabila dakwaan agama mengelirukan tular, penjelasan sahih mesti disampaikan dengan pantas. Kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) amat penting bagi menangani kandungan melanggar undang-undang.

Pendakwah dan penceramah pula perlu dibekalkan bahan rujukan sahih untuk menjawab persoalan akidah secara jelas dan berhikmah. Ia perlu disusuli dengan program penerangan di masjid, surau, sekolah dan komuniti secara berterusan, bukan apabila sesuatu isu menjadi kontroversi.

Apa yang penting, misi mempertahankan akidah umat Islam bukan sekadar membendung ajaran menyeleweng, tetapi memastikan umat Islam mempunyai ilmu dan keyakinan utuh terhadap ajaran agama. Benteng akidah kukuh memerlukan institusi berwibawa, pendakwah bertanggungjawab dan masyarakat tidak berhenti menuntut ilmu.

Kelulusan peruntukan kerajaan perlu ikut prosedur kewangan

Ahmad Zahid nafi dakwaan TPM ada kuasa ubah, lulus dana sesuka hati

Oleh Mukhriz Mat Husin
mukhriz.husin@bh.com.my



Ahmad Zahid ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam.
(Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Sebarang kelulusan dan pelarasan peruntukan kerajaan perlu melalui prosedur kewangan yang ditetapkan dan direkodkan dalam sistem kerajaan, termasuk MyProjek serta Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pembayaran hanya boleh diproses selepas peruntukan disalur berdasarkan tuntutan dan pengesahan kerja oleh agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Arahan menteri sahaja tidak membolehkan wang terus dibelanjakan. Kelulusan dan tatacara kerajaan tetap perlu dipatuhi.

"Bagi 2023 hingga 2025, pertambahan peruntukan projek Jalan Luar Bandar (JALB) dibuat melalui pindahan peruntukan dalaman tanpa melebihi siling keseluruhan bajet pembangunan tahunan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang diluluskan," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian bagi menjawab dakwaan kononnya Timbalan Perdana Menteri mempunyai kuasa mengubah dan meluluskan peruntukan sesuka hati.

Katanya, setiap penyelarasan peruntukan perlu melalui mekanisme Notis Perubahan (NOC) dan pindahan peruntukan, tertakluk kepada jenis perubahan serta kelulusan diperlukan.

Katanya, proses itu membabitkan pegawai KKDW, termasuk Ketua Setiausaha, selain perbincangan dan kelulusan daripada Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan (MOF) serta Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), mengikut bidang kuasa masing-masing.

Kebenaran berbelanja

Ahmad Zahid berkata, RM300 juta yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebelum ini bukan peruntukan tambahan, sebaliknya kebenaran berbelanja.

"Ia adalah kebenaran berbelanja melalui Surat Kuasa Berbelanja (SKB) bagi menjelaskan tunggakan dan komitmen projek sebelumnya.

"Dalam bahasa mudah, jumlah peruntukan JALB bertambah melalui penyusunan semula peruntukan dalam jumlah keseluruhan yang tersedia kepada kementerian.

"Atas asas itu, pertambahan berkenaan tidak memerlukan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan yang berasingan, tertakluk kepada kelulusan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa sekarang," katanya.

Ibadat&Fadilat

Ibnu Umar RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Solat tidak diterima tanpa bersuci dan sedekah tidak diterima daripada sifat khianat." (HR Tirmizi)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:05	4:25	7:01	8:12
Alor Setar	5:55	1:05	4:24	7:01	8:12
P. Pinang	5:55	1:05	4:24	7:02	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:22	7:01	8:11
Kuala Lumpur	5:48	1:00	4:19	6:59	8:09
Shah Alam	5:48	1:00	4:19	6:59	8:09
Johor Bahru	5:38	12:51	4:09	6:52	8:03
Kuantan	5:42	12:54	4:13	6:54	8:04
Seremban	5:46	12:59	4:17	6:59	8:09
Bandar Melaka	5:45	12:58	4:16	6:58	8:08
Kota Bharu	5:48	12:58	4:17	6:54	8:01
K. Terengganu	5:43	12:54	4:13	6:51	8:02
Kota Kinabalu	4:52	12:02	3:21	5:59	7:09
Kuching	5:13	12:26	3:45	6:27	7:38

Akta kawal selia dana awam tak menyeluruh, ada kelompangan

Ada perundangan dilihat begitu lapuk kerana wujud sebelum era kemerdekaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mempunyai 10 akta yang menjadi asas perundangan bagi mengawal selia isu pendanaan awam, namun dilihat masih tidak menyeluruh serta mempunyai kelompangan yang membuka ruang kepada salah laku, penyelewengan serta penyalahgunaan dana tanpa mekanisme kawal selia yang berkesan.

Perundangan sedia ada ini dilihat masih gagal menangani secara menyeluruh kelemahan sistem pendanaan awam, khususnya dari segi ketelusan sumber dana, akauntabiliti penerima sumbangan dan penguatkuasaan terhadap salah guna dana.

Lebih serius, empat perundangan ini dilihat begitu lapuk kerana sebahagiannya wujud sebelum era kemerdekaan negara lagi.

Ia adalah Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 (Akta 200) diwujudkan bagi mengawal selia aktiviti memungut wang atau barang; Akta Syarikat Amanah 1949 (disemak 1973) (Akta 100) untuk mengawal selia syarikat amanah; dan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258), untuk mengawal selia pendaftaran pemegang amanah, manakala Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28) pula bertujuan melarang aktiviti wang kutu.

Ketika ini dua akta iaitu Akta Pertubuhan 1966 (Semakan 2021) (Akta 832) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) dilihat memainkan peranan penting sebagai mekanisme kawal selia, namun kedua-duanya belum mencukupi untuk membentuk kerangka kawal selia pendanaan awam yang menyeluruh kerana skop peruntukannya yang bersifat umum dan tidak dikhususkan untuk mengawal selia keseluruhan ekosistem pendanaan awam, termasuk ketelusan sumber sumbangan dan pemantauan penggunaan wang yang diterima.

Selain itu, akta lain adalah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Akta 671) yang mengawal selia dan membangunkan pasaran modal, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758), bagi mengawal selia institusi kewangan, sistem pembayaran dan pasaran pertukaran asing; Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778), untuk mengawal selia skim pelaburan bukan korporat; dan Akta Syarikat 1965 (Disemak 2016) (Akta 777) Pindaan 2024 (Akta 1701), yang mengawal selia penubuhan, pengurusan dan pembubaran syarikat).

Dapatan itu diperoleh dalam Kajian Memperkasa Tatakelola dan Integriti Syarikat Amanah (Trust Company) dan Pendanaan Awam (Crowdfunding) di Malaysia yang dijalankan sekumpulan 10 penyelidik daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menyatakan kepentingan kewujudan satu suruhanjaya baharu yang dikuasakan dengan satu akta khusus sebagai mekanisme kawal selia yang benar-benar berkesan.



EKSKLUSIF

Kawal selia pendanaan awam

Ketua Penyelidik, Prof Madya Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, berkata penubuhan Suruhanjaya Pendanaan Awam penting untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan aktiviti pendanaan awam di Malaysia.

"Penubuhan suruhanjaya ini dicadang untuk diwujudkan dengan fungsi penuh pendaftaran dan pengawalseliaan hasil gabungan badan berkuasa sedia ada. Namun ia juga boleh ditubuhkan dengan fungsi khusus pengawalseliaan tanpa mengganggu badan berkuasa sedia ada.

"Kita juga cadangkan, ia boleh diwujudkan dengan majlis atau jawatankuasa yang menjalankan fungsi penyelarasan pengawalseliaan di kalangan badan berkuasa sedia ada.



Muhammad Iqmal

"Teras utama suruhanjaya ini adalah menetapkan garis panduan dan prinsip asas integriti organisasi (mengutip dana), menjadi badan yang memantau pematuhan standard bagi menjamin kualiti tadbir urus, menjadi penguat kuasa yang mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran peraturan dan salah laku serta menjadi badan yang memupuk budaya kerja berintegriti melalui latihan dan pendidikan," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, Suruhanjaya Pendanaan Awam perlu berfungsi untuk menggubal dan bertanggungjawab terhadap Akta Khairat (Charities Act) yang dicadangkan sebagai perundangan khusus dalam mengawal selia isu tertangguh ini.

"Dalam memastikan tatakelola dan integriti menjadi keutamaan, dasar suruhanjaya ini juga perlu memfokuskan mengenai pengkelasan entiti berdasarkan jumlah kutipan dana awam, penarafan entiti, kerangka tatakelola entiti dan garis panduan umum pengurusan kewangan," katanya.

Muhammad Iqmal berkata, pemerkasaan tatakelola dan integriti dalam syarikat amanah dan pendanaan awam adalah penting untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti dan kemampanan.

"Dapatan kajian mendapati keperluan memperkukuh tatakelola dan pengawasan menerusi beberapa tindakan iaitu piawaian kawal selia yang ketat iaitu melalui keperluan lesen oleh platform untuk mencegah penipuan, selain audit dan pemantauan profesional yang berkala untuk mengesahkan kesahihan projek pendanaan; serta garis panduan operasi yang jelas," katanya.

"Bagi memastikan ketelusan serta kepercayaan awam terus dipelihara, pendedahan kewangan sepenuhnya iaitu transaksi melalui paparan terbuka dan kos untuk ketelusan juga perlu menyeluruh," katanya.

SPRM tak tolak kemungkinan gubal akta baharu

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan penggubalan akta serta penubuhan sebuah suruhanjaya baharu bagi memperkukuh pengurusan dan kawal selia pendanaan awam di negara ini, khususnya untuk memastikan ketelusan sumber dana, akauntabiliti penerima sumbangan serta pemantauan penggunaan wang, termasuk derma yang dikutip.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, mengakui cadangan mengenai pembentukan Suruhanjaya Pendanaan Awam dan Akta Kebajikan atau Khairat (Charities Act) bukan perkara baharu, sebaliknya sudah mempunyai kertas cadangan yang sedang dikaji dan diteliti untuk penambahbaikan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelaksanaannya memerlukan penelitian terhadap kerangka perundangan dan pentadbiran, selain melalui beberapa peringkat jawatankuasa serta mendapatkan keputusan dasar sebelum dapat diteruskan.



Abd Halim Aman

"Cadangan itu sebenarnya sudah wujud sebelum ini dan kita mengkaji serta menelitinya, termasuk dari segi kerangka perundangan dan jalan penyelesaian.

"Perkara ini tidak semudah yang diperkatakan kerana pembentukan pentadbiran berbeza daripada pembentukan perundangan. Penggubalan undang-undang memerlukan banyak proses, prosedur dan birokrasi yang perlu diteliti," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Abd Halim berkata, kajian terhadap penubuhan suruhanjaya itu sudah berlangsung sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan SPRM bersedia membuat penambahbaikan yang bersesuaian dengan persekitaran semasa.

"Cadangan ini juga memerlukan penelitian beberapa jawatankuasa serta mendapatkan keputusan dasar sebelum dapat dimuktamadkan.

"Kertas cadangan sedia ada akan dikaji lanjut dan ditambah baik sebagai sebahagian daripada proses berterusan," katanya.

SPRM sebelum ini bekerjasama dengan sekumpulan penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menyediakan kajian dan kertas cadangan bertajuk Memperkasa Tatakelola dan Integriti Syarikat Amanah (Trust Company) dan Pendanaan Awam (Crowdfunding) di Malaysia.

Kajian itu mencadangkan penubuhan suruhanjaya khusus yang mempunyai kuasa di bawah akta tersendiri bagi memperkemas pengawasan, menetapkan piawaian tadbir urus serta meningkatkan akauntabiliti organisasi yang mengutip dan mengurus dana awam.

Antara perkara yang memerlukan perhatian ialah ketelusan sumber sumbangan, pendedahan maklumat kewangan, pemantauan transaksi dan penggunaan dana, selain tindakan terhadap pihak yang melanggar peraturan.

Sebelum ini, BH turut melaporkan bahawa SPRM mencadangkan sekurang-kurangnya tiga perundangan baharu, termasuk Charities Act, diwujudkan di negara ini bagi menangani kelompangan dalam isu pendanaan awam, termasuk trend kutipan derma oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berisiko membawa kepada rasuah besar-besaran (grand corruption) sehingga merugikan negara.

Dua lagi undang-undang itu ialah Akta Salah Laku dalam Jawatan Awam (Misconduct in Public Office Act) dan Akta Pendanaan Politik (Political Funding Act).

Isu pembatalan permit eksport sistem NSM

Tiga negara dikenal pasti bekalkan sistem NSM

Kuala Lumpur: Malaysia mengenal pasti tiga negara alternatif membekalkan sistem peluru berpandu NSM yang dibatalkan Norway sebelum ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata tiga negara yang dikenal pasti itu adalah Perancis, Itali dan Turkiye.

"Kementerian Pertahanan akan kemukakan kepada kerajaan yang mana satu hendak diganti bulan hadapan.

"Pembekalan akan ambil masa tiga hingga empat tahun," katanya ketika penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar bagi Kementerian Pertahanan di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, Malaysia akan menerima kumpulan pertama pesawat pejuang tempur ringan (LCA) FA-50M Block 20 buatan Korea Selatan, Jumaat ini.

Katanya, penerimaan pesawat berkenaan adalah sebahagian daripada usaha memperkukuh keupayaan tempur udara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sekali gus meningkatkan keupayaan pertahanan ruang udara negara.

"Pesawat berkenaan akan ditempatkan di Pangkalan Udara Kuantan, Pahang dan sebahagiannya di Pangkalan Udara Labuan, Sabah.

"Penerimaan pesawat ini adalah untuk memperkukuh keupayaan tempur udara Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya.

Pesawat berkenaan dilengkapi teknologi radar *Active Electronically Scanned Array* (AESA) serta yang memberikan kelebihan taktikal dan keupayaan serangan tepat.

> "Kementerian Pertahanan akan kemukakan kepada kerajaan yang mana satu hendak diganti bulan depan"



Mohamed Khaled Nordin, *Menteri Pertahanan*

RUU pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya

PSSC bermesyuarat semula selepas maklum balas AGC

Pejabat Peguam Negara diberi dua minggu untuk perincikan maklum balas

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSSC) akan bermesyuarat semula selepas menerima pandangan Pejabat Peguam Negara (AGC) berhubung cadangan pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata AGC diberi dua minggu untuk memperincikan maklum balasnya.

"Memandangkan PSSC dianggotai ahli daripada kerajaan dan pembangkang, AGC diberi dua minggu untuk mengemukakan maklum balasnya.



Azalina pada sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

"Minggu depan, sebaik sahaja kita menerima jawapan mereka, saya akan bermesyuarat dengan PSSC.

"Ahli parti boleh berhubung dengan wakil masing-masing dalam jawatankuasa itu untuk mendapatkan pemahaman lebih jelas mengenai isu perundangan yang terbabit," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2027 Peringkat Dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Bahas di Parlimen

Azalina berkata, sistem yang dicadangkan membolehkan pelantikan Pendakwa Raya dibahaskan di Parlimen, dengan nama calon dikemukakan oleh Dewan Rakyat sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pada 3 Mac lalu, RUU Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026, yang bertujuan mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, dirujuk kepada PSSC.

Di bawah kerangka dicadangkan, Pendakwa Raya akan menyelia semua pendakwaan jenayah, manakala Peguam Negara berperanan sebagai penasihat undang-undang kerajaan bagi perkara selain undang-undang jenayah.

Pendakwa Raya akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut budi bicara baginda atas nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Cadangan itu berbeza daripada aturan semasa, yang menyaksikan Peguam Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Minggu lalu, PSSC meminta AGC memperincikan perkara yang dibangkitkan oleh Majlis Raja-Raja untuk dibentangkan semula kepada jawatankuasa itu dalam tempoh dua minggu.

RUU berkenaan dibincangkan dalam mesyuarat penuh Majlis Raja-Raja pada 14 dan 15 Oktober lalu.

'Pemimpin agama perlu berani suara kebenaran'

Kuala Lumpur: Pemimpin agama perlu berani menyuarakan kebenaran tanpa gentar atau memihak kepada kepentingan politik, termasuk dalam memperjuangkan perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Pengerusi Eksekutif SULUH Centre, Nurul Izzah Anwar, berkata peranan pemimpin agama yang berfikiran merdeka penting dalam membentuk masyarakat yang berani memperjuangkan kebenaran, sekali gus membolehkan komuniti berkembang dan mencapai kemakmuran.

Berdasarkan pengalaman sendiri, beliau turut dipengaruhi pandangan pemimpin agama yang tidak takut menyuarakan kebenaran atau tunduk kepada kuasa politik dan kerajaan.

"Ini penting kerana ia menyuburkan semangat kemerdekaan dan memperkasakan komuniti untuk berkembang serta makmur," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Persidangan Dialog Bandaraya Asia Tenggara Ke-3 di sini, semalam.



Nurul Izzah (enam dari kiri) bersama tetamu pada Persidangan Dialog Bandaraya Asia Tenggara Ke-3, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Beliau menjawab soalan wartawan dari Indonesia mengenai peranan pemimpin agama berkenaan isu jerebu.

Nurul Izzah berkata, perlindungan hutan, alam sekitar dan rakyat selari dengan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan tujuan lebih tinggi dalam kehidupan dan pentadbiran.

Terdahulu ketika berucap, Nurul Izzah melahirkan kekecewaan apabila isu jerebu gagal diselesaikan dalam cara yang betul.

"Sebagai ibu, saya kecewa kerana walaupun di Asia Tenggara ini kita berada dalam keadaan aman damai dan indah, isu jerebu tidak dapat dihentikan dengan cara matang dan sepatutnya," katanya.

Persidangan Dialog Bandaraya Asia Tenggara ketiga dianjurkan oleh Pusat Dialog Antarabangsa (KAICIID) dengan kerjasama Allied Coordinating Council of Islamic NGOs (ACCIN) di Malaysia.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif ACCIN, Mohd Jamaludin Shamsudin dan Pengurus Program Kanan KAICIID, Mitra Modaressi.

ECRL berpotensi lonjak industri empat negeri SG4

Projek jajaran rel perkukuh sektor kargo, perkasa PKS serta peluang akses pasaran selatan Thailand

Oleh Nurul Husna Mahmud
bhnews@bh.com.my



Pengerusi SG4 Group Sdn Bhd, Prof Dr Haim Hilman Abdullah (kiri); Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor (dua dari kiri) dan Ahmad Samsuri (tiga dari kiri) pada sidang media Forum Perniagaan dan Ekonomi SG4 2026 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Raihana Mansor/BH)

Kuala Lumpur: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berpotensi besar menjadi pemangkin pembangunan industri empat negeri di bawah SG4, terutama menerusi pengukuhan sektor kargo dan kebolehan mengakses ke pasaran selatan Thailand.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata fokus ECRL sepatutnya memberi penekanan lebih tinggi kepada pengangkutan barangan serta menyokong aktiviti perindustrian berbanding hanya pengangkutan penumpang.

Mengambil contoh model perkhidmatan rel global, beliau mencadangkan supaya perkhidmatan kargo atau pengangkutan barangan merangkumi 70 peratus daripada keseluruhan operasi ECRL, manakala baki 30 peratus lagi diperuntukkan untuk perkhidmatan penumpang.

"Kita perlu memperkasakan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di sepanjang laluan ECRL. Di Terengganu misalnya, kita sudah memperuntukkan kawasan khas untuk PKS berdekatan stesen bagi memudahkan proses logistik dan pengangkutan barangan," katanya pada sidang media sempena Forum Perniagaan dan Ekonomi SG4 2026 di sini, semalam.

Mengulas mengenai pelan penyambungan jajaran rel ke sempadan Thailand yang diluluskan Kabinet, Ahmad Samsuri menyifatkan langkah itu sebagai situasi 'menang-menang' bagi Malaysia dan rantau berkenaan.

"Peluang meluaskan akses ke pasaran selatan Thailand akan memberikan kedudukan ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya saing kepada negeri SG4 (Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis)," katanya.

Projek infra setempat

Dalam pada itu, menyentuh isu pembiayaan prasarana majoriti di Malaysia, beliau menegaskan pentingnya kerjasama serta pemahaman mendalam antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung keutamaan projek infra setempat.

Beliau berkata, kerajaan Persekutuan tidak boleh bergerak bersendirian dalam mengenalpasti keperluan infrastruktur sebenar sesebuah negeri tanpa berbincang dengan kerajaan negeri.

"Kadangkala apa yang menjadi keutamaan negeri bukanlah keutamaan pada peringkat Persekutuan.

"Justeru, ruang perbincangan perlu dibuka lebih luas agar projek yang kritikal dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia atau cadangan pusingan (*rolling plan*)," katanya.

Dr Mahathir tidak hadir forum kerana kurang sihat

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menghadiri Forum Perniagaan dan Ekonomi SG4 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam kerana kurang sihat.

Anaknya, Tan Sri Mokhzani, berkata negarawan berusia 101 tahun itu sudah menyiapkan teks ucapan serta berhasrat menyampaikannya sendiri, namun tidak berkesempatan ekoran kesihatannya yang kurang memuaskan sejak akhir-akhir ini.

"Beliau sudah bekerja keras menyiapkan ucapan ini dan sememangnya mahu menyampaikannya sendiri. Namun, malangnya, keadaan kesihatannya tidak begitu baik kebelakangan ini.

"Saya berasa amat bersyukur dan berbesar hati kerana ayahanda telah meminta saya untuk membacakan ucap tama ini bagi pihak beliau," katanya ketika menyampaikan ucapan berkenaan pada majlis itu semalam.

Menerusi teks ucapan yang dibacakan itu, Dr Mahathir turut memohon maaf kepada hadirin atas ketidakhadirannya serta mengakui tahap kesihatannya masih belum pulih sepenuhnya.

"Alhamdulillah, dengan izin Allah, walaupun kesihatan saya tidak begitu memuaskan kebelakangan ini, saya masih dapat berkongsi sedikit pandangan bersama semua yang hadir.

"Namun disebabkan belum pulih sepenuhnya, saya memohon maaf dan meminta anak saya membacakan ucapan ini bagi pihak saya, sungguhpun saya amat berharap dapat menyampaikannya sendiri," katanya.

4 negeri 'gergasi tidur' sedia bangkit gegar ekonomi

Kuala Lumpur: Empat negeri dikuasai Perikatan Nasional (PN) yang digelar 'State Government 4' (SG4) disifatkan sebagai 'gergasi tidur' yang kini sedia untuk bangkit dan menggegar landskap ekonomi negara jika semua potensi serta sumber diperkasakan sepenuhnya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata gabungan kerajaan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis mempunyai kekuatan tersendiri dengan populasi melebihi 5.7 juta penduduk serta keluasan tanah merangkumi lebih 38,000 kilometer persegi.

"Sejak SG4 diilhamkan dan direalisasikan, pemimpin negeri ini semakin sedar potensi mereka miliki serta sejauh mana jangkauan boleh dicapai.

"Sekiranya empat negeri ini dapat menyatukan tenaga, menggabungkan sumber dan saling melengkapi, slogan 'the sky is the limit' (tiada batasnya) bukan lagi sekadar kiasan.

"SG4 mempunyai saiz, kawasan, rakyat dan infrastruktur cukup untuk berkembang menjadi zon ekonomi yang produktif serta menguntungkan," katanya menerusi teks ucapan khas sempena Sidang Kemuncak SG4 yang dibaca anaknya, Tan Sri Mokhzani, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Penasihat SG4 memohon maaf menerusi ucapannya kerana tidak dapat menyampaikan sendiri perutusan berkenaan berikutan faktor kesihatan.

Mengulas mengenai potensi sumber mineral, Dr Mahathir mendedahkan kekayaan unsur nadir bumi (REE) di negeri SG4 yang diiktiraf mempunyai simpanan tertinggi di negara ini dan kini menjadi perhatian pelabur.



Mokhzani ketika menyampaikan teks ucapan pada Forum Perniagaan dan Ekonomi SG4 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

"Isu utama sekarang bukan sekadar mengekstrak dan menjual bahan mentah secara terus untuk hasil serta-merta bagi mengisi kantung negeri.

"Sebaliknya, perancangan perlu dibuat untuk menambah nilai (*value-add*) kepada mineral ini bagi melipatgandakan hasil pendapatan negeri. Hanya dengan cara ini projek itu menjadi mampan dan memberi manfaat maksimum kepada rakyat," jelasnya.

Selain sumber mineral, Dr Mahathir memuji kepimpinan negeri SG4 yang mula beralih daripada aktiviti ekonomi tradisional kepada sektor baharu bernilai tinggi.

Beliau turut menepis persepsi kononnya masyarakat Melayu-Islam di empat negeri berkenaan kurang berdaya saing atau tidak pandai dalam bidang perniagaan.

"Jika perbandingan dibuat mengikut sempadan, ia mungkin kelihatan sedemikian. Namun jika dilihat dari sudut rakyatnya, usahawan Melayu yang berjaya di Kuala Lumpur, Selangor dan Pantai Barat sebenarnya terdiri daripada anak jati negeri SG4," katanya.

PRN MELAKA KE-16

BERSAMA mampu pecah undi, kacau peluang parti lawan

Kuala Lumpur: BERSAMA mungkin sukar untuk memenangi kerusi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka bulan depan, namun kehadirannya berpotensi memecah undi dan menjejaskan peluang parti lain, termasuk Pakatan Harapan (PH).

Pengerusi PH Melaka, Adly Zahari berkata kehadiran BERSAMA antara cabaran perlu diberi perhatian kerana isu diketengahkannya tidak banyak berbeza dengan isu dibangkitkan PH.

"Kesepakatan dalam kalangan parti komponen PH penting bagi mengelakkan sebahagian penyokong beralih kepada parti BERSAMA terutama dalam persaingan mendapatkan sokongan pengundi baharu.

"Kita tahu kemampuan BERSAMA. Memang parti ini agak baharu tetapi kita tidak anggap BERSAMA sebagai kecil," katanya dalam satu wawancara.

Adly yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata, persaingan mendapatkan undi pengundi baharu dijangka menjadi antara faktor penting dengan PH perlu memastikan sokongan terhadap parti itu kekal kukuh.

Beliau turut mengingatkan perbezaan undi yang kecil boleh menentukan kemenangan atau kekalahan sesebuah parti dalam pilihan raya.

"Sebagai contoh, majoriti kemenangan di Bukit Katil pada pilihan raya terdahulu pernah bermula dengan perbezaan sekitar 40 undi.

"Merujuk keputusan di Pengkalan Batu sebelum ini apabila calon Bebas, Datuk Norhizam Hassan Baktee memperoleh kira-kira 1,000 undi, yang memberi kesan kepada persaingan sehingga calon Barisan Nasional (BN) menang.

"Parti BERSAMA mungkin tidak akan menang (kerusi), tetapi mereka boleh mengganggu mana-mana parti yang akan bertanding untuk mencapai kemenangan," katanya.

Justeru beliau berpandangan PH perlu memperkukuhkan kesepakatan dan memastikan sokongan pengundi tidak beralih kepada pihak lain dalam menghadapi PRN Melaka.

Adly memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Katil pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dengan memperoleh 11,226 undi menewaskan calon BN serta PAS.

Dr Akmal sedia tarik diri jika kes mahkamah jejas BN

Peluang UMNO menang dan berkhidmat kepada rakyat perlu diutama

Oleh Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Mohamad Akmal Saleh, sedia menarik diri daripada mempertahankan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 14 November ini, jika kes mahkamah dihadapinya di sini menjejaskan peluang UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, pendirian itu dinyatakan secara terbuka kepada Pengerusi BN merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Tegas Dr Akmal, peluang BN dan UMNO untuk menang serta keupayaan parti berkhidmat kepada rakyat perlu diutamakan berbanding cita-cita peribadinya.

"Jika kes ini menjadi sesuatu yang boleh mencemarkan nama parti, saya sudah berterus terang kepada Presiden UMNO bahawa saya sanggup tidak bertanding jika dianggap beban kepada peluang parti untuk menang," katanya.



Dr Muhamad Akmal tiba di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, semalam.

Pada 22 Ogos tahun lalu, Dr Akmal, 38, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan membuat kenyataan di Facebook yang didakwa menyebabkan ketakutan awam.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwa tolak representasi

Terdahulu, mahkamah dimaklumkan representasi Dr Akmal bagi menggugurkan kes berkenaan ditolak pihak pendakwaan.

"Parti memberikan kepercayaan kepada saya untuk mempertahankan N27 (DUN Merlimau).

"Bagaimanapun, selagi hari penamaan calon belum tiba, apa-apa sahaja boleh berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mohamad Akmal akan mengemukakan representasi kedua secara terus kepada Peguam Negara bagi memohon menggugurkan pertuduhan jenayah terhadapnya atas dakwaan menyebabkan ketakutan awam.

Peguam utamanya, Aizat Azam, berkata langkah itu diambil selepas pihak pendakwaan menolak representasi pertama dikemukakan kira-kira 10 bulan lalu.

Beliau berkata, representasi kedua itu akan mengemukakan fakta, pandangan serta pendapat perundangan berhubung kes berkenaan untuk pertimbangan Peguam Negara.

"Susulan penolakan representasi itu, kami menerima arahan daripada anak guam untuk mengemukakan representasi kedua secara terus kepada Peguam Negara," katanya ketika berhujah di hadapan Majistret Roshayati Radellah, semalam.

Sementara itu, Pengarah Pendakwaan Pulau Pinang, Muna Mohamed Jaafar memaklumkan mahkamah yang pihak pendakwaan sudah berbincang dengan pasukan peguam Dr Muhamad Akmal berhubung perkara itu.

Beliau berkata pihak pendakwaan tidak membantah sekiranya pihak pembelaan mahu mengemukakan representasi baharu.

Roshayati kemudian menetapkan 4 Januari tahun depan bagi keputusan berhubung representasi berkenaan.

Loke nafi bantuan RM1,000 'pancing undi'

Melaka: Menteri Pengangkutan, Anthony Loke menafikan bantuan khas kewangan sebanyak RM1,000 yang diberikan kepada pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah di Melaka semalam bertujuan 'memancing undi' Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Beliau berkata sebaliknya, insentif berkenaan diberikan kepada semua pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah di seluruh negara selepas diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2027 di Parlimen, baru-baru ini.

"Saya nak betulkan beberapa kenyataan dekat luar, ada yang tanya mengapa hanya di Melaka? Hakikatnya (pemberian bantuan khas kewangan) ini untuk semua pemandu teksi di seluruh negara, bukan di Melaka sahaja.

"Hari ini, saya (sampaikan bantuan khas kewangan) di Melaka, minggu lepas saya di Negeri Sembilan, minggu depan saya pergi Kedah pula, jadi di setiap negeri seluruh negara, pemandu teksi dan kereta sewa juga akan mendapat bantuan khas ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada Pemandu Teksi, Kereta Sewa dan Bas Sekolah di Auditorium Kompleks CMI, Ayer Keroh, di sini hari ini.

Sebanyak 283 pemandu teksi dan kereta sewa menerima baucar sumbangan bernilai RM1,000 setiap seorang pada majlis berkenaan.

Mengulas lanjut, Loke berkata pada minggu ini sahaja, terdapat kira-kira 12,000 pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah akan menerima bantuan khas kewangan tersebut bagi meringankan beban ditanggung mereka.

"Yang tidak sempat kita jemput untuk majlis, kita buat pemindahan ataupun *bank-in* melalui Electronic Fund Transfer (EFT). Bantuan ini tidak mengira tempat, selagi dia ada kad pemandu yang sah dan mereka sahkan kad pemandu itu dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), maka kita akan dapat daftar nama mereka dalam sistem dan akan diberi bantuan RM1,000.

"Bermula hari ini juga, ada lebih 12,000 nama yang akan kita kreditkan (bantuan khas kewangan) dalam akaun bank masing-masing ... kita berharap bantuan ini dapat disalurkan secepat mungkin untuk meringankan beban mereka," katanya.

BERNAMA

PRN MELAKA KE-16

Calon muda PH atau 'pendekar' BN kuasai sokongan pengundi?





Di atas kertas, senarai calon ditampilkan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dilihat mempunyai kelebihan dari sudut pengalaman dan pengenalan calon, apatah lagi hampir 62 peratus daripada 21 barisan 'pendekar' gabungan itu ialah penyandang.

Selain Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, yang tampil sebagai ketua barisan perang, nama seperti penyandang Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh; Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem (DUN Duyong) dan Datuk Khaidirah Abu Zahar (DUN Rim) turut menjadi antara calon yang mempunyai profil tinggi.

Situasi itu berbeza dengan strategi Pakatan Harapan (PH) yang mempertaruhkan 13 muka baharu daripada keseluruhan 21 calon, bersamaan hampir 62 peratus, termasuk calon muda yang dilaporkan berusia seawal 23 tahun.

Daripada barisan PH, calon yang dilihat 'mesra' di muka akhbar atau lebih popular tidak ramai, sekadar penyandang DUN Bukit Katil, Adly Zahari yang juga bekas Ketua Menteri Melaka dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin di Paya Rumput.

Namun, calon yang dikenali lebih meluas kepada masyarakat tidak semestinya menjamin kemenangan, manakala calon muka baharu tidak boleh dianggap kurang berdaya saing hanya kerana belum mempunyai rekod sebagai wakil rakyat.

Justeru, kelebihan BN dari sudut pengalaman dan calon yang sudah dikenali, bukan tiket VIP untuk menganggap laluan gabungan itu mudah bagi mendapatkan majoriti dua pertiga untuk membentuk kerajaan negeri selepas 14 November ini.

Sebaliknya, persoalan utama ialah sejauh mana kelebihan penyandang dan rekod perkhidmatan masing-masing dapat diterjemahkan kepada undi, ketika PH cuba menawarkan pendekatan berbeza menerusi barisan calon yang lebih ramai muka baharu.

Berdasarkan perkembangan semasa kini, segmen pengundi muda yang berusia di antara 18 hingga 39 tahun, secara puratanya mewakili kira-kira 50 peratus pada pilihan raya dan ternyata ia mewakili jumlah yang tinggi.

Kajian sebuah firma penyelidikan bebas sebelum ini, seperti yang dinyatakan dalam maklumat kajian berkaitan pilihan raya, menunjukkan faktor calon atau *candidate-centric* boleh menjadi pertimbangan penting dalam kalangan pengundi muda.

Strategi tarik pengundi muda

Malah, strategi PH yang menampilkan ramai muka baharu boleh dibaca sebagai ingin menjuarai segmen pengundi muda bagi berdepan naratif penyatuan ummah yang dimainkan BN dan Perikatan Nasional (PN).

Penganalisis politik juga sering menekankan bahawa sebahagian pengundi yang belum mempunyai kesetiaan parti yang kukuh hanya membuat keputusan pada peringkat akhir kempen.

Contohnya, PH mempertaruhkan calon berusia 23 tahun di Kuala Linggi bagi menentang penyandang BN, Datuk Rosli Abdullah, di mana pertembungan itu menjadi antara perhatian menarik untuk melihat, sama ada usia dan pendekatan baharu calon mampu membina keyakinan pengundi, khususnya generasi muda.

Berdasarkan daftar pemilih suku keempat 2024 yang dirujuk *BH*, DUN Kuala Linggi mempunyai 15,140 pengundi berdaftar, dengan pengundi berusia 18 hingga 39 tahun membentuk kira-kira 46 peratus daripada keseluruhan pemilih.

Angka itu menunjukkan besarnya segmen pengundi muda dan dewasa awal di kawasan berkenaan, tetapi tidak boleh dijadikan bukti bahawa mereka akan memilih calon muda atau menyokong mana-mana gabungan tertentu.

Persoalannya, adakah pengundi dalam kelompok usia ini akan memberikan pertimbangan lebih besar kepada latar belakang serta pendekatan calon atau kekal dipengaruhi kesetiaan parti, rekod perkhidmatan dan isu setempat?

Berkongsi pandangan dengan *BH*, Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisomuddin Bakar, berkata keputusan BN mengekalkan 13 penyandang dan menampilkan lapan muka baharu menunjukkan gabungan itu masih memberi penekanan kepada pengalaman serta rekod perkhidmatan dalam pemilihan calon.

Katanya, bagaimanapun penilaian parti terhadap prestasi penyandang perlu diterjemahkan kepada penerimaan pengundi kerana kedua-duanya tidak semestinya bergerak seiring.

Beliau berkata, pengenalan calon dan kedudukan mereka dalam parti boleh membantu memperkukuh kedudukan di sesuatu kawasan, tetapi tidak menjadikan kerusi berkenaan secara automatik selamat.

"Kelebihan mereka terletak pada tahap pengenalan, jaringan akar umbi dan keterlihatan dalam membawa isu masyarakat.

"Namun, populariti seseorang calon hanya menjadi kelebihan pilihan raya apabila disokong rekod perkhidmatan, penerimaan setempat dan keupayaan jentera menggerakkan pengundi," katanya.

Bagi PH, Hisomuddin melihat pengundi muda serta pengundi di kawasan bandar dan separa bandar yang kurang terikat dengan kesetiaan parti mempunyai ruang untuk menilai calon berdasarkan gabungan beberapa faktor, termasuk latar belakang calon, kekuatan parti dan isu semasa.

Dalam keadaan itu, faktor calon boleh menjadi pembeza di kerusi yang persaingannya sengit, terutama apabila kekuatan asas parti tidak jauh berbeza dan keputusan dipengaruhi pengundi yang belum menetapkan pilihan.

Bagaimanapun, kecenderungan itu tidak boleh diterapkan secara seragam kepada semua kawasan kerana corak pengundian turut dipengaruhi komposisi demografi, sejarah persaingan parti, isu tempatan dan kekuatan jentera di setiap kerusi.

Mengulas pengundi Cina di kawasan bandar, beliau berkata, kecenderungan kepartian yang memihak kepada PH turut menjadi pertimbangan penting, berbanding penilaian terhadap calon semata-mata.

Pandangan itu menunjukkan bahawa strategi calon muka baharu PH perlu dilihat sebagai sebahagian daripada pendekatan lebih luas, bukan satu-satunya faktor yang menentukan penerimaan pengundi.

Menjelang hari pengundian pada 14 November ini, persoalan utama ialah, sama ada strategi PH yang menampilkan majoriti calon muka baharu mampu mengubah corak persaingan, khususnya dalam kalangan pengundi muda dan di kerusi yang mempunyai persaingan rapat.

Walaupun laluan PH untuk membentuk kerajaan negeri bergantung pada keputusan di seluruh 28 kerusi, perubahan pada beberapa kerusi sahaja sudah cukup untuk mengubah imbangan kekuatan politik negeri.

Buktikan kelebihan dimiliki

Sebaliknya, BN juga perlu membuktikan bahawa kelebihan dari segi pengalaman, pengenalan calon dan jaringan akar umbi mampu mengekalkan kepercayaan pengundi.

Rekod penyandang boleh menjadi aset, tetapi prestasi yang dinilai parti tidak semestinya sama dengan penilaian pengundi di lapangan.

Melaka mempunyai geografi yang kompak, dengan kawasan bandar dan separa bandar yang saling berhubung serta aliran maklumat yang pantas melalui media sosial. Keadaan ini menyediakan ruang untuk isu tempatan dan persepsi terhadap calon mendapat perhatian dengan cepat sepanjang kempen.

Namun, sejauh mana perkembangan itu mempengaruhi keputusan hanya dapat dinilai dengan mengambil kira keadaan setiap kerusi, profil calon yang bertanding dan corak keluar mengundi.

Kesimpulannya, barisan calon memberikan BN asas pengalaman dan pengenalan yang boleh dimanfaatkan, manakala PH cuba memperluas persaingan menerusi calon muka baharu dan pendekatan berbeza.

Keputusan PRN Melaka akhirnya bergantung pada sejauh mana kedua-dua gabungan dapat menghubungkan kekuatan calon dengan kehendak pengundi, serta menterjemahkan sokongan di atas kertas kepada undi pada hari pengundian.

PRN Sarawak Ke-13

GPS bakal diuji, pembangkang cari ruang tembusi kubu

ANALISIS



Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-13 dijangka bukan lagi pertarungan untuk menentukan siapa membentuk kerajaan negeri sebaliknya tertumpu kepada sejauh mana pembangkang mampu menghakis dominasi Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang memasuki pilihan raya dengan kelebihan politik amat besar.

Pada PRN Sarawak Ke-12 pada 18 Disember 2021, GPS menguasai 76 daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala Parti Sarawak Bersatu (PSB) memenangi empat kerusi dan DAP dua kerusi.

Bagaimanapun, komposisi DUN berubah selepas pilihan raya apabila See Chee How meninggalkan PSB dan menjadi ADUN Bebas, sebelum tiga lagi bekas ADUN PSB, iaitu Datuk Seri Wong Soon Koh, Dr Johnical Rayong Ngipa dan Baru Bian menyertai Parti Demokratik Progresif (PDP), komponen GPS.

Perkembangan itu menyebabkan GPS kini menguasai 79 kerusi, manakala seorang lagi bekas ADUN PSB, See Chee How memilih untuk menjadi wakil Bebas yang menyokong kerajaan, menjadikan blok kerajaan serta wakil yang selari dengannya menguasai 80 daripada 82 kerusi, dengan DAP memegang dua kerusi iaitu Padungan dan Pending.

Dengan DUN dibubarkan semalam, persoalan utama PRN13 bukan lagi sama ada GPS mampu membentuk kerajaan, tetapi mampukah gabungan itu mengekalkan sebahagian besar daripada 76 kerusi yang dimenanginya pada PRN12.

50 DUN zon putih bagi GPS

Daripada 82 kerusi DUN Sarawak, antara 45 hingga 50 kawasan dianggap dalam kategori putih bagi GPS, manakala 20 hingga 25 kerusi lagi dalam kategori kelabu yang memihak parti pemerintah itu.

Zon putih atau peluang amat kukuh GPS untuk terus menguasai itu termasuk sebahagian besar kawasan tradisi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) serta beberapa kerusi yang dikuasai Parti Demokratik Progresif (PDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) dengan majoriti kemenangan besar pada 2021.



Antara kerusi berkenaan adalah Tanjong Datu, Pantai Damai, Demak Laut, Tupong, Samariang, Satok, Asajaya, Muara Tuang, Stakan, Sadong Jaya, Simunjan, Gedong, Sebuyau, Saribas, Bukit Saban, Kalaka dan Kabong.

Turut berpeluang cerah mengekalkan penguasaan GPS ialah Kuala Rajang, Semop, Daro, Jemoreng, Nangka, Dalat, Tellian, Balingian, Katibas, Bukit Goram, Jepak, Kemena, Bekenu, Lambir, Telang Usan, Mulu, Bukit Kota, Batu Danau dan Bukit Sari.

Kerusi seperti Daro, Dalat, Tupong dan Bukit Sari juga mempunyai majoriti kemenangan besar pada 2021, sekali gus menjadikan usaha pembangkang menumbangkan penyandang GPS amat mencabar tanpa perubahan sentimen pengundi yang luar biasa.

Antara 20 hingga 25 kerusi lagi dilihat masih memihak kepada GPS, tetapi memerlukan kerja keras kerana kawasan terbabit berada dalam kategori kelabu.

Kawasan itu tidak boleh dianggap selamat sepenuhnya, terutama jika berlaku perubahan calon, peningkatan kekuatan pembangkang atau perubahan sentimen pengundi.

Kawasan terbabit antaranya Opar, Tasik Biru, Serembu, Mambong, Tarat, Tebedu, Kedup dan Bukit Semuja kerana keputusan pada PRN12 mendapati beberapa kerusi terbabit mempunyai margin yang tidak terlalu besar.

Begitu juga beberapa kerusi di bahagian tengah dan selatan seperti Lingga, Beting Maro, Simanggang, Batang Ai, Layar, Krian, Pakan, Meluan, Ngemah dan Machan yang diramal berada dalam kategori kelabu.

Pada masa sama, GPS sendiri tidak mengambil mudah kelebihan yang dimilikinya seperti dinyatakan Ketua Penerangan PBB, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah, yang parti itu yakin mampu mengekalkan sekurang-kurangnya majoriti dua pertiga dan berpotensi mencapai tiga perempat kerusi.

Bagaimanapun, beliau mengakui terdapat kawasan yang memerlukan perhatian khusus bersandarkan beberapa faktor semasa termasuk kemungkinan perubahan calon.

Penyertaan parti lawan termasuk Pakatan Harapan (PH) dan PAS dilihat mampu memberi cabaran yang tidak boleh dipandang enteng.

Begitu juga dengan kehadiran beberapa parti tempatan antaranya Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI), Parti Wawasan Rakyat dan Parti Bumi Kenyalang.

5 perkara utama MA63 perlu rundingan peringkat tertinggi

Kuala Lumpur: Kerajaan mengakui ada lima perkara utama berkaitan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang sukar diselesaikan dan memerlukan rundingan pada peringkat tertinggi membabitkan Perdana Menteri, Premier Sarawak dan Ketua Menteri Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Mustapha Sakmud, berkata lima isu itu ialah rundingan royalti minyak dan struktur pembayaran tunai petroleum serta bidang kuasa kawal selia mineral minyak dan medan minyak.

Beliau berkata, begitu juga dengan pemakaian serta implikasi Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750), hak kedaulatan dan pengurusan kawasan pelantar benua serta perundangan dan percukaian duti setem bagi transaksi tanah negeri.

"Keputusan bagi lima perkara itu memerlukan kesepakatan tiga pemimpin utama berkenaan, dengan segala perbincangan di peringkat kementerian dan agensi akan dibawa terus kepada mereka untuk dimuktamadkan.

"Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHESS) pula akan terus memantau perkembangan rundingan bagi memastikan kemajuan setiap perkara dapat dinilai," katanya dalam sesi *podcast BH*, di sini.

Sehingga kini, sebanyak 16 daripada 29 perkara di bawah MA63 direkodkan selesai, manakala pembayaran interim berkaitan tuntutan 40 peratus hasil bersih Persekutuan kepada Sabah kini meningkat kepada RM1.5 bilion.

Baki tuntutan MA63 yang masih belum selesai melibatkan sebanyak 10 perkara di bawah pemantauan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) sehingga bulan ini, manakala tiga lagi selesai secara interim.

Kemajuan selesai tuntutan

Dalam perkembangan berkaitan, Mustapha berkata, kerajaan turut merekodkan kemajuan dalam usaha menyelesaikan tuntutan MA63, termasuk hak pemberian khas Sabah sebanyak 40 peratus yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, pentadbiran Kerajaan Perpaduan menyaksikan paling banyak perkara berhubung MA63 diselesaikan, iaitu sebanyak 12 isu.

"Dari segi pencapaian, tiga perkara dipersetujui pada era Datuk Seri Najib Razak, manakala 17 perkara dipersetujui ketika pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad, namun perkara itu belum selesai sepenuhnya pada tempoh berkenaan.

"Empat perkara pula diselesaikan ketika pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri, manakala 12 perkara berjaya diselesaikan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Perbezaan antara perkara yang disenaraikan, dipersetujui dan diselesaikan sepenuhnya turut perlu difahami bagi mengelakkan kekeliruan mengenai kemajuan pelaksanaan MA63," katanya.

Beliau berkata, sesuatu perkara hanya dianggap selesai apabila semua pihak mencapai kesepakatan muktamad, termasuk apabila diperlukan, melalui pewartaan atau keputusan dasar penting yang dipersetujui bersama.

Mengulas kemungkinan lima isu berkenaan diselesaikan sebelum Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16), Mustapha berkata, penetapan tempoh khusus bukan perkara mudah kerana isu terbabit berakar sejak pembentukan Malaysia pada 1963.

Katanya, terdapat perkara yang boleh diselesaikan dalam tempoh lebih singkat, namun isu tertentu memerlukan penelitian mendalam berikutan perbezaan tafsiran perundangan dan perlembagaan.

"Antara contoh mencerminkan kerumitan itu ialah pertikaian membabitkan Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) dan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS), selain isu pemberian khas 40 peratus kepada Sabah yang turut dicabar di mahkamah.

"Justeru, penyelesaian lima perkara berkenaan memerlukan rundingan berterusan serta keputusan di peringkat kepemimpinan tertinggi bagi memastikan persetujuan yang dicapai dapat dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

Kes pegawai AKPS mati ditikam suami

Lelaki dituduh bunuh isteri

Tiada pengakuan direkodkan, kes disebut semula 22 Disember

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh isterinya, yang juga pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

Tertuduh, Mohd Khairudin Safi'ai, 37, hanya mengangguk faham sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Nurul Saqinah Rosli.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh Norhazwani Ibrahim, 35, kira-kira jam 7 malam di sebuah unit dekat Kompleks Perumahan Penjawat Awam KLIA pada 15 Oktober lalu.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum mati atau penjara tidak kurang 30 tahun serta tidak lebih 40 tahun dan sekiranya tidak dihukum mati, boleh dihukum sebat minimum 12 sebatan.

Tiada pengakuan direkodkan ketika prosiding semalam memandangkan kes mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahidah Mohd Sharip memohon satu tarikh untuk sebutan laporan bedah siasat.

Minta keluarga bersabar

Mahkamah menetapkan 22 Disember ini sebagai tarikh sebutan semula selain tertuduh tidak ditawarkan sebarang jaminan.

Sementara itu, abang Norhazwani, Amran, 59, meminta keluarganya bersabar dan tidak cari gaduh dengan keluarga adik iparnya itu dan membenarkan kes diselesaikan mengikut undang-undang.

Menurut Amran, kejadian itu sudah berlaku dan sebarang kemarahan atau pergaduhan tidak akan mengembalikan nyawa adik bongsunya itu.

"Alhamdulillah, semuanya urusan di Kelantan berjalan lancar. Saya minta adik lelaki dan ahli keluarga lain supaya bersabar serta menerima kejadian ini.

"Tidak perlu bergaduh. Jika gaduh sekali pun, adik kami tidak akan hidup kembali. Kita serahkan kepada pihak mahkamah untuk tentukan hukuman terhadap adik ipar," katanya ketika ditemui.

Amran hadir bersama isterinya mewakili ahli keluarga lain di Mahkamah Majistret untuk mengikuti perkembangan pendakwaan kes berkenaan.

Amran berkata, dia dihubungi adiknya yang tinggal di Kelantan, malam kelmarin memaklumkan lelaki berkenaan akan dituduh di mahkamah, semalam.

"Saya sebenarnya tidak biasa dengan proses mahkamah. Apabila adik lelaki beritahu polis akan tuduh adik ipar, saya datang dari Batu Caves, Selangor bersama isteri untuk ikuti kes ini," katanya.



Mohd Khairudin didakwa di Mahkamah Majistret di Seremban semalam atas pertuduhan membunuh isterinya 15 Oktober lalu. (Foto BERNAMA)

Ditanya sama ada keluarga besannya itu ada berjumpa dengan pihak keluarganya, Amran berkata, setakat ini dia belum menerima apa-apa berita mengenai sebarang perjumpaan keluarga.

"Jika diikutkan, kampung kami di Kelantan sebelah-menyebelah sahaja. Tetapi bagi saya, elok juga tidak berjumpa buat masa ini kerana keadaan masih tegang," katanya.

'Recycle Me!' 2026 galak amalan kitar semula dalam kalangan komuniti setempat

Kuala Lumpur: Coca-Cola Malaysia dengan kerjasama Alam Flora Environmental Solutions dan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), telah melancarkan kempen 'Recycle Me!' 2026.

Inisiatif berteraskan komuniti ini memperkenalkan program pendidikan kitar semula, kemudahan infrastruktur serta aktiviti kitar semula kepada lapan komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan untuk memudahkan penduduk mengamalkan kitar semula dengan menyediakan lokasi pengumpulan yang lebih dekat dan mudah diakses oleh komuniti setempat, sekali gus meningkatkan penyertaan dalam pengumpulan botol PET dan tin aluminium untuk dikitar semula.

Menurut artikel yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) pada tahun 2021, kira-kira 82.5 peratus daripada sisa yang dihasilkan di Malaysia berakhir di tapak pelupusan.

Sebahagian besar daripada sisa berkenaan terdiri daripada bahan yang boleh dikitar semula, termasuk botol PET dan tin aluminium.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh bersama-sama wakil DBKL, Coca-Cola Malaysia dan AFES dalam inisiatif 'Recycle Me!' 2026, sekali gus memulakan program Hari Cuci Malaysia bagi menggalakkan persekitaran kejiranan yang lebih bersih dan hijau.

Keadaan ini mencerminkan kepentingan usaha berterusan untuk memperkukuh sistem kitar semula serta menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

Menerusi Recycle Me! 2026, Coca-Cola Malaysia bersama rakan kerjasama memperluas akses kepada kemudahan dan aktiviti kitar semula agar lebih ramai penduduk dapat mengambil bahagian dalam usaha mengitar semula botol PET dan tin aluminium.

Dilancarkan pada tahun 2023, 'Recycle Me!' pada awalnya memberi tumpuan kepada pengumpulan botol PET menerusi pusat pengumpulan di pasar raya AEON sekitar Lembah Klang.

Pada tahun ini, skop program ini telah diperluaskan untuk merangkumi pengumpulan tin aluminium selain botol PET.

Program yang berlangsung dari Oktober 2026 hingga April 2027 ini bertujuan untuk menjadikan kemudahan kitar semula lebih mudah diakses, serta menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan penduduk.



Penduduk PPR Batu Muda membawa barangan kitar semula ke program kutipan di lokasi menerusi kempen 'Recycle Me!' 2026, anjuran bersama Coca-Cola Malaysia dan AFES dengan sokongan DBKL.

Pengarah Hal Ehwal Awam, Komunikasi dan Kelestarian (PACS), Coca-Cola Malaysia, Berkata sempena ulang tahun ke-90 Coca-Cola Malaysia, pihaknya kekal komited untuk menyokong inisiatif yang memberi manfaat dan impak positif kepada komuniti yang menjadi sebahagian daripada perjalanan selama sembilan dekad.

"Melalui Recycle Me! 2026, kami berharap dapat memudahkan lebih ramai penduduk untuk menyertai aktiviti kitar semula dan bersama membina budaya kitar semula yang lebih kukuh dalam komuniti.

"Bersama rakan kerjasama, kami berhasrat untuk menggalakkan lebih ramai penduduk mengitar semula botol PET dan tin aluminium," katanya.

'Recycle Me!' 2026 menyokong pengumpulan botol PET dan tin aluminium daripada komuniti yang mengambil bahagian, sekali gus membantu menyalurkan bahan tersebut kembali ke dalam rantaian nilai kitar semula.

Penduduk akan mendapat akses kepada aktiviti pengumpulan bahan kitar semula secara bulanan serta program pendidikan kitar semula.

Bagi mengiktiraf penyertaan aktif, program ini turut menawarkan ganjaran dan penghargaan kepada komuniti yang mencatat pencapaian terbaik dalam aktiviti kitar semula.

Inisiatif ini juga dijangka memberi panduan yang dapat menyokong pembangunan model kitar semula berasaskan komuniti yang boleh diperluas ke seluruh negara.

MukaSepuluh
E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Talian Terus: 03-2724 8588 | Hotline: 1300 22 6787 | Sambungan: 8588

Diplomasi Anwar-Prabowo urus isu jerebu rentas sempadan

- Melalui kerangka ASEAN, kedua-dua negara mempunyai platform untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pemantauan kebakaran, perkongsian maklumat, pembangunan teknologi pengesanan awal serta usaha pemuliharaan alam sekitar

- Jika Prabowo mewakili komitmen Indonesia untuk perkukuh diplomasi alam sekitar dan meningkatkan pengurusan kebakaran hutan, Anwar pula memainkan peranan sebagai jambatan diplomasi yang menggalakkan dialog, persefahaman dan kerjasama serantau



Oleh Warjio
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Bahagian Politik, Universiti Sumatera Utara (USU) dan Felo The Future Research, Malaysia

Hubungan diplomatik antara Indonesia dengan Malaysia menjadi antara hubungan dua hala paling penting di Asia Tenggara.

Kedua-dua negara berkongsi sejarah, budaya, bahasa serta kepentingan ekonomi. Namun, hubungan itu tidak terlepas daripada pelbagai cabaran, termasuk isu kebakaran hutan dan tanah di Indonesia yang menyebabkan jerebu merentasi sempadan hingga menjejaskan Malaysia.

Fenomena ini berlaku secara berulang sejak beberapa dekad lalu dan sering menjadi perhatian awam serta kerajaan di kedua-dua negara.

Walaupun isu jerebu kadangkala menimbulkan ketegangan diplomatik, ia juga membuka ruang kepada kerjasama lebih erat dalam bidang alam sekitar.

Hakikatnya, kebakaran hutan bukan sahaja masalah domestik Indonesia, tetapi turut memberi kesan kepada negara jiran. Atas sebab itu, pendekatan berasaskan kerjasama dan saling memahami menjadi semakin penting dalam mengurus cabaran rentas sempadan ini.

Kebakaran hutan lazimnya berlaku di beberapa kawasan di Sumatera dan Kalimantan, terutama ketika musim kemarau.

Apabila kebakaran menjadi sukar dikawal, asap terhasil boleh bergerak merentasi sempadan dan menjejaskan kualiti udara di Malaysia. Situasi ini memberi kesan kepada kesihatan awam, aktiviti ekonomi, sektor pelancongan dan kehidupan harian masyarakat.

Oleh itu, isu jerebu sering berkembang daripada masalah alam sekitar kepada isu diplomatik yang memerlukan perhatian pemimpin kedua-dua negara.

Dari sudut Malaysia, kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi kebajikan rakyat terkesan akibat pencemaran udara.

Namun pada masa sama, Malaysia juga perlu mengekalkan hubungan baik dengan Indonesia sebagai rakan strategik utama di rantau ini.

Dalam konteks ini, kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan positif kerana beliau secara konsisten menekankan kepentingan dialog, persefahaman dan kerjasama serantau dalam menyelesaikan isu bersama.

Pendekatan sederhana dan diplomatik dibawa beliau membantu dalam memastikan perbezaan pandangan tidak berkembang menjadi pertikaian yang boleh menjejaskan hubungan dua hala.

Di pihak Indonesia pula, Presiden Prabowo Subianto berdepan cabaran untuk mengurus isu kebakaran hutan sambil memastikan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat terus dipelihara.

Dalam keadaan itu, diplomasi menjadi instrumen penting untuk menunjukkan komitmen Indonesia dalam menangani kebakaran hutan, memperkukuh kerjasama serantau dan mengekalkan keyakinan negara jiran terhadap kesungguhan Jakarta dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

Tangani isu jerebu secara konstruktif

Apa yang menarik, hubungan antara Prabowo dan Anwar memberikan peluang lebih besar untuk menangani isu jerebu secara konstruktif.

Kedua-dua pemimpin mempunyai kesedaran bahawa hubungan Indonesia-Malaysia jauh lebih luas daripada isu asap semata-mata. Perdagangan, pelaburan, keselamatan serantau, pendidikan, tenaga kerja dan kerjasama ASEAN menjadi kepentingan bersama yang perlu dipelihara.

Oleh itu, pendekatan menekankan kerjasama berbanding saling menyalahkan menjadi pilihan lebih realistik dan bermanfaat.

Dalam hubungan antarabangsa moden, cabaran alam sekitar semakin menjadi sebahagian agenda diplomasi. Isu jerebu menunjukkan sempadan politik tidak mampu menghalang kesan daripada kerosakan alam sekitar. Apa yang berlaku di satu negara boleh memberi kesan langsung kepada negara lain. Oleh itu, kejayaan mengurus isu ini bergantung kepada tahap kepercayaan dan kerjasama antara kerajaan yang terbabit.

Melalui kerangka ASEAN, kedua-dua negara mempunyai platform kukuh untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pemantauan kebakaran, perkongsian maklumat, pembangunan teknologi pengesanan awal serta usaha pemuliharaan alam sekitar.

Pendekatan sebegini lebih berkesan kerana ia menangani punca masalah dan bukannya hanya memberi tumpuan kepada kesannya.

Pada pandangan saya, isu jerebu tidak seharusnya dilihat sebagai faktor memisahkan Indonesia dan Malaysia. Sebaliknya, ia perlu dianggap sebagai cabaran bersama yang memerlukan tanggungjawab bersama.

Indonesia sememangnya memikul peranan utama kerana kebakaran berlaku dalam wilayahnya, namun penyelesaian jangka panjang memerlukan sokongan dan kerjasama dari negara jiran, termasuk Malaysia.

Dalam konteks ini, kepemimpinan Prabowo dan Anwar menjadi aset penting kepada kestabilan hubungan dua hala.

Jika Prabowo mewakili komitmen Indonesia untuk memperkukuh diplomasi alam sekitar dan meningkatkan pengurusan kebakaran hutan, Anwar pula memainkan peranan sebagai jambatan diplomasi yang menggalakkan dialog, persefahaman dan kerjasama serantau.

Gabungan kedua-dua pendekatan ini berpotensi memperkukuh lagi hubungan Indonesia-Malaysia pada masa hadapan.

Hakikatnya, kebakaran hutan dan jerebu rentas sempadan kekal sebagai cabaran penting dalam hubungan Indonesia-Malaysia.

Namun, dengan kepemimpinan pragmatik serta komitmen politik kukuh daripada Prabowo dan Anwar, isu ini boleh diurus melalui diplomasi matang dan kerjasama berterusan.

Dalam keadaan dunia semakin saling bergantung, kejayaan kedua-dua pemimpin mengendalikan cabaran ini bukan sahaja akan mengukuhkan hubungan dua hala, malah menjadi contoh penting mengenai bagaimana diplomasi serantau dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah alam sekitar yang memberi kesan kepada seluruh rantau Asia Tenggara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL | zuljalil@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
NAZARUDIN ABU BAKAR | nazarudin@bh.com.my

MCA mesti terima rundingan dan kompromi dalam BN



Penganalisis ekonomi dan politik bebas

Oleh Mohd Norazam Muhammad
bhrencana@bh.com.my

Tindakan MCA meninggalkan majlis pengumuman calon Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, dipersembahkan sebagai pembelaan berprinsip terhadap tadbir urus gabungan.

Namun, ia juga kelihatan seperti bantahan dramatik rakan politik yang baru menyedari rundingan tidak semestinya menghasilkan keputusan dikehendakinya.

Perbezaan ini penting kerana pertikaian sebenar mesti diputuskan berdasarkan bukti dan tatacara, bukannya kekuatan tepukan penyokong.

Persembahan politik mungkin meraih perhatian, tetapi tidak dengan sendirinya membuktikan salah laku prosedur.

Di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Presiden MCA, Wee Ka Siong mendakwa kerusi yang pernah ditandingi partinya diagihkan semula tanpa rundingan sewajarnya.

Beliau turut menyatakan pemimpin MCA dimaklumkan acara 24 Oktober itu bertujuan melancarkan jentera pilihan raya, bukannya mengumumkan calon.

MCA mengemukakan bantahan bertulis, hadir selepas perbincangan dalaman, kemudian meninggalkan majlis. Ka Siong menegaskan tindakan itu protes, bukan boikot, perbezaan istilah yang diminta memikul kewibawaan pindaan perlembagaan.

MCA mempunyai alasan munasabah untuk membantah sekiranya sekretariat BN memberikan gambaran salah mengenai acara berkenaan atau mengumumkan calon sebelum proses dipersetujui selesai.

Gabungan yang menjadikan rundingan sekadar perhiasan memang wajar ditegur. Namun kenyataan MCA hari ini dilaporkan melangkah lebih jauh dengan enggan mengiktiraf calon tanpa kelulusan parti.

Ketegasan bukan bukti dan sidang media tidak boleh menggantikan minit mesyuarat atau peruntukan perlembagaan gabungan. MCA perlu menunjukkan peraturan memberikan kuasa berkenaan, kelulusan khusus diperlukan serta bagaimana pelanggaran berlaku.

Tanpa penjelasan itu, ungkapan kelulusan parti berisiko menjadi bahasa istiadat yang bermaksud 'keputusan mesti memuaskan hati kami'. Itu bukan rundingan; itu kuasa veto yang memakai tali leher.

MCA bertanding tujuh kerusi Melaka pada 2021 dan memenangi Klebang serta Machap Jaya. Rekod itu membuktikan penyertaan dan pelaburan politik setempat, bukannya hak milik kekal.

Kawasan pilihan raya bukan pusaka keluarga ataupun petak parkir yang ditempah dengan lambang parti pengasas.

Tuntutan sejarah wajar dipertimbangkan, tetapi tidak boleh menggantikan penilaian kebolehmenangan semasa, strategi gabungan dan rundingan telus.

Di sinilah percanggahan utama MCA. Parti itu menuntut penghormatan terhadap prosedur dalaman, sambil seolah-olah menganggap BN wajib mengekalkan kerusi pernah ditandinginya.

Bukan hak pemilikan abadi

Kelulusan dalaman ialah perlindungan sah daripada keputusan sepihak, bukan tongkat sakti yang menukarkan pencalonan lampau kepada hak pemilikan abadi.

Jika mahukan gabungan, MCA mesti menerima rundingan, kompromi dan kadangkala kekecewaan, tiga pengalaman yang ingin dikecualikan daripada kehidupan parti politik.

Pengerusi BN merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengakui Ka Siong tidak dimaklumkan sekretariat mengenai pengumuman calon dan menjanjikan perbincangan sebelum tarikh penamaan calon, 31 Oktober.

Laporan menunjukkan surat pelantikan akhir belum ditandatangani dan perubahan mungkin berlaku. Pengakuan itu memperlihatkan kelemahan proses BN, tetapi turut mencabar gambaran bahawa segala keputusan sudah muktamad.

Jika rundingan masih terbuka, tindakan meninggalkan majlis bukan semata-mata mempertahankan hak yang telah dinafikan secara kekal; ia juga usaha mempengaruhi rundingan belum selesai melalui tekanan terbuka.

> "MCA menuntut penghormatan terhadap prosedur dalaman, sambil seolah-olah menganggap BN wajib mengekalkan kerusi pernah ditandinginya"

Taktik itu mungkin berkesan, namun keberkesanan tidak sama dengan keunggulan moral. Tekanan awam juga tidak semestinya menjelaskan siapa mempunyai kuasa membuat keputusan.

BN mesti mendedahkan peraturan rundingan, urutan keputusan dan kebenaran berkaitan. Jaminan lisan tidak menggantikan rekod, apabila pertikaian membabitkan tanggungjawab dan kepercayaan antara komponen.

MCA pula patut menerbitkan bantahan bertulis serta menjelaskan penyelesaian yang dituntut. Adakah kerusi tertentu, proses baharu, kuasa veto terhadap calon atau permohonan maaf yang cukup panjang untuk memulihkan maruah tercalar? Parti serius sepatutnya mampu menjawab tanpa memaksa rakyat mentafsir adegan keluar dewan.

Pemimpin DAP seperti Chong Zhemin dan Lim Chun Weng mencabar MCA meninggalkan BN atau bertanding menggunakan lambang sendiri.

Cabaran itu boleh difahami secara politik, tetapi bukan pengganti analisis. Keluar dewan mudah, tetapi keluar gabungan membawa akibat organisasi, pilihan raya dan kewangan.

MCA tidak wajar dipaksa berundur. Namun parti itu juga tidak boleh menganggap kekal dalam BN sambil menolak setiap keputusan sebagai prinsip yang mampu bertahan selama-lamanya. Keistimewaan perkongsian tidak boleh dituntut sambil setiap kompromi dilabel 'pengkhianatan'.


Isu lebih luas ialah kredibiliti gabungan. UMNO dan komponen lain mempunyai kepentingan, manakala kerjasama Persekutuan dengan Pakatan Harapan (PH) menambah kerumitan strategi.

Pertikaian ini tidak secara automatik mengubah komitmen Persekutuan atau meramalkan tindakan pengundi. Namun ia memperlihatkan tabiat politik yang biasa: tadbir urus bersama dipuji apabila menguntungkan, sementara hak sejarah dituntut apabila keputusan mengecewakan.

MCA harus berhenti menganggap kemarahan sebagai pembuktian. BN pula jangan menyamakan pengumuman dengan rundingan.

Sebelum penamaan calon, kedua-duanya mesti menjelaskan peraturan, membetulkan kelemahan prosedur dan menyatakan keputusan akhir.

Disiplin gabungan bukan kepatuhan membuta tuli, tetapi bukan lesen kekal menuntut layanan istimewa. Pengundi Melaka berhak mendapat kurang lakonan, kurang perisytiharan terluka dan lebih banyak bukti bahawa pemimpin memahami perbezaan antara perkongsian dengan rasa berhak.



Belanjawan 2027 harapan bawa perubahan kehidupan rakyat

- Bantuan perlu disalurkan secara cekap dan telus, khususnya kepada mereka yang berdepan kekangan digital, lokasi terpencil atau kesukaran mengurus prosedur pentadbiran

- Cadangan menyediakan langganan kecerdasan buatan (AI) percuma kepada tambahan 100,000 anak muda pula membuka peluang meningkatkan pembelajaran, penyelidikan dan persediaan memasuki alam pekerjaan



Profesor di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Prof Datuk Dr Ismail Sualman
bhrencana@bh.com.my

Belanjawan 2027 mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperkukuh perlindungan sosial, menjaga kebajikan isi rumah dan merangsang pembangunan ekonomi lebih inklusif.

Pelbagai cadangan bantuan merangkumi penjawat awam, pesara, pelajar, orang kurang upaya (OKU), petani, nelayan, pekerja gig dan golongan berpendapatan rendah.

Langkah ini memperlihatkan usaha kerajaan menangani tekanan kos sara hidup serta melindungi kuasa beli rakyat.

Namun, keberkesanan belanjawan tidak seharusnya diukur berdasarkan jumlah bantuan atau banyaknya program diumumkan semata-mata.

Ukuran sebenar ialah sejauh mana inisiatif berkenaan meningkatkan taraf hidup, mewujudkan pekerjaan berkualiti dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi.

Antara tumpuan utama ialah bantuan kewangan melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Peluasan penggunaan SARA ke pasaran pertanian terpilih dan premis yang mengambil bahagian dalam rangkaian Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) pula berpotensi meningkatkan akses kepada makanan segar, selain menyokong pengeluar tempatan.

Cadangan menaikkan pencen minimum daripada RM1,000 kepada RM1,350 di samping bantuan kepada warga emas, penjaga dan keluarga mempunyai anggota berkeperluan khas, turut mencerminkan perhatian terhadap golongan rentan.

Bagaimanapun, bantuan ini perlu disalurkan secara cekap dan telus, khususnya kepada mereka yang berdepan kekangan digital, lokasi terpencil atau kesukaran mengurus prosedur pentadbiran.

Pastikan tiada pihak tercicir

Penyelarasan antara agensi dan pemantauan pengagihan penting bagi memastikan tiada penerima yang layak tercicir. Bantuan langsung perlu dilihat sebagai jaringan keselamatan, bukannya penyelesaian tunggal kepada kemiskinan.

Cadangan menaikkan gaji minimum daripada RM1,700 kepada RM2,000 sebulan mulai Jun 2027 bagi pekerja tertakluk kepada kadar baharu berpotensi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli.

Cadangan gaji permulaan RM2,500 bagi pekerjaan separa mahir dan graduan pula menunjukkan usaha memperkukuh hubungan antara kelayakan, kemahiran dan ganjaran.

Namun, kenaikan gaji sahaja tidak menjamin peningkatan taraf hidup. Jika produktiviti tidak berkembang seiring, perusahaan mikro dan kecil mungkin berdepan kos operasi lebih tinggi, sekali gus berisiko mengurangkan pengambilan pekerja atau menaikkan harga.

Justeru, dasar gaji perlu disokong program peningkatan produktiviti, Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET), pendigitalan dan insentif kepada perniagaan yang beralih kepada aktiviti bernilai tambah tinggi.

Sokongan kepada pemandu e-hailing, penunggang p-hailing dan pekerja sendiri juga penting.

Caruman perlindungan sosial serta simpanan persaraan dapat membantu mengurangkan kerentanan pekerja gig yang tidak menikmati perlindungan pekerjaan konvensional.

Peningkatan bantuan persekolahan, elaun pendidikan khas, makanan pelajar mampu milik dan kemudahan pengangkutan boleh meringankan beban keluarga serta memperluas peluang pendidikan, khususnya bagi golongan kurang bernasib baik.



Cadangan menyediakan langganan kecerdasan buatan (AI) percuma kepada tambahan 100,000 anak muda pula membuka peluang meningkatkan pembelajaran, penyelidikan dan persediaan memasuki alam pekerjaan.

Namun, akses teknologi perlu disertai literasi digital, pemikiran kritis, kesedaran perlindungan data dan keupayaan menilai kesahihan maklumat.

Latihan berstruktur, panduan etika dan pengalaman praktikal penting supaya manfaat AI tidak hanya dinikmati mereka yang sudah mempunyai kemahiran digital.

Bantuan kepada pesawah, nelayan dan pekebun kecil getah berpotensi melindungi pendapatan serta menyokong pengeluaran makanan domestik.

Namun, bantuan kewangan perlu disertai pembaharuan meningkatkan daya tahan sektor pertanian.

Petani memerlukan peralatan moden, input mampu milik, sistem pengairan yang baik dan akses pasaran stabil. Nelayan pula memerlukan teknologi bersesuaian serta pengurusan sumber perikanan yang lestari.

Bagi perusahaan kecil, pengurangan sewa dan bantuan kepada wanita menjana pendapatan boleh merangsang keusahawanan.

Bagaimanapun, pembiayaan, bimbingan perniagaan, pemasaran digital dan akses pasaran lebih luas diperlukan bagi membantu penerima membina sumber pendapatan mampan.

Tingkat pendapatan boleh guna

Sementara itu, cadangan memperluas pelepasan cukai individu, mengurangkan cukai pendapatan bagi kumpulan terpilih dan memberikan pengecualian duti setem untuk pembeli rumah kali pertama boleh meningkatkan pendapatan boleh guna serta mengurangkan kos awal pemilikan rumah.

Namun, kemampuan perumahan turut bergantung pada harga hartanah, kadar pembiayaan, pendapatan isi rumah dan bekalan rumah mampu milik.

Insentif cukai perlu dirangka supaya manfaatnya tidak tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi atau meningkatkan permintaan tanpa pertambahan bekalan.

Pada masa sama, kerajaan perlu mengimbangi keperluan bantuan segera dengan kelestarian fiskal. Setiap program wajar dinilai berdasarkan kos, keberkesanan dan hasil yang boleh diukur, termasuk perubahan pendapatan isi rumah, kemiskinan, gaji, pekerjaan graduan, produktiviti pertanian serta akses pendidikan.

Pelaporan berkala kepada masyarakat juga penting bagi memperkukuh akauntabiliti dan membolehkan kelemahan pelaksanaan diperbetulkan.

Kesimpulannya, Belanjawan 2027 menawarkan agenda sokongan sosial dan ekonomi yang luas. Namun, kemakmuran mampan memerlukan lebih daripada bantuan kewangan.

Peningkatan produktiviti, penciptaan pekerjaan berkualiti dan pengukuhan institusi mesti bergerak seiring dengan perlindungan sosial.

Kejayaan belanjawan akhirnya bukan terletak pada jumlah inisiatif diumumkan, tetapi pada perubahan nyata dalam kehidupan rakyat.

Bantuan perlu menjadi pemangkin kepada pendapatan lebih baik, peluang lebih luas dan taraf hidup lebih terjamin, tanpa mengabaikan tanggungjawab mengurus kewangan negara secara berhemah.



Syarat baharu kurangkan 18 peratus penangguhan haji



Situasi tingkat kecekapan TH urus giliran tunai ibadah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Mukhriz Mat Husin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar penangguhan haji berkurangan 18 peratus selepas Lembaga Tabung Haji (TH) menetapkan syarat simpanan RM15,000 untuk menerima tawaran haji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan.

Beliau berkata, lebih 50 peratus bakal jemaah haji sebelum ini memohon penangguhan giliran menunaikan ibadah berkenaan, sekali gus menunjukkan ramai dalam kalangan mereka belum membuat persediaan kewangan secukupnya.

"Keadaan itu menjejaskan kecekapan pengurusan giliran haji oleh Lembaga Tabung Haji (TH) apabila tawaran gantian terpaksa dibuat berulang kali dalam tempoh singkat.

"Apabila TH menetapkan syarat simpanan RM15,000 untuk menerima tawaran haji dan membuat peringatan awal, kini kadar penangguhan berjaya dikurangkan secara mendadak kepada 18 peratus.

"Selain itu, kadar simpanan minimum itu juga kekal sebagai simpanan yang layak untuk menerima agihan keuntungan bagi setiap tahun," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Zulkifli berkata, penetapan syarat simpanan minimum RM15,000 itu selaras dengan syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang mencadangkan supaya bayaran pendaftaran haji muassasah dinaikkan, selain meningkatkan jumlah deposit bagi kelayakan automatik berdasarkan kos semasa.


Zulkifli pada penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

"Ini semangat yang cuba kita bawa. Semangat yang dibawa dalam inisiatif Seruan Istito'ah untuk membina disiplin kewangan dan perancangan awal bakal haji untuk menuju kemampuan sedikit demi sedikit.

"Ia bertepatan dengan aspirasi penubuhan TH yang diilhamkan oleh Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dan bersesuaian dengan kewajipan menunaikan haji bagi mampu seperti dituntut oleh agama," katanya.

Laksana penambahbaikan

Zulkifli berkata, beberapa penambahbaikan baharu turut dilaksanakan termasuk pendaftaran automatik bagi bakal jemaah haji yang mempunyai simpanan minimum RM15,000.

"Prinsip dahulu didahulukan masih dikekal, pendeposit sedia ada diberikan masa sehingga dua tahun atau sehingga 31 Disember 2028, untuk mencukupkan simpanan RM15,000 bagi mengekalkan giliran.

"Bermula 1 Januari 2029, giliran haji akan disusun semula berdasarkan simpanan minimum dan TH menjangkakan tempoh menunggu dikurangkan sekitar 70 tahun berbanding 150 tahun sebelum ini," katanya.

Kaedah pendapatan boleh guna bersih tentukan bantuan diterima

Kerajaan akan melaksanakan pendekatan pendapatan boleh guna bersih (NDI) pada 2027 bagi memastikan penilaian kelayakan bantuan mengambil kira faktor demografi dan liabiliti, selain pendapatan.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Seri Mohd Shahar Abdullah, berkata pendekatan itu lebih adil berikutan mengambil kira perbelanjaan asas dan faktor sosiodemografi dalam penilaian kedudukan isi rumah.

"Kerajaan akan memastikan setiap apa yang kita laksanakan ini akan mengambil kira bukan hanya kepada golongan bawahan, tetapi juga merangkumi semua spektrum masyarakat Malaysia," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) mengenai sama ada kerajaan bercadang melaksanakan pelan tindakan khusus bagi memperkukuh kedudukan ekonomi kelas menengah, merangkumi peningkatan pendapatan, pengurangan tekanan komitmen asas dan perluasan perlindungan sosial.

Terdahulu, menjawab soalan asal Jalaluddin mengenai penilaian kerajaan terhadap kedudukan sebenar kelas menengah, Mohd Shahar berkata, dasar tidak boleh bergantung kepada anggaran pendapatan kasar semata-mata.


Mohd Shahar pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

"Kementerian Ekonomi sedang berbincang dengan agensi berkaitan bagi melaksanakan projek rintis untuk memahami impak pelaksanaan pendekatan NDI terhadap kedudukan fiskal negara," katanya.

Berdasarkan Survei Pendapatan Isi Rumah 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Mohd Shahar berkata, kumpulan M40 mempunyai pendapatan kasar bulanan antara RM5,860 hingga RM12,679, dengan purata RM8,744 sebulan.

70 peratus belanja kos asas

Dari segi perbelanjaan beliau berkata, data DOSM menunjukkan hampir 70 peratus pendapatan M40 dibelanjakan untuk kos asas, merangkumi perumahan dan utiliti sebanyak 22.7 peratus, makanan sebanyak 34.1 peratus serta pengangkutan sebanyak 10.6 peratus.

"Setelah ditolak komitmen perlindungan perubatan, baki pendapatan pada hujung bulan amat tipis," katanya.

Sementara menunggu kaedah pengukuran baharu itu dimuktamadkan, Mohd Shahar berkata, kerajaan menerusi Belanjawan 2027 menyediakan langkah untuk meringankan beban rakyat, termasuk kelas pertengahan meliputi aspek perumahan, pendidikan, kesihatan, percukaian dan gaji.

Beliau berkata, sebahagian bantuan kerajaan mula beralih kepada pendekatan bantuan sejagat seperti BUDI95 dan Bantuan Awal Persekolahan yang memberi manfaat kepada rakyat secara umum, termasuk golongan kelas menengah.

Mengenai had pendapatan bagi kategori B40, M40 dan T20, beliau berkata, had itu berubah mengikut survei pendapatan dan perbelanjaan isi rumah yang dilaksanakan dua kali dalam setiap Rancangan Malaysia.

"Sebagai contoh, julat pendapatan M40 meningkat daripada RM5,250 hingga RM11,819 pada 2022 kepada RM5,860 hingga RM12,679 pada 2024.

"Survei seterusnya akan dilaksanakan pada 2027 dengan hasilnya diterbitkan pada 2028," katanya. BERNAMA

53,457 kes pelepasan kebankrapan direkodkan

Sebanyak 53,457 kes pelepasan kebankrapan direkodkan tempoh 2023 sehingga September 2026 melalui Dasar Peluang Kedua.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata langkah kerajaan menaikkan nilai ambang kebankrapan daripada RM100,000 kepada RM150,000 bertujuan memberi ruang kepada penghutang menyusun semula kewangan dan mengurangkan risiko kebankrapan.

Katanya, usaha Dasar Peluang Kedua melalui Program Pelepasan Fast Track 2026 turut memberikan keutamaan kepada golongan tertentu termasuk ibu atau bapa tunggal, peminjam perusahaan mikro, kecil, sederhana, mangsa penipuan dan pembeli rumah projek terbengkalai.

"Malah melalui pendigitalan perkhidmatan Jabatan Insolvensi (MdI), permohonan pelepasan kebankrapan kini boleh dibuat secara dalam talian dengan yang layak diselesaikan dalam tempoh 36 hari, tertakluk kepada syarat dan ketiadaan bantahan pemiutang," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

TLDM, TUDM komited terus perkukuh keselamatan Selat Melaka

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tidak berhenti memperkukuh pengawasan, rondaan serta kesiapsiagaan bagi memastikan Selat Melaka kekal selamat dan terbuka, susulan risiko ketegangan geopolitik yang boleh mengganggu laluan perdagangan strategik itu.

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari, berkata kesiapsiagaan pertahanan negara sentiasa disesuaikan dengan perkembangan keselamatan semasa, termasuk melalui kerjasama serantau dengan Indonesia, Singapura dan Thailand.

"Pengawasan, perkongsian maklumat, kerjasama serantau dan diplomasi akan terus diperkukuh bagi memastikan Selat Melaka kekal selamat, stabil dan terbuka demi kepentingan negara serta kelancaran perdagangan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Hasni Mohammad (BN-Simpang Renggam) mengenai kesiapsiagaan strategik Malaysia menghadapi kemungkinan Selat Melaka menjadi titik panas geopolitik atau mengalami gangguan maritim seperti di Selat Hormuz, pada Sesi Pertanyaan Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz (PN-Tanah Merah) mengenai usaha mengekalkan kesiapsiagaan dan keupayaan tempur tanpa pembabitan aktif dalam konflik luar negara, Adly berkata Kementerian Pertahanan mempunyai Kertas Putih Pertahanan yang disemak setiap lima tahun bagi menilai cabaran keselamatan serantau dan global.

Katanya, penilaian semula itu turut mengambil kira ancaman dalam domain siber yang semakin penting dalam landskap pertahanan negara.

"Lima tahun lalu kita sudah merangka Kertas Putih Pertahanan, tetapi ketika itu pertahanan siber belum banyak diperkatakan. Perkara ini dimasukkan dalam penilaian semula kertas putih berkenaan.

"Kementerian juga mempunyai perancangan pertahanan membabitkan laut, darat dan udara sehingga 2050, termasuk perolehan aset serta pembangunan keupayaan pertahanan siber," katanya.

Pindaan undang-undang tangani isu nafkah diteliti

Saranan fokus ketidakpatuhan perintah bayaran ditetapkan oleh Mahkamah Syariah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Mukhriz Mat Husin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) meneliti penambahbaikan mekanisme pendahuluan nafkah menerusi penyediaan cadangan pindaan terhadap undang-undang tatacara mal Mahkamah Syariah yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Marhamah Rosli, berkata cadangan dengan kerjasama Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan itu memberi tumpuan kepada isu ketidakpatuhan terhadap perintah pembayaran nafkah ditetapkan Mahkamah Syariah.

"Ia termasuk meneliti ruang penambahbaikan peruntukan undang-undang dan prosedur penguatkuasaan sedia ada.

"Ia bagi membolehkan tindakan terhadap pihak yang sengaja ingkar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Zulkifli Ismail (PN-Jasin) mengenai usaha dan mekanisme tegas kerajaan bagi menyelesaikan isu kelewatan perbicaraan Mahkamah Syariah terutama kes tuntutan nafkah dan anak yang tertunggak bertahun-tahun lamanya.

Salur bantuan lebih berkesan

Marhamah berkata, JKSM turut meneliti penambahbaikan mekanisme pendahuluan nafkah dan bantuan nafkah berbentuk bantuan kewangan tidak perlu dibayar semula oleh penerima yang layak.



"Langkah ini bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan lebih berkesan kepada golongan yang memerlukan.

"Bagaimanapun, pemberian bantuan itu tidak menggugurkan tanggungjawab pihak yang diwajibkan membayar nafkah.

"JKSM akan terus memperkukuh penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah bagi memastikan hak dan kebajikan penerima nafkah sentiasa dipelihara," katanya.

Marhamah berkata, Mahkamah Syariah juga mempunyai beberapa mekanisme penguatkuasaan terhadap individu yang gagal mematuhi perintah nafkah, termasuk saman penghutang penghakiman, penyitaan dan penjualan harta serta perintah pengkomitan ke penjara.

Katanya, tindakan boleh diambil melalui perintah tahanan pendapatan, termasuk mekanisme potongan gaji menerusi majikan bagi memastikan pembayaran nafkah dilaksanakan.

"Kegagalan mematuhi perintah nafkah bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan kerana ia satu bentuk ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah.

"Bagaimanapun, sebarang tindakan termasuk pemenjaraan tidak dilaksanakan secara automatik oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM.

"Sebaliknya, ia perlu melalui proses kehakiman berdasarkan perintah mahkamah setelah mengambil kira fakta dan ketidakpatuhan dalam sesuatu kes," katanya.

> "Ia bagi membolehkan tindakan terhadap pihak yang sengaja ingkar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan"
>
> ***Dr Marhamah Rosli,***
> *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)*



Mustapha diasak mengenai status pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963

Sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 hangat apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak), Datuk Mustapha Sakmud diasak mengenai status pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Ketika menggulung perbahasannya, beberapa Ahli Parlimen termasuk Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan (GRS - Keningau), Datuk Willie Mongin (GPS - Puncak Borneo), Datuk Ewon Benedick (GRS -Penampang) dan Datuk Mohd Kurniawan Naim Moktar (BN - Kinabatangan) bangkit mencelah meminta penjelasan berhubung MA63.

Mustapha kemudian menjelaskan MA63 akan diputuskan oleh kerajaan Pusat bersama kerajaan Sabah serta Sarawak.

Beliau berkata, perkara itu akan diputuskan bersama dan ia bukan keputusan oleh Kerajaan Pusat.

"Rekod terbaik kerajaan menyelesaikan perkara yang sudah dirunding sejak sekian lama adalah Kerajaan MADANI.

"Sebanyak 12 perkara selesai, terdahulu hanya empat perkara. Kenapa sebelum ini perkara terbabit tidak dilihat secara serius dan teliti.

"Jadi berilah keadilan kerana selama ini ia tidak dipedulikan. Bila kita sudah buka ruang perbincangan, seolah-olah kita kena selesaikan sebelum PRU," katanya.

Menyentuh isu satu pertiga kerusi Parlimen, Mustapha mencadangkan jawatankuasa khas di bawah jawatankuasa teknikal diwujudkan.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu adalah di bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.




Mustapha pada sesi Sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2027 di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

"Saya sendiri sebagai orang Sabah, mahu pertambahan kerusi untuk Sabah dan Sarawak.

"Kita kena tambah sebab ini semangat perjanjian MA63 iaitu perlu ada representasi mencukupi untuk suara Sabah dan Sarawak didengar dalam dewan ini," katanya.

205 rekod ASEAN Records dan ASIA Records diraikan

Gather of Achievers ke-10 iktiraf 62 rekod baharu, raikan 83 pemegang rekod



Tetamu kehormat bersama pemegang rekod ASEAN Records dan ASIA Records pada majlis Gather of Achievers ke-10 – Malam Gala ASEAN Records dan ASIA Records di Hyatt Regency, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kuala Lumpur: Sebanyak 205 rekod diraikan pada majlis Gather of Achievers ke-10 – Malam Gala ASEAN Records dan ASIA Records di Hyatt Regency Kuala Lumpur, 20 Oktober lalu.

Majlis yang dihadiri lebih 400 tetamu itu menyaksikan 62 rekod baharu disampaikan, manakala 83 pemegang rekod dari 2025 dan 2026 kembali ke pentas untuk diiktiraf bagi 143 rekod mereka.

Malam gala itu diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam, yang diiringi robot HONOR dan penari berpakaian tradisional ketika memasuki dewan.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamad Alamin dan bersama-sama menyaksikan penyampaian sijil rekod 2026.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Aziz Abdul Majid; Duta Besar Laos ke Malaysia, Thepthavone Sengmany dan Duta Besar Tajikistan ke Malaysia, Ardasher Qodiri.

Daripada 62 rekod baharu itu, tiga adalah ASEAN Records dan 18 ASIA Records, manakala 36 lagi daripada 18 pencapaian yang diiktiraf di kedua-dua peringkat.

Baki lima rekod disampaikan secara langsung di atas pentas.

Antara pemegang rekod semasa yang diiktiraf ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Zoo Negara Malaysia dan Perbadanan Kota Buku, disaksikan Pengerusi Lembaga Penasihat ASEAN Records, Tan Sri Danny Ooi.

Mohamad dalam ucapan, berkata setiap perniagaan bermula dengan satu idea.

"Untuk menjadikan idea itu sebuah perusahaan yang berjaya, cita-cita sahaja tidak mencukupi. Ia memerlukan keazaman, daya tahan, inovasi dan kerja keras selama bertahun-tahun," katanya.

Dua rekod dicipta secara langsung

Dalam pada itu, Robot humanoid G1 keluaran syarikat robotik China, Unitree, mencipta rekod ASIA Records bagi *Most Punches by a Humanoid Robot in Two Rounds of Pad Work* dengan 90 tumbukan yang beroperasi secara autonomi sepenuhnya.

Pengarah Urusan FEBA Fight Club, Cruise Tan, bertindak sebagai pengadil luar dengan membuat kiraan sendiri bersama Ketua Adjudikator.



Penghibur seni tukar wajah dari Galaxy Event, Liew Mun Fung atau Kimmy Liew, pula mencipta rekod ASEAN Records dan ASIA Records bagi *Fastest Synchronised Multi-Face Changes Alternated with Magic by a Single Performer* dengan catatan 107 saat.

Dalam pada itu, pengasas, Pengarah dan Ketua Adjudikator ASEAN Records dan ASIA Records, Gillian Ooi berkata, rekod bukan sesuatu boleh dibeli. Ia sesuatu yang perlu dibuktikan.

"Semua tetamu di dalam dewan menyaksikan sendiri dua rekod diukur di hadapan mereka. Setiap rekod lain yang disampaikan pada malam itu turut melalui piawaian bukti yang sama sebelum sampai ke pentas," katanya.

Diperakui ISO 9001:2015

Gillian dan rakan pengasas, Eldrick Koh, turut mengumumkan ASEAN Records dan ASIA Records kini diperakui ISO 9001:2015 (Sistem Pengurusan Kualiti) oleh SGS, dengan akreditasi UKAS dan Jabatan Standard Malaysia (DSM), sah sehingga 30 September 2029.

Eldrick berkata, pihaknya sendiri menjemput badan bebas untuk mengaudit cara mereka bekerja dan audit itu tidak menemui sebarang ketidakpatuhan.

"Pemegang rekod, rakan kongsi dan orang ramai berhak mendapat jaminan ini. Apabila anda memegang sijil ASEAN Records atau ASIA Records, anda boleh yakin sepenuhnya dengannya," katanya.

Selain itu, pengasas turut mengendalikan platform rekod pelancongan, makanan dan pencapaian belia, manakala ASEAN Records dan ASIA Records mempunyai pejabat serantau di Hong Kong, Jakarta dan Bangkok. Setakat ini, lebih 530 rekod diperakui.

Majlis turut bertafakur seketika sebagai penghormatan kepada Allahyarhamah Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali (1926–2026), pemegang rekod ASEAN Records serta pemegang bersama rekod ASIA Records dengan Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Di sebalik setiap rekod ialah semangat untuk tidak berputus asa. Kami akan terus berpegang pada piawaian yang sama: bukti didahulukan, sentiasa," kata pengasas dalam kenyataan bersama.

Maklumat lanjut di www.ASEANRecords.com dan www.ASIARecords.com

Pemegang Rekod ASEAN Records Oktober 2025 - Oktober 2026



Pemegang Rekod ASIA Records Oktober 2025 - Oktober 2026



Mahkamah tolak saman, sekolah tak boleh akses kandungan telefon

Tuntutan saman RM400,000 terhadap guru kes periksa badan, rampas telefon ditolak

Oleh Rahmat Khairulrijal
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen menolak saman kecuaian dan fitnah berjumlah RM400, 000 difailkan bekas pelajar terhadap dua guru, pengetua sekolah dan kerajaan berhubung pemeriksaan badan serta rampasan telefon bimbitnya ketika peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), enam tahun lalu.

Hakim Yusrin Faidz Yusoff menolak rayuan Nur Nabilah Ahmad Zambala, sekali gus mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen pada 16 Disember lalu.

Bagaimanapun, dalam penghakimannya, Yusrin memutuskan pihak sekolah tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa kandungan telefon bimbit yang dirampas, meskipun dibenarkan merampas dan menyimpan peranti berkenaan.

Beliau berkata, pekeliling Kementerian Pendidikan (KPM) dan peraturan peperiksaan sekolah tidak memberikan kuasa secara jelas kepada guru untuk mengakses kandungan telefon bimbit yang dirampas.

Mahkamah turut mendapati pihak sekolah gagal mematuhi prosedur rampasan telefon bimbit, termasuk merekodkan nombor kad pengenalan dan mendapatkan tandatangan Nabilah serta memaklumkan kejadian itu kepada ibu bapanya.

"Walaupun telefon itu sememangnya bahan bukti, pemilikan bahan bukti secara sah tidak dengan sendirinya memberikan kuasa untuk mengakses kandungan digitalnya.

"Memandangkan pekeliling mahupun peraturan peperiksaan sekolah tidak memberikan kuasa sedemikian, pemeriksaan itu adalah tindakan melaksanakan kuasa di luar kerangka peraturan," katanya.

Kes berkenaan berpunca daripada kejadian pada 25 Oktober 2020, apabila guru menjalankan pemeriksaan mengejut susulan aduan dua pelajar yang mengesyaki Nabilah meniru ketika menduduki peperiksaan percubaan SPM bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga di SMK Sungai Ara, Dungun, Terengganu.

Pemeriksaan itu dilakukan selepas Nabilah disyaki menyembunyikan sebuah telefon bimbit iPhone di dalam seluar dalamnya ketika peperiksaan berlangsung.

Pemeriksaan kandungan telefon berkenaan kemudian menemukan nota, soalan peperiksaan dan skema jawapan bagi beberapa mata pelajaran.

Nabilah diwakili peguam Hisyam Yusof, manakala pihak responden diwakili Peguam Persekutuan, Nik Rabi'atul Adawiah Soupy dan Muhammad Faizuan Khalid.

Kegagalan pihak sekolah

Sementara itu, Yusrin menjelaskan ketidakpatuhan terhadap prosedur berkenaan tidak secara automatik membuktikan kecuaian, memandangkan guru terbabit bertindak secara munasabah ketika menyiasat dakwaan penipuan dalam peperiksaan.

Beliau turut mempersoalkan kegagalan pihak sekolah menyiasat bagaimana Nabilah memperoleh kertas soalan sulit peperiksaan percubaan SPM dan skema jawapan bagi beberapa mata pelajaran yang ditemukan dalam telefon bimbitnya.

Katanya, usaha mengenal pasti sumber kebocoran bahan peperiksaan itu adalah perkara lebih serius berbanding isu pemilikan telefon bimbit oleh pelajar ketika peperiksaan.

Yusrin turut memutuskan pemeriksaan mengejut terhadap Nabilah adalah wajar kerana dilakukan susulan aduan pelajar lain dan dijalankan di dalam dewan tertutup.

Beliau juga memutuskan bukti diperoleh daripada telefon bimbit itu kekal boleh diterima di mahkamah walaupun pemeriksaan dilakukan tanpa kebenaran.

Ganti rugi pemaju hartanah dikurangkan

Putrajaya: Mahkamah Rayuan semalam mengurangkan ganti rugi perlu dibayar Majlis Perbandaran Klang (MPK) kepada pemaju hartanah, NBC Land Sdn Bhd daripada RM117 juta kepada RM3 juta, dalam pertikaian berkaitan pemulihan bekas tapak pelupusan sampah, tujuh tahun lalu.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Hakim, Datuk Ismail Brahim yang bersidang bersama K Muniandy dan Datuk Dean Wayne Daly, sebulat suara membenarkan rayuan MPK yang kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang, terhadap ganti rugi yang diberikan NBC Land.

Mahkamah turut mengetepikan faedah prapenghakiman hampir RM50 juta yang sebelum ini dikenakan terhadap pihak berkuasa tempatan itu.

Muniandy ketika membaca keputusan itu berkata, Mahkamah Tinggi terkhilaf dari segi undang-undang dan prinsip ketika menilai ganti rugi berikutan pelanggaran perjanjian antara kedua-dua pihak pada 2 Disember 2003.

Beliau berkata, perjanjian itu memperuntukkan kerja menutup sisa sampah dengan lapisan tanah dipadatkan setebal kira-kira 1.5 meter, dengan kos dianggarkan RM6 juta yang perlu ditanggung sama rata oleh kedua-dua pihak.

Kes tembak di KLIA

Hukuman penjara tujuh tahun bekas pengurus agensi pelancongan kekal

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini, menolak rayuan bekas pengurus agensi pelancongan supaya hukuman penjara tujuh tahun terhadapnya kerana menembak isteri yang kini sudah berpisah, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dikira bermula dari tarikh ditahan pada 2024.

Hafizul Hawari, 39, perlu menjalani hukuman penjara tujuh tahun bagi kes tembakan itu selepas selesai menjalani hukuman penjara enam tahun dijatuhkan Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas kesalahan berasingan.



Hafizul Hawari

Dalam alasan penghakiman bertarikh 19 Oktober, Hakim Datuk Seri Shamsulbahri Ibrahim mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen Sepang pada 5 Disember tahun lalu supaya hukuman bagi kes KLIA bermula selepas Hafizul selesai menjalani hukuman penjara sedia ada.

Hafizul mengaku bersalah atas pertuduhan cubaan membunuh Farah Md Isa, 40, dan dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap pengawal peribadi mangsa, Mohd Nur Hadith Zaini, di Terminal 1 KLIA pada 14 April 2024.

Dia dijatuhi hukuman penjara lima tahun bagi kesalahan cubaan membunuh dan tujuh tahun bagi kesalahan sengaja menyebabkan cedera parah menggunakan senjata berbahaya.

Kedua-dua hukuman itu diperintahkan berjalan serentak, dengan hukuman penjara tujuh tahun bermula selepas dia selesai menjalani hukuman penjara bagi kes di Kota Bharu.

Sebelum kes KLIA, Hafizul pada 24 Februari tahun lalu dijatuhi hukuman penjara enam tahun oleh Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas tujuh kesalahan membabitkan pemilikan secara haram sepucuk pistol Glock 19 buatan Austria, 33 butir peluru automatik, mercun bola, pemilikan tiga kad pengenalan milik individu lain serta memandu kenderaan menggunakan nombor pendaftaran palsu.

Dia diperintahkan menjalani hukuman itu bermula dari tarikh ditahan pada 15 April 2024.

Rayuan Hafizul yang difailkan pada 16 Disember tahun lalu tidak mencabar sabitan atau tempoh hukuman yang dijatuhkan terhadapnya.

Sebaliknya, rayuan itu hanya tertumpu kepada persoalan sama ada hukuman bagi kes KLIA wajar dikira bermula dari tarikh penangkapannya.

Peguamnya, Nik Mohd Faris Syazwan Zainuzzaman, berhujah Hafizul ditahan reman secara berterusan tanpa ikat jamin dari 15 April 2024 hingga 5 Disember tahun lalu dan tempoh hampir 20 bulan itu wajar diambil kira dalam menentukan tarikh permulaan hukumannya.

Beliau berhujah, hakim Mahkamah Sesyen gagal mengambil kira faktor mitigasi penting, termasuk pengakuan bersalah Hafizul pada peringkat awal, ketiadaan rekod sabitan jenayah terdahulu serta penyesalannya.

Bagaimanapun, Shamsulbahri berkata, keputusan mengira hukuman penjara bermula dari tarikh lebih awal terletak pada budi bicara hakim yang menjatuhkan hukuman dan bukan hak automatik, walaupun tertuduh sudah menghabiskan tempoh panjang dalam tahanan reman.

Beliau berkata, keputusan itu bergantung pada fakta kes, tahap keseriusan kesalahan dan kepentingan awam.

Hakim memutuskan bahawa perintah Mahkamah Sesyen adalah sah di sisi undang-undang, adil dan selaras dengan Seksyen 292 Kanun Tatacara Jenayah, yang mengawal permulaan pelaksanaan hukuman bagi banduan yang sedang menjalani hukuman penjara.

Farah tiba di Terminal 1 KLIA pada jam 1.09 pagi 14 April 2024, selepas menunaikan umrah dengan ditemani Nur Hadith.

Hafizul yang mengetahui kepulangan Farah, menunggu berhampiran sebuah tiang berdekatan lif di Aras 3 terminal utama sebelum melepaskan tembakan ke arah kedua-dua mangsa.

El Nino kuat kurangkan hujan lebat

Corak Monsun Timur Laut cenderung melemah atas pelbagai faktor

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Fenomena El Nino kuat berpotensi menyebabkan Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 membawa hujan lebih sedikit, sekali gus mengurangkan kejadian hujan lebat melampau.

Pakar Klimatologi, Prof Emeritus Dr Fredolin Tangang, berkata perkara itu berdasarkan dapatan beberapa kajian terdahulu yang menunjukkan kecenderungan berkenaan ketika episod El Nino kuat berlaku.

Katanya, El Nino mempengaruhi suhu permukaan laut di rantau ini, sekali gus mengubah corak penumpuan kelembapan menentukan taburan hujan.

Bagaimanapun, katanya, kesan fenomena itu terhadap MTL kali ini mungkin berbeza kerana setiap episod El Nino mempunyai ciri tersendiri, selain dipengaruhi perubahan iklim yang menyumbang kepada peningkatan suhu dan kelembapan.

"Corak MTL ketika El Nino kuat didapati cenderung melemah berdasarkan beberapa indikator, termasuk jumlah taburan hujan dan kejadian hujan ekstrem.

"Bagaimanapun, dapatan itu berdasarkan corak purata episod El Nino terdahulu dan keadaan ketika ini mungkin sedikit berbeza," katanya kepada *BH*.

Sebelum ini, *BH* melaporkan MTL dijangka bermula esok dan akan berterusan sehingga Mac tahun depan.

Potensi jerebu rendah

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, dilapor berkata, ketika monsun berkenaan, lazimnya angin bertiup secara konsisten dari arah timur laut.

Mengulas potensi berlaku jerebu rentas sempadan semasa MTL, Fredolin berkata, jerebu dijangka rendah kali ini berikutan tiupan angin konsisten dari arah timur laut ke selatan.

Katanya, kawasan Sumatera dan Kalimantan dijangka menerima taburan hujan tinggi yang secara semula jadi akan memadam kebakaran yang berlaku di kawasan terbabit.

Berhubung persediaan menghadapi hujan lebat sepanjang MTL, Fredolin berkata, METMalaysia berupaya menyediakan ramalan cuaca bagi tempoh lima hingga tujuh hari ke depan.

Katanya, ramalan itu penting bagi membolehkan persediaan awal dilaksanakan, khususnya di kawasan berisiko mengalami hujan lebat dan banjir.

> "Corak MTL ketika El Nino kuat didapati cenderung melemah berdasarkan beberapa indikator, termasuk jumlah taburan hujan dan kejadian hujan ekstrem"
>
> ***Fredolin Tangang,*** *Pakar Klimatologi*



Pramugara tidak mengaku salah sebabkan kematian

Kuala Lumpur: Seorang pramugara mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dua pertuduhan memandu bawah pengaruh alkohol sehingga mencederakan pekerja penyelenggaraan dan menyebabkan kematian rakan sekerja mangsa, Sabtu lalu.

Mohd Iman Nafiz Fong Mohd Sabirin, 26, meminta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret, Atiqah Mohamed @Mohamad Saim.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa memandu kereta Ford Focus Sport dengan 64 miligram (mg)/100 mililiter (ml) kandungan alkohol dalam darahnya, melebihi had ditetapkan iaitu 50 mg/100 ml, dan menyebabkan kematian Faris Irfan Fazli, 29.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Lebuhraya Sultan Iskandar menghala ke Jalan Parlimen di sini pada jam 4.09 pagi, 24 Oktober lalu.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 44(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun hingga 15 tahun dan denda RM50,000 hingga RM100,000, jika sabit kesalahan.

Dia juga boleh hilang kelayakan memegang lesen memandu minimum 10 tahun.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa memandu kenderaan sama dan bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kecederaan kepada Ahmad Zakiyamani Zakaria @Yusuff, 49, di lokasi dan masa sama mengikut Seksyen 44(1A)(b) APJ 1987.



Mohd Iman dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, semalam. (Foto Muhamad Lokman Khairi/BH)

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tujuh tahun hingga 10 tahun dan denda RM30,000 hingga RM50,000, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Fadhly Mohd Zamry menawarkan jaminan RM50,000 untuk kedua-dua pertuduhan.

Peguam bela tertuduh, Mohd Anif Rafih merayu supaya jumlah jaminan dikurangkan kepada RM30,000 bagi keseluruhan pertuduhan.

"Pembelaan tidak membantah penggantungan lesen, namun membantah berkenaan penyerahan pasport," katanya.

Mohd Anif berkata, pihak pembelaan menawarkan supaya tertuduh melapor diri di balai polis sebulan sekali sebagai pengganti kepada penyerahan pasport.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, Atiqah membenarkan Mohd Iman diikat jamin RM35,000 dengan seorang penjamin dan lesen memandu tertuduh digantung bermula semalam.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh melapor diri di balai polis pada setiap 1 hari bulan, dan menetapkan 30 November ini sebagai sebutan semula kes untuk serahan dokumen.



Kes tanah runtuh di Taman Seri Rambai

Kematian Dr Wong disahkan akibat hentaman objek tumpul

Bedah siasat dapati mangsa sukar bernafas selepas dihempap dinding rumah

Oleh Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Kematian seorang doktor berusia 73 tahun dalam kejadian tanah runtuh di Taman Seri Rambai di sini kelmarin disahkan akibat *blunt-force trauma* atau kecederaan disebabkan hentaman, pelanggaran atau pukulan oleh objek tumpul, selain kesukaran bernafas.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad berkata, perkara itu disahkan berdasarkan hasil bedah siasat.

"Dapatan menunjukkan mangsa mengalami *blunt-force trauma* dan kesukaran bernafas selepas dihempap tanah," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.



Agensi keselamatan melakukan pemantauan susulan kejadian tanah runtuh di Taman Seri Rambai, Paya Terubong, semalam. (Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

Dalam kejadian itu, sebahagian tubuh Dr Wong Kar Lin, 73, ditemukan tertimbus, selepas tanah runtuh menyebabkan dinding rumahnya runtuh dan menghempap beliau.

Isterinya berusia 68 tahun dan ibu mentuanya berusia 86 tahun terselamat tanpa sebarang kecederaan.

Enam rumah dikosongkan

Abdul Rozak berkata, pihak polis menutup kawasan terbabit dan sedang mengawal enam rumah yang dikosongkan oleh penghuninya atas faktor keselamatan.

Penduduk terjejas kini ditempatkan di hotel, sementara anggota polis akan terus berada di lokasi bagi menghalang kemasukan pihak tidak dibenarkan ke dalam rumah berkenaan.

Abdul Rozak menyatakan tempoh penugasan kawalan keselamatan belum diputuskan, sementara menunggu mesyuarat teknikal bersama pihak berkuasa tempatan.

"Kawasan ini kekal ditutup berikutan risiko tanah runtuh susulan, terutamanya dengan jangkaan hujan pada hari-hari mendatang.

"Berdasarkan nasihat pakar teknikal, hujan boleh mencetus-kan satu lagi kejadian tanah runtuh. Kami menasihatkan penduduk dan orang awam supaya mematuhi arahan polis serta menjauhi kawasan yang dilarang," katanya.

Abdul Rozak menambah, pihak polis menerima panggilan daripada keluarga mangsa sejurus selepas kejadian tanah runtuh itu, yang mendorong tindakan segera diambil bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi usaha menyelamat mangsa.

"Kami meneruskan siasatan yang diklasifikasikan sebagai laporan kematian mengejut (SDR), walaupun dapatan bedah siasat sudah dikeluarkan," katanya.

Perlis wajibkan carum LINDUNG Kendiri syarat mohon perniagaan

Kangar: Perlis menjadi negeri pertama mewajibkan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) sebagai syarat permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan bagi penjaja di seluruh negeri itu dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata kerjasama menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dengan Majlis Perbandaran Perlis (MPPs) itu bertujuan memastikan penjaja mendapat perlindungan sewajarnya.

"Matlamatnya ialah untuk memastikan mereka mempunyai perlindungan sekiranya berlaku sebarang kemalangan ketika pergi dan balik atau ketika menjalankan perniagaan.

"Penjaja adalah golongan berisiko yang kebanyakannya belum mempunyai perlindungan insurans, sedangkan mereka bergantung pada pendapatan harian untuk menyara keluarga," katanya pada sidang media selepas majlis pemeteraian MoU antara PERKESO dan MPPs di sini, semalam.

Pada majlis menandatangani MoU itu, PERKESO diwakili Mohammed Azman, manakala MPPs diwakili Yang Dipertuanya, Affendi Rajini Kanth dengan disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Noor Azman Abdul Rahman.

Mohammed Azman berkata, sekiranya penjaja mempunyai pekerja, individu itu perlu didaftarkan dan dicarumkan kerana mereka turut berisiko kemalangan atau kecederaan ketika bekerja.

Beliau berkata, inisiatif MPPs itu berpotensi diperluas kepada jabatan kerajaan lain di negeri itu bagi meningkatkan perlindungan keselamatan sosial dalam kalangan warga kerjanya.

"Cadangan ini akan dibawa ke mesyuarat pengurusan untuk dipertimbangkan dengan bergantung terhadap kemampuan peruntukan setiap jabatan.

"Jika jabatan berkenaan mempunyai peruntukan mencukupi, insya-Allah kita boleh menggalakkan mereka mengambil langkah yang sama seperti MPPs," katanya. BERNAMA

> "Penjaja adalah golongan berisiko yang kebanyakannya belum mempunyai perlindungan insurans, sedangkan mereka bergantung pada pendapatan harian untuk menyara keluarga"



Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed,
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

Isu tahanan meninggal dalam tahanan IPD

Keluarga Noorizwan lega keprihatinan PM arah siasatan penuh

Kuala Lumpur: Keluarga Allahyarham Noorizwan Zulkefly, yang meninggal dunia ketika dalam tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, meluahkan rasa lega dan terharu susulan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kakak sulung mangsa, Noorlien Zulkefly, 49, berkata, mereka berbesar hati apabila Perdana Menteri sendiri memberi perhatian terhadap kes berkenaan dengan mengarahkan siasatan penuh, telus dan tanpa kompromi.

"Kami sangat berbesar hati, takkanlah kita rakyat biasa ini PM nak sebut nama kita sekeluarga, nama arwah.

"Sebab itu pihak keluarga terus pergi serahkan memorandum ke kediaman beliau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sabtu lalu, Perdana Menteri menegaskan beliau sudah menghubungi Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Khalid Ismail untuk mendapatkan laporan lanjut dan mahu siasatan telus dijalankan segera berhubung kematian Noorizwan.

Dalam hantaran di Facebook, Anwar berkata, beliau mengambil maklum berhubung kehadiran ahli keluarga Allahyarham menyerahkan surat rayuan kepada beliau.

Sebelum ini, Noorizwan, 42, ditahan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras pada 19 September lalu untuk membantu siasatan kes mengikut Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 457 dan 379 Kanun Keseksaan.

Bagaimanapun, lelaki itu dirujuk ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz di Cheras pada 30 September lalu untuk mendapatkan rawatan sebelum disahkan meninggal dunia pada 1.52 pagi keesokan harinya.

Kebaya tak ditelan dek zaman, terus gah merentas generasi

Pentas MMK 2026 tampil pelbagai rekaan, warna dengan keunikan tersendiri

Oleh Nurhanim Osman
nurhanim.osman@bh.com.my



Peserta Miss Malaysia Kebaya 2026 daripada pelbagai peringkat umur berkongsi pentas tampilkan keunikan rekaan kebaya.

Daripada kebaya berpotongan klasik dengan sulaman halus hinggalah rekaan moden yang menyerlahkan penggunaan renda berwarna terang, busana tradisional itu terus memikat perhatian biarpun cita rasa fesyen sentiasa berubah.

Keindahan dan kepelbagaian gaya itu terserlah menerusi peragaan peserta Miss Malaysia Kebaya (MMK) 2026 pada 4 Oktober lalu, yang menampilkan pelbagai rekaan, warna dan padanan kebaya, masing-masing dengan keunikan tersendiri.

Ada peserta yang memilih kebaya klasik bersama kain bercorak tradisional manakala peserta lain tampil dengan kebaya renda biru terang, dipadankan dengan skirt potongan duyung yang memberikan penampilan lebih moden.

Kebaya songket rona keemasan turut mencuri perhatian menerusi tekstur dan motif tenunannya.

Tidak kurang menarik, kebaya hijau zamrud yang digayakan peserta berhijab, lengkap dengan padanan yang lebih sopan tetapi tetap anggun.

Gaya peserta turut dilengkapi aksesori seperti cucuk sanggul keemasan dan mahkota, selain tata rias yang disesuaikan dengan penampilan masing-masing.

Melihat pelbagai rekaan itu di atas pentas, jelas kebaya tidak terhad kepada satu potongan atau cara pemakaian sahaja.

Ada yang mengekalkan gaya asal, manakala sebahagian lagi menggabungkan unsur moden tanpa mengetepikan ciri yang menjadikan busana itu begitu istimewa.



Dr Jason Hee

Lebih menarik, kebaya bukan hanya diperagakan wanita dewasa. Kanak-kanak dan remaja turut mengambil bahagian, sekali gus menjadikan pentas itu tempat pertemuan pelbagai generasi yang berkongsi minat terhadap pakaian tradisional berkenaan.

Pengerusi Penganjur MMK 2026, Dr Jason Hee, berkata kebaya mempunyai keistimewaan tersendiri kerana menghubungkan generasi melalui keindahan, kemahiran pertukangan dan nilai budayanya.

Beliau berkata, penganjuran tahun ini menghimpunkan finalis berusia seawal lima tahun hingga 51 tahun ke atas, yang berkongsi pentas untuk memperagakan busana berkenaan.

"Kami berbangga melihat finalis daripada pelbagai peringkat umur berkongsi pentas yang sama. Kami berharap kisah mereka dan rekaan yang diperagakan dapat menggalakkan lebih ramai menghargai warisan yang diwakili kebaya," katanya.

MMK 2026 berlangsung di Laman Wau, Kraftangan Malaysia bersempena Festival Kraf Antarabangsa Malaysia (MICF) 2026.

Pertandingan itu menghimpunkan 40 finalis dalam lima kategori, iaitu kanak-kanak, remaja, dewasa, elit dan klasik.

Kehadiran peserta muda memberi satu lagi sudut kepada pengan-juran itu. Minat terhadap kebaya tidak semestinya bermula daripada dunia fesyen, sebaliknya boleh tumbuh melalui keluarga, terutama apabila pakaian tradisional itu masih dipakai ketika menghadiri majlis atau perayaan.

Sesuai dengan gaya semasa

Bagi sesetengah orang, kebaya mungkin sinonim dengan majlis tertentu atau pakaian yang diwarisi daripada ibu dan nenek. Namun, rekaan yang diperagakan di pentas MMK 2026 menunjukkan busana itu juga boleh disesuaikan dengan gaya semasa.

Penggunaan fabrik renda, pilihan warna yang lebih berani dan potongan berbeza memberikan kelainan, manakala songket serta sulaman tradisional terus menjadi pilihan bagi mereka yang menggemari penampilan klasik.

Bagi juara kategori remaja, Olivia Foo Hui Xuan, 16, kebaya bukan sekadar pakaian yang menarik perhatian, sebaliknya mempunyai kaitan rapat dengan latar belakang keluarganya yang berasal daripada masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang.


Penampilan Olivia di pentas MMK 2026 turut menyerlah menerusi kebaya renda berwarna merah jambu terang yang dipadankan dengan kain sarung batik bermotif bunga-bungaan dalam gabungan warna hijau, kuning dan merah.

Padanan warna yang berani itu memberikan penampilan segar, manakala aksesori tradisional melengkapkan gaya kebaya yang digayakannya.

Pelajar dari Penang Chinese Girls' Private High School itu berkata, minatnya terhadap kebaya semakin mendalam apabila beliau mula memahami sejarah dan warisan yang dibawa oleh pakaian tradisional berkenaan.

"Saya membesar dalam keluarga Baba Nyonya yang membuatkan saya jatuh cinta kepada kebaya sejak kecil. Semakin meningkat dewasa, saya memahami kebaya membawa sejarah yang diwariskan merentas generasi.

"Saya bangga menjadi sebahagian daripada keturunan Nyonya dan berharap dapat memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menerima serta memelihara budaya Baba Nyonya," katanya.



Emeraazwa Emeraldi

Busana tradisional serlah keanggunan wanita

Kebaya bukan sekadar busana tradisional, malah terus menyerlah sebagai lambang identiti dan keanggunan wanita Malaysia apabila digayakan dengan sentuhan moden tanpa mengetepikan ciri warisannya.

Keistimewaan itu ditampilkan juara kategori dewasa, Miss Malaysia Kebaya (MMK) 2026, Emeraazwa Emeraldi, 25, dari Sabah, menerusi padanan kebaya renda berona coklat keemasan dengan kain sarung bercorak tradisional berwarna hitam dan emas.

Penampilannya dilengkapkan dengan hijab senada, aksesori keemasan serta mahkota juara, sekali gus membuktikan kebaya mampu digayakan wanita berhijab tanpa menghilangkan seri dan keistimewaan busana tradisional itu.

Anak kelahiran Semporna itu berkata, minatnya terhadap kebaya berakar daripada keistimewaan pakaian berkenaan yang mampu mengekalkan nilai tradisi, namun pada masa sama boleh disesuaikan mengikut perkembangan fesyen semasa.

"Saya menyukai kebaya kerana pakaian ini melambangkan identiti, warisan dan keanggunan wanita Malaysia.

"Saya mengagumi bagaimana kebaya mampu mengekalkan akar tradisi, tetapi pada masa sama terus berkembang seiring fesyen moden," katanya.

Emeraazwa, graduan Pengurusan Perniagaan dari Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) yang kini bekerja sebagai model bebas, berharap dapat memperkenalkan kebaya kepada generasi muda supaya warisan berkenaan terus dikenali, dihargai dan tidak ditelan perubahan zaman.

Menurutnya, kebaya mempunyai keistimewaan tersendiri kerana boleh diterjemahkan menerusi pelbagai rekaan, fabrik dan warna mengikut cita rasa semasa, tanpa perlu mengorbankan elemen tradisional yang menjadi identitinya.

Dalam dunia fesyen yang sentiasa berkembang, penggunaan sulaman, tenunan dan potongan tradisional masih boleh dikekalkan, sekali gus memberikan ruang kepada kebaya untuk terus tampil segar dengan gaya lebih kontemporari.

Justeru, kebaya tidak semestinya terikat pada satu gaya untuk terus diiktiraf sebagai busana warisan. Sebaliknya, usaha menggayakan dan menyesuaikannya dengan cita rasa generasi baharu mampu memastikan pakaian tradisional itu terus relevan serta mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Nilai semula subsidi bersasar jika harga minyak terus melambung



Peruntukan sedia ada perlu diteliti pastikan kedudukan kewangan negara tidak terjejas

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kerajaan perlu menilai semula mekanisme subsidi bahan api dan memperkukuh bantuan bersasar sekiranya harga minyak mentah dunia terus meningkat, termasuk kemungkinan harga minyak Brent mencecah AS$150 satu tong.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kemungkinan harga minyak mentah menembusi semula paras tertinggi itu tidak boleh diketepikan berikutan pergerakan pasaran yang tidak menentu.

Beliau berkata, harga minyak mentah didagangkan dalam pasaran spot atau tunai serta pasaran derivatif seperti pasaran hadapan, yang boleh dipengaruhi sentimen pasaran dan kebimbangan terhadap bekalan.

"Sebarang kemungkinan boleh berlaku kerana harga minyak mentah ini banyak didagangkan dalam pasaran kewangan. Pasaran ini boleh bergerak secara meruap dan dipengaruhi sentimen pasaran seperti kebimbangan terhadap bekalan bahan api akibat serangan di kawasan pengeluaran minyak mentah," katanya.

Harga minyak melonjak ke paras tertinggi hampir enam bulan minggu lalu kepada AS$116 satu tong, susulan ketegangan baharu di Asia Barat.

Serangan terbaharu oleh kumpulan Houthi di Arab Saudi meningkatkan kebimbangan terhadap kemungkinan gangguan bekalan minyak mentah dari salah satu rantau pengeluar minyak utama dunia.

Bagaimanapun semalam, harga minyak mencatatkan penurunan susulan harapan bahawa ketegangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Iran akan reda, walaupun serangan berterusan terhadap Arab Saudi yang juga pengeluar minyak utama terus membuatkan pelabur berwaspada.

Mohd Afzanizam berkata, kenaikan harga minyak dunia akan memberi kesan langsung kepada kos subsidi bahan api yang ditanggung kerajaan, sekali gus memerlukan penelitian terhadap peruntukan sedia ada bagi memastikan mekanisme subsidi dapat diteruskan.

Menurutnya, kerajaan perlu bersedia menyemak semula peruntukan subsidi bahan api sekiranya harga minyak terus meningkat, terutama bagi memastikan kedudukan kewangan negara tidak terjejas.

"Secara idealnya, kerajaan perlu membuat semakan terhadap golongan penerima subsidi bahan api. Peruntukan subsidi bagi golongan berpendapatan tinggi sebaiknya dikurangkan bagi memastikan kedudukan kewangan kerajaan tidak terjejas," katanya.

Perlu lindungi rakyat

Sementara itu, Pengarah Strategi KRA Group, Amir Fareed Rahim, berkata kerajaan perlu melindungi rakyat daripada kejutan harga minyak dunia tanpa memberikan jaminan bahawa perlindungan harga boleh dikekalkan tanpa had.

Beliau berkata, pendekatan subsidi bersasar perlu diperkukuh bagi memastikan bantuan disalurkan kepada isi rumah dan sektor ekonomi yang paling terkesan akibat kenaikan harga bahan api.

"Kerajaan perlu melindungi rakyat daripada kejutan harga, bukan menjanjikan perlindungan harga tanpa had. Subsidi bersasar mesti diperkukuh, ketirisan dikurangkan dan bantuan ditumpukan kepada isi rumah serta sektor ekonomi yang paling terkesan," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga perlu menyediakan pelan kontingensi fiskal yang jelas sekiranya harga minyak dunia kekal tinggi bagi mengelakkan tekanan berpanjangan terhadap kewangan negara.

Beliau menegaskan bahawa, dasar subsidi yang mampan bukan bermaksud kerajaan perlu menanggung semua kos kenaikan harga minyak, sebaliknya memastikan setiap ringgit bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Matlamat akhirnya ialah mengelakkan krisis harga minyak dunia daripada bertukar menjadi dua krisis serentak iaitu krisis kos sara hidup rakyat dan krisis kewangan kerajaan," katanya.

> "Secara idealnya, kerajaan perlu membuat semakan terhadap golongan penerima subsidi bahan api. Peruntukan subsidi bagi golongan berpendapatan tinggi sebaiknya dikurangkan bagi memastikan kedudukan kewangan kerajaan tidak terjejas"
>
> ***Mohd Afzanizam Abdul Rashid,***
> *Ketua Ahli Ekonomi*
> *Bank Muamalat Malaysia Bhd*



Harga emas turun paras terendah dalam 3 bulan

Harga emas diniagakan berhampiran paras terendah dalam tempoh tiga bulan semalam, ketika pelabur menantikan mesyuarat dasar Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) minggu ini bagi mendapatkan petunjuk mengenai prospek kadar faedah negara itu.

Harga emas spot susut 0.2 peratus kepada AS$3,987.45 seauns atau kira-kira RM520 segram, selepas mencecah paras terendah sejak pertengahan Julai pada sesi sebelumnya.

Pada Jumaat lalu, emas mencatatkan kejatuhan mingguan sebanyak empat peratus, penurunan mingguan terbesar sejak Jun.

Niaga hadapan emas AS bagi penghantaran Disember turut merosot 0.2 peratus kepada AS$4,000.80 seauns.

Sementara itu, harga minyak turun selepas melonjak ke paras tertinggi hampir enam bulan pada penghujung minggu lalu, meskipun serangan berterusan terhadap Arab Saudi menyebabkan kebimbangan terhadap bekalan terus menjadi tumpuan.

Harga tenaga yang tinggi mengukuhkan jangkaan bahawa Fed akan mengekalkan kadar faedah pada paras tinggi untuk tempoh lebih lama, sekali gus meningkatkan kos bagi pelabur memegang emas yang tidak memberikan pulangan faedah.

Dari sudut geopolitik, Arab Saudi memaklumkan bahawa lapangan terbang utamanya menyambung semula operasi di dua terminal kelmarin, meskipun kumpulan Houthi di Yaman yang bersekutu dengan Iran berikrar meneruskan serangan terhadap kemudahan itu, yang disifatkan mereka sebagai 'sasaran ketenteraan'.

Pengantara dari Qatar berada di Tehran pada Ahad sebagai sebahagian daripada usaha meredakan ketegangan serantau dengan kerjasama AS, menurut seorang pegawai yang mengetahui perkembangan itu kepada *Reuters*.

Sentimen pengguna AS merosot sedikit menghampiri paras terendah rekod pada Oktober, apabila kenaikan harga susulan konflik di Asia Barat menjejakan pandangan isi rumah terhadap ekonomi.

Perkembangan itu berlaku menjelang pilihan raya pertengahan penggal Kongres yang dijangka tertumpu pada isu kos sara hidup, menurut tinjauan yang dikeluarkan pada Jumaat lalu.

Aktiviti perniagaan AS berkembang pada kadar lebih perlahan sedikit pada Oktober, namun permintaan yang kukuh membolehkan syarikat menaikkan harga barangan dan perkhidmatan.

Perkembangan itu menunjukkan inflasi berpotensi meningkat lagi dan kekal tinggi secara berterusan dalam beberapa bulan akan datang.

Pasaran kini menantikan mesyuarat dasar Fed minggu ini serta data Perbelanjaan Penggunaan Peribadi (PCE), iaitu petunjuk utama inflasi yang dipantau rapat oleh bank pusat itu dalam usaha mencapai sasaran inflasi dua peratus.

Peniaga kini mengambil kira kebarangkalian kira-kira sembilan peratus bahawa kadar faedah akan dinaikkan minggu ini, manakala jangkaan kenaikan kadar pada Disember kekal pada 80 peratus.

Bagi logam berharga lain, harga perak spot meningkat 0.2 peratus kepada AS$54 seauns, platinum susut 0.1 peratus kepada AS$1,549.42, manakala paladium menokok 0.4 peratus kepada AS$1,047.90. REUTERS



Ringgit diunjur mengukuh kepada RM3.97 sedolar dalam masa setahun

Belanjawan 2027 dijangka sokong pengukuhan selaras prospek pertumbuhan ekonomi negara

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin
bhbiz@bh.com.my

Ringgit dijangka mengukuh secara beransur-ansur ke paras RM3.97 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh 12 bulan akan datang, disokong asas pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh, inflasi terkawal dan aliran masuk modal berterusan.

Hong Leong Bank Bhd (HLB) dalam kenyataannya berkata, Belanjawan 2027 dijangka menyokong pengukuhan mata wang tempatan itu selaras dengan prospek positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Bank itu turut mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak lima peratus pada tahun depan, dengan Belanjawan 2027 menyediakan hala tuju strategik untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi di samping mengekalkan disiplin fiskal dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak lima peratus, HLB mengekalkan prospek positif terhadap trajektori ekonomi Malaysia dengan menganggap unjuran pertumbuhan KDNK kerajaan sebanyak 4.2 peratus hingga 5.2 peratus pada 2027 sebagai sesuatu yang realistik dan boleh dicapai.

"Bagi perniagaan, tumpuan terhadap produktiviti, pembangunan tenaga kerja dan sokongan bersasar membuka peluang untuk memperkukuh daya tahan operasi, meningkatkan keupayaan serta meneroka pertumbuhan bernilai lebih tinggi," katanya.

Perkara berkenaan dibincangkan pada forum pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bertajuk 'Business Matters with HLB: Budget 2027 Unpacked', yang menghimpunkan wakil kerajaan, industri dan pakar percukaian bagi membincangkan implikasi belanjawan terhadap perniagaan serta prospek ekonomi Malaysia.


Yow Kuan Tuck

Turut hadir, Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Johan Mahmood Merican; Presiden Kebangsaan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Datuk William Ng; rakan kongsi cukai PwC, Ang Wei Liang; serta ahli ekonomi HLB, Choong Yin Pheng.

Bantu perniagaan tempatan

Sementara itu, Pengarah Urusan Perbankan Perniagaan dan Korporat HLB, Yow Kuan Tuck, berkata kerajaan kekal memberi tumpuan kepada usaha membantu perniagaan tempatan meningkatkan keupayaan, produktiviti dan daya tahan jangka panjang.

Beliau berkata, perubahan rantaian bekalan global, peningkatan kos operasi dan perubahan dinamik tenaga kerja menuntut perniagaan bukan sahaja menyesuaikan diri dengan pelarasan kos seperti kenaikan gaji minimum, malah memperkukuh operasi bagi meningkatkan nilai tambah pengeluaran lebih tinggi.

"Bagi menyokong perjalanan ini, HLB kekal komited untuk bersama-sama pelanggan dengan menyediakan modal dan khidmat nasihat yang diperlukan bagi membina daya saing jangka panjang," katanya.

Singapura keluarkan notis pencemaran jerebu kepada TSH Resources

Dua anak syarikat TSH Resources Bhd diperbadankan di Singapura menerima notis daripada Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura (NEA) yang menghendaki kedua-duanya mengemukakan dokumen dan maklumat di bawah Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan 2014.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, kumpulan perladangan itu berkata TSH Overseas Pte Ltd dan TSH Global Plantation Pte Ltd menerima notis berkenaan pada 23 Oktober dan dikehendaki mengemukakan maklumat yang diminta selewat-lewatnya pada 2 November.

TSH Resources berkata, pihaknya sedang meneliti notis berkenaan dan akan berurusan dengan agensi itu sewajarnya.

Kumpulan itu mengendalikan ladang dan kilang di Sabah, Kalimantan dan Sumatera di Indonesia, selain mempelbagaikan perniagaannya ke dalam sektor tenaga boleh baharu, lantai kayu kejuruteraan dan pengurusan hutan mampan.

TSH Resources disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia, selain mempunyai penyenaraian sekunder di Bursa Singapura.

Baru-baru ini, ia memaklumkan operasi, konsesi dan aset-asetnya di Indonesia tidak terjejas susulan kejadian kebakaran hutan dan tanah gambut di negara itu.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia minggu lalu, syarikat minyak sawit itu menyatakan sedemikian sebagai menjawab permohonan maklumat umum daripada pihak Singapore Exchange Ltd (SGX) menerusi pengumuman di Bursa Malaysia Securities Bhd dan SGX.

"TSH Resources tidak dinamakan atau menerima sebarang notis daripada mana-mana agensi alam sekitar berhubung kejadian jerebu rentas sempadan baru-baru ini.

"Di bawah dasar sifar pembakaran yang dikuatkuasakan secara ketat oleh kumpulan, penggunaan api bagi sebarang operasi di ladang, termasuk penyediaan tanah, penanaman baharu dan penanaman semula, adalah dilarang di semua operasi kumpulan," maklum syarikat berkenaan.

Dasar itu juga, maklumnya, mencerminkan komitmen kumpulan dalam mencegah aktiviti pembersihan tanah melalui pembakaran, selaras dengan undang-undang di Malaysia dan Indonesia.

Menurut TSH Resources, dasar berkenaan telah diterapkan dalam dasar kelestarian kumpulan sejak Mei 2009, malah terpakai kepada semua syarikat dalam kumpulan serta diperluas kepada pihak kontraktor dan pembekalnya.

"Selaras dengan komitmen 'Tiada Penanaman Baharu di Tanah Gambut', kumpulan tidak melaksanakan sebarang pembangunan kawasan penanaman baharu di tanah gambut sejak tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 31 Disember 2015," maklumnya.

Syarikat itu juga melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan tindak balas terhadap kebakaran dengan purata perbelanjaan tahunan dianggarkan sebanyak RM2 juta.

"Kesemua ladang kumpulan di Indonesia telah mendapat pensijilan di bawah skim Minyak Sawit Lestari Indonesia (ISPO) yang turut tertakluk kepada audit berkala oleh pihak ketiga," katanya.

KENYATAAN TENDER

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan peneraju pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang berdaya saing dan mampan di Malaysia. Seiring perkembangan kami dalam perniagaan, kami berhasrat menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber kewangan untuk menyertai tawaran tender.

Tender dipelawa kepada kontraktor yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal, kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja yang ditawarkan.

TAJUK PROJEK	SYARAT - SYARAT TENDER	BAYARAN DOKUMEN (1 SET)	WANG KESUNGGUHAN (EARNEST MONEY)
CADANGAN PEMBANGUNAN 296 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT YANG MENGANDUNGI: PLOT 1 1. 32 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 65') DI ATAS SUBLOT 1 - 32 2. 45 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 70') DI ATAS SUBLOT 46 - 90 3. 38 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 75') DI ATAS SUBLOT 91 - 105, SUBLOT 107 - 129 4. 39 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 80') DI ATAS SUBLOT 33 - 45, SUBLOT 130 - 155 5. 1 UNIT PENCAWANG ELETRIK (DOUBLE CHAMBER) 11 KV DI ATAS SUBLOT 106 PLOT 2 1. 34 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 70') DI ATAS SUBLOT 249 - 282 2. 58 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 75') DI ATAS SUBLOT 190 - 232, SUBLOT 234 - 248 3. 50 UNIT RUMAH TERES DUA TINGKAT (22' x 80') DI ATAS SUBLOT 156 - 189, SUBLOT 283 - 298 4. 1 UNIT PENCAWANG ELETRIK (DOUBLE CHAMBER) 11 KV DI ATAS SUBLOT 233 ZON B, BANDAR UDA UTAMA, MUKIM PULAI, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TA'ZIM UNTUK TETUAN UDA LAND (SOUTH) SDN. BHD.	CIDB : GRED G7 Kategori Pengkhususan: B, B04	RM3,000.00 Dalam bentuk tunai, deraf bank / cek jurubank atas nama : UDA LAND (SOUTH) SDN BHD (Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan)	RM10,000.00 Dalam bentuk deraf bank / cek jurubank atas nama : UDA LAND (SOUTH) SDN BHD
TARIKH & TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER	**SESI TAKLIMAT TENDER**		**TEMPAT PENGHANTARAN DAN TARIKH TUTUP TENDER**
Tarikh: 28 Oktober 2026 - 18 November 2026 **Masa:** 9:00 pagi – 5:00 petang Isnin hingga Jumaat kecuali Cuti Umum **UDA LAND (SOUTH) SDN BHD** (No. Syarikat 23298-K) Wisma SBBU, No. 1, Jalan Padi Mahsuri 12, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru, Johor No. Tel. : 07-237 4944 No. Faks : 07-237 4943 Emel : tendersecretary@udanet.com	**Tarikh:** 04 November 2026 (Rabu) **Masa:** 11:00 pagi (Secara dalam talian)		**PETI TENDER** **UDA HOLDINGS BERHAD** Tingkat 9, Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur **TARIKH TUTUP:** **18 November 2026 (Rabu)** sebelum atau pada 12:00 tengah hari

MUSTAHAK

1. Petender digalakkan menghadiri Sesi Taklimat seperti yang dinyatakan di atas. Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender ingin membuat lawatan tapak, perlu mendapat kebenaran UDA dan atas tanggungjawab, masa, dan kos pihak petender sendiri. Tender yang dikemukakan dianggap mengambil kira keadaan tapak. Sebarang pertanyaan mengenai tender ini boleh diemelkan kepada tendersecretary@udanet.com.
2. Petender dinasihatkan agar membaca arahan dengan teliti dan memahami Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderer) dalam Naskhah Meja Tawaran yang boleh didapati di pejabat UDA Land (South) Sdn Bhd sebelum membeli tawaran. Kegagalan mematuhi sebarang arahan dan/atau perkara yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran petender ditolak.
3. Petender hendaklah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan jumlah kontrak **RM80 juta** dalam satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terkini.
4. **Petender dikehendaki mengemukakan dokumen asal dan salinan pendaftaran dengan CIDB, pengalaman dan nilai kerja yang berkaitan (seperti di item No. 3), Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), dan surat wakil yang masih sah tempohnya sebelum dibenarkan membeli dokumen tender.**
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan dalam sampul yang disertakan. Sampul hendaklah dilakri atau diikat bersama sepertimana yang dinyatakan dalam Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderer) sebelum atau pada jam **12:00 tengah hari**, pada **18 November 2026.**
6. Petender yang ingin memasuki tender adalah **DIGALAKKAN** mendaftar sebagai vendor UDA di **http://udavendors.com**.
7. UDA Land (South) Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender dan keputusan adalah muktamad. Hanya petender yang berjaya akan dimaklumkan.

IKLAN TENDER INI BOLEH JUGA DILAYARI DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD : https://www.uda.com.my/contact-us/request-for-tender

UDA LAND (SOUTH) SDN. BHD. (23298-K)
No. 1, Jalan Padi Mahsuri 12, Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor

UDA PROPERTY | Memenuhi IMPIAN

Malaysia pada kedudukan baik jadi hab pusat data serantau

Malaysia berada pada kedudukan baik untuk melaksanakan peranan penting sebagai hab pusat data serantau sekiranya berupaya mengekalkan kelebihan daya saingnya, menurut Moody's Ratings.

Menurut agensi penarafan itu, kelebihan daya saing Malaysia menerima dorongan daripada bekalan tenaga yang tersedia dengan mudah pada harga kompetitif serta inisiatif kerajaan yang menawarkan sokongan.

Penolong Naib Presiden - Penarafan Moody's Ratings, Chelsia Ng, berkata rangka kerja dasar dan syarat kelulusan sedia ada di Malaysia, telah memberi tumpuan kepada kecekapan pusat data, dengan kelayakan mendapatkan insentif cukai melalui Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) turut dikaitkan dengan penanda aras kecekapan penggunaan tenaga dan air.

"Johor yang menempatkan sebahagian besar daripada kapasiti pusat data negara, turut mengenakan syarat yang lebih ketat bagi kelulusan projek.

"Langkah ini sewajarnya menggalakkan penggunaan sumber yang lebih cekap, sekali gus membantu mengurangkan tekanan yang semakin meningkat terhadap infrastruktur tenaga dan air seiring dengan pertumbuhan sektor ini," kata Ng dalam temu bual bersama Bernama baru-baru ini.

Moody's Ratings menganggarkan kapasiti penjanaan tambahan kira-kira 14 gigawatt (GW) hingga 17 GW diperlukan menjelang 2035 bagi memenuhi pertambahan permintaan di Semenanjung Malaysia, yang dijangka melibatkan pelaburan kira-kira RM80 bilion hingga RM95 bilion oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan pengeluar tenaga bebas.

Menurut Ng, pertumbuhan permintaan yang dipacu oleh pusat data akan memberi kesan positif kepada penarafan kredit syarikat utiliti dalam jangka panjang, namun perbelanjaan modal yang tinggi turut mewujudkan risiko pelaksanaan dan pembiayaan serta meningkatkan tahap leveraj kewangan sepanjang fasa pembangunan.

Beliau berkata, berdasarkan unjuran kerajaan, pusat data berupaya menyumbang kira-kira 31 peratus daripada jumlah penggunaan elektrik di Semenanjung Malaysia menjelang 2035, meningkat daripada 4.0 peratus pada 2025.

EXIM Bank salur lebih RM1b bantu pengeksport tempatan



Inisiatif bagi tingkat daya saing, sokong peralihan perniagaan kepada operasi rendah karbon

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@bh.com.my

Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank) memperuntukkan lebih RM1 bilion menerusi beberapa inisiatif strategik di bawah Belanjawan 2027 bagi memperkukuh daya saing pengeksport tempatan dan menyokong peralihan perniagaan kepada operasi rendah karbon.

Anak syarikat Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Bhd (Kumpulan BPMB) itu akan menyalurkan pembiayaan dan perlindungan kredit eksport bagi membantu perusahaan tempatan mengembangkan perniagaan, meneroka pasaran antarabangsa serta mengurus risiko perdagangan global.

EXIM Bank menerusi satu kenyataan berkata, inisiatif berkenaan turut menyumbang kepada pelaksanaan program strategik bernilai lebih RM7 bilion yang diamanahkan kerajaan kepada Kumpulan BPMB.

"Antara inisiatif utama ialah Program Pemacuan dan Pertumbuhan Tempatan bernilai RM300 juta yang menyediakan pembiayaan mampu milik kepada pengilang, penyedia perkhidmatan dan vendor tempatan untuk meningkatkan kapasiti, produktiviti serta daya saing perniagaan.

"Program itu juga bertujuan memperluas penyertaan perusahaan tempatan dalam rantaian nilai dan bekalan syarikat multinasional (MNC) serta syarikat korporat tempatan terkemuka, termasuk sektor strategik di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)," katanya.

Perluas pasaran global

Selain itu, Skim Eksport Lonjakan bernilai RM500 juta akan membantu usahawan dan pengeksport Malaysia membangunkan keupayaan untuk memasuki pasaran antarabangsa baharu atau memperluas pasaran sedia ada.

Skim berkenaan turut menyokong perusahaan dalam menghadapi persaingan lebih sengit dan peningkatan kos susulan ketidaktentuan ekonomi serta geopolitik global.

Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat meneroka pasaran baharu, EXIM Bank turut menyediakan geran RM5 juta menerusi Malaysia Global Connect (MGC) GoExport Cover.

Geran itu akan menyediakan perlindungan terhadap risiko perdagangan komersial kepada bakal pengeksport dan pengeksport sedia ada yang ingin menembusi pasaran baharu serta pasaran yang kurang diterokai.

Dalam aspek kelestarian, EXIM Bank akan melaksanakan Dana Kelestarian Alam 2.0 bernilai RM400 juta bagi membiayai inisiatif rendah karbon dalam kalangan perusahaan tempatan.

Dana berkenaan bertujuan membantu perniagaan menerapkan amalan mampan dalam pelaburan dan operasi, di samping menyokong matlamat alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) negara.

Penumpang antarabangsa lapangan terbang Subang, Ipoh, Pulau Pinang meningkat

Lapangan terbang Subang, Ipoh dan Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan trafik penumpang antarabangsa tahun ke tahun pada September 2026 walaupun terdapat penurunan pergerakan penumpang secara keseluruhan di rangkaian lapangan terbang tempatan yang dikendalikan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB).

Menurut MAHB dalam kenyataan semalam, rangkaian lapangan terbangnya di Malaysia mengendalikan 7.8 juta penumpang pada bulan berkenaan, menyusut 12 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

MAHB memaklumkan, trafik antarabangsa pula merosot 2.2 peratus kepada 4.3 juta penumpang, pergerakan domestik berkurangan 21.8 peratus kepada 3.4 juta penumpang, manakala tiga lapangan terbang serantau itu mencatatkan peningkatan trafik antarabangsa.

"Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang merekodkan 59,000 pergerakan penumpang antarabangsa, meningkat 24.1 peratus tahun ke tahun manakala Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh mencatatkan 31,000 penumpang, dengan peningkatan 16.6 peratus.

"Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang turut mencatatkan peningkatan trafik antarabangsa sebanyak 5.3 peratus kepada 348,000 penumpang, merangkumi kira-kira 57 peratus daripada jumlah pergerakan penumpangnya pada September," menurut kenyataan itu.

Menurut MAHB, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu mengendalikan 5,000 penumpang antarabangsa pada September berikutan perkhidmatan penerbangan antarabangsa baharu yang diperkenalkan pada Jun.

"Terminal lapangan terbang itu yang diperluas dan dibuka pada April meningkatkan kapasiti pengendalian tahunannya daripada 1.5 juta kepada 4.0 juta penumpang," menurutnya.

Sementara itu, MAHB memaklumkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mengendalikan kira-kira 4.9 juta penumpang pada September.

"Rangkaian penerbangan antarabangsanya berkembang apabila Sun PhuQuoc Airways memulakan perkhidmatan ke Phu Quoc pada 1 September manakala Gulf Air memperkenalkan penerbangan terus dari Bahrain pada 30 September, sekali gus menjadi syarikat penerbangan Asia Barat ke-10 yang beroperasi di KLIA," menurut kenyataan itu.

Menurut MAHB, operasi domestiknya mengendalikan 75.2 juta penumpang dalam tempoh sembilan bulan pertama 2026, menurun 2.4 peratus tahun ke tahun manakala trafik penumpang antarabangsa meningkat 4.5 peratus kepada 41.3 juta.

Pengarah Urusan MAHB, Datuk Mohd Izani Ghani, dalam kenyataan sama berkata prestasi itu menonjolkan kepentingan untuk memperkukuh kesalinghubungan penerbangan serantau dan pada masa sama mengekalkan perkhidmatan lapangan terbang yang boleh dipercayai.

"Lapangan terbang seperti Subang, Ipoh dan Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam memperluas kesalinghubungan penerbangan antarabangsa Malaysia.

"Kami mahu memanfaatkan momentum ini dengan bekerjasama rapat dengan syarikat penerbangan dan pihak berkepentingan pelancongan untuk membangunkan laluan yang membuka lebih banyak peluang perjalanan dan menyokong matlamat pelancongan negara," katanya. BERNAMA

Ambil alih jalur lebar Astro tingkat pelanggan Maxis



Urus niaga babit kos RM83 juta kukuh penawaran perkhidmatan telekomunikasi syarikat

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin
bhbiz@nstp.com.my

Maxis Bhd dijangka memperkukuh kedudukannya dalam pasaran jalur lebar tetap (FBB) menerusi cadangan pengambilalihan perniagaan jalur lebar Astro Malaysia Holdings Bhd yang bernilai sehingga RM83 juta, serta berpotensi meningkatkan asas pelanggannya dalam segmen itu sebanyak kira-kira 24 peratus.

Penganalisis RHB Investment Bank, Jeffrey Tan, berkata urus niaga itu berpotensi meningkatkan bahagian pasaran Maxis dalam segmen berkenaan, selain memperkukuh penawaran perkhidmatan telekomunikasi bersepadu syarikat itu.

"Pengambilalihan itu dijangka meningkatkan asas pelanggan jalur lebar tetap Maxis sebanyak kira-kira 24 peratus, berdasarkan jumlah 178,631 pelanggan jalur lebar Astro yang dilaporkan pada akhir Februari lalu.

"Urus niaga itu turut berpotensi meningkatkan hasil perkhidmatan jalur lebar rumah Maxis sebanyak kira-kira 22 peratus, dengan andaian purata hasil bagi setiap pengguna (ARPU) jalur lebar tetap sebanyak RM110.

"Kami melihat urus niaga ini secara positif bagi terus memperkukuh bahagian pasaran Maxis dalam segmen jalur lebar tetap, berikutan persaingan yang sengit," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Maxis memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan Measat Broadcast Network Systems (MBNS), anak syarikat milik penuh Astro, bagi mengambil alih aset perniagaan jalur lebarnya yang merangkumi pelanggan, aset berkaitan, peralatan dan perisian.

Nilai pengambilalihan itu mencecah sehingga RM83 juta bersamaan kira-kira RM465 bagi setiap pelanggan, dengan pengambilalihan aset perniagaan jalur lebar itu merangkumi pelanggan, aset berkaitan, peralatan serta perisian.

Nilai balasan pengambilalihan bergantung kepada jumlah pelanggan jalur lebar gentian yang berjaya dipindahkan daripada MBNS ketika tarikh penyempurnaan urus niaga.

Tambah Tan, pengambilalihan itu turut membuka peluang kepada Maxis untuk meningkatkan hasil menerusi penawaran pakej gabungan perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar, selain mewujudkan sinergi dari segi kos operasi rangkaian, pemasaran dan pengedaran.

Risiko kehilangan pelanggan

Bagaimanapun, katanya, Maxis berdepan risiko kehilangan pelanggan Astro yang mungkin memilih untuk tidak meneruskan langganan, khususnya mereka yang menghampiri penghujung tempoh kontrak sedia ada.

Urus niaga berkenaan diklasifikasikan sebagai urus niaga pihak berkaitan berikutan pegangan saham bersama antara Maxis dan MBNS serta tertakluk kepada kelulusan pemegang saham Astro.

RHB Investment Bank mengekalkan saranan 'neutral' terhadap saham Maxis dengan harga sasaran RM3.80 sesaham, yang menunjukkan potensi kenaikan kira-kira tujuh peratus berbanding harga pasaran RM3.54 ketika laporan itu diterbitkan.

Bank pelaburan itu juga tidak mengubah unjuran kewangan Maxis buat masa ini sementara menunggu penyempurnaan urus niaga yang dijangka pada suku kedua 2027.

Dalam pada itu, hasil perkhidmatan jalur lebar rumah Maxis mencatatkan penurunan kecil satu peratus pada separuh pertama 2026, dengan segmen itu menyumbang kira-kira 11 peratus daripada keseluruhan hasil perkhidmatan kumpulan.

MyDCD sasar kumpul RM268.8j menerusi IPO

MyDCD Bhd menyasarkan untuk mengumpul RM268.8 juta menerusi tawaran awam permulaan (IPO) menjelang penyenaraiannya di Pasaran ACE Bursa Malaysia pada 17 November ini.

Penyedia perkhidmatan kejuruteraan yang mengkhusus dalam integrasi sistem mekanikal, elektrikal, paip dan perlindungan kebakaran (MEPF), khususnya bagi pusat data itu melancarkan prospektus IPO semalam pada harga tawaran 56 sen sesaham.

IPO itu membabitkan terbitan 335 juta saham baharu yang dijangka menjana hasil kasar RM187.6 juta kepada syarikat, manakala 145 juta saham sedia ada ditawarkan menerusi penempatan persendirian untuk menjana RM81.2 juta kepada pemegang saham penjual.

Berdasarkan modal saham diperbesarkan sebanyak 1.794 bilion saham, MyDCD dijangka mempunyai permodalan pasaran kira-kira RM1 bilion selepas disenaraikan.

Daripada hasil terbitan saham baharu, sebanyak RM134 juta atau 71.43 peratus akan digunakan sebagai modal kerja terutama bagi menyokong pelaksanaan projek dan pembiayaan bon pelaksanaan.

Sebanyak RM39.9 juta lagi diperuntukkan untuk pengembangan operasi termasuk pengambilan kakitangan tambahan, penyewaan ruang pejabat baharu dan latihan pekerja manakala RM5 juta akan digunakan bagi menaik taraf sistem teknologi maklumat (IT).

Baki hasil IPO akan membiayai perbelanjaan berkaitan penyenaraian.


Chris Ow Yong

Ketua Pegawai Eksekutif MyDCD, Chris Ow Yong, berkata kira-kira 97 peratus hasil kumpulan ketika ini disumbangkan perniagaan pusat data dengan tumpuan utama di Lembah Klang khususnya segmen pusat data kolokasi dan perusahaan.

Beliau berkata, sepanjang 15 tahun lalu, DCD berjaya menyiapkan 13 projek pusat data yang dibina khusus, dengan pengalaman merangkumi pusat data berklasifikasi Tier I hingga Tier IV.

"Kepakaran MyDCD meliputi keseluruhan proses integrasi MEPF daripada sokongan kejuruteraan, pembekalan dan pemasangan hingga pengujian serta pentauliahan.

"Antara pencapaian penting syarikat ialah pembinaan kampus pusat data pertama bagi sebuah syarikat multinasional utama dari Jepun yang setakat ini sudah memberi kepercayaan kepada MyDCD untuk membina lima pusat data serta menyelenggara keseluruhan fasiliti berkenaan," katanya berucap pada pelancaran prospektus syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Ow Yong berkata, peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (AI) turut meningkatkan permintaan terhadap pusat data yang memerlukan kapasiti pengkomputeran lebih tinggi, sistem penyejukan cekap dan pengurusan tenaga yang berkesan sekali gus memperkukuh kepentingan sistem MEPF.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2026, MyDCD mencatatkan hasil RM666.03 juta dan keuntungan selepas cukai (PAT) RM66.80 juta.

KENYATAAN TENDER

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan peneraju pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang berdaya saing dan mampan di Malaysia. Seiring perkembangan kami dalam perniagaan, kami berhasrat menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber kewangan untuk menyertai tawaran tender.

Tender dipelawa kepada kontraktor yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal, kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja yang ditawarkan.

TAJUK PROJEK	SYARAT - SYARAT TENDER	BAYARAN DOKUMEN (1 SET)	WANG KESUNGGUHAN (EARNEST MONEY)
PROPOSED ROAD WIDENING AND CONSTRUCTION OF NEW ROAD INCLUDING ASSOCIATED MAIN INFRASTRUCTURE WORKS AT PHASE 3A, BANDAR UDA UTAMA, MUKIM PULAI, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TA'ZIM FOR MESSRS. UDA LAND (SOUTH) SDN BHD.	CIDB : GRED G5 dan ke atas Kategori Pengkhususan: CE01, CE06 & CE36	RM1,500.00 Dalam bentuk tunai, deraf bank / cek jurubank atas nama : UDA LAND (SOUTH) SDN BHD (Bayaran tidak akan dikembalikan)	RM3,000.00 Dalam bentuk deraf bank / cek jurubank atas nama : UDA LAND (SOUTH) SDN BHD
	TARIKH & TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER	**SESI TAKLIMAT TENDER**	**TEMPAT PENGHANTARAN DAN TARIKH TUTUP TENDER**
	Tarikh: 28 Oktober 2026 - 18 November 2026 **Masa:** 9:00 pagi – 5:00 petang Isnin hingga Jumaat kecuali Cuti Umum **UDA LAND (SOUTH) SDN BHD** (No. Syarikat 23298-K) Wisma SBBU, No. 1, Jalan Padi Mahsuri 12, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru, Johor No. Tel. : 07-237 4944 Emel : tendersecretary@udanet.com	**Tarikh:** 04 November 2026 (Rabu) **Masa:** 2:30 petang (Secara dalam talian)	**PETI TENDER UDA HOLDINGS BERHAD** Tingkat 9, Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur **TARIKH TUTUP: 18 November 2026 (Rabu)** sebelum atau pada 12:00 tengah hari

MUSTAHAK

1. Petender digalakkan menghadiri Sesi Taklimat seperti yang dinyatakan di atas. Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, sekiranya petender ingin membuat lawatan tapak perlu mendapat kebenaran UDA dan adalah atas tanggungjawab, masa dan kos pihak petender sendiri. Tender yang dikemukakan dianggap mengambil kira keadaan tapak. Sebarang pertanyaan mengenai tender ini boleh diemelkan kepada tendersecretary@udanet.com.
2. Petender dinasihatkan membaca arahan dengan teliti dan memahami Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderers) dalam Naskhah Meja Tawaran yang boleh didapati di pejabat UDA Land (South) Sdn Bhd sebelum membeli tawaran. Kegagalan mematuhi sebarang arahan dan/atau perkara yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran petender ditolak.
3. Petender hendaklah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan jumlah kontrak **RM5 juta** dalam satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terkini.
4. **Petender dikehendaki mengemukakan dokumen asal dan salinan pendaftaran dengan CIDB, pengalaman dan nilai kerja yang berkaitan (seperti di item no. 3), Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) dan surat wakil yang masih sah tempohnya sebelum dibenarkan membeli dokumen tender.**
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan dalam sampul yang disertakan. Sampul hendaklah dimeterai atau diikat bersama sepertimana yang dinyatakan dalam Arahan kepada Petender (Instructions to Tenderers) sebelum atau pada jam **12:00 tengah hari,** pada **18 November 2026.**
6. Petender yang ingin memasuki tender **DIGALAKKAN** membuat pendaftaran vendor di laman web berikut **http://udavendors.com.**
7. UDA Land (South) Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender dan keputusan adalah muktamad. Hanya petender yang berjaya akan dimaklumkan.

IKLAN TENDER INI BOLEH JUGA DILAYARI DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD : https://www.uda.com.my/contact-us/request-for-tender

UDA LAND (SOUTH) SDN. BHD. (23298-K)
No. 1, Jalan Padi Mahsuri 12, Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor

UDA PROPERTY | Memenuhi IMPIAN



Trump beri bayangan sambung semula serang Iran

Kata dua capai perjanjian atau lenyapkan Tehran susulan ancaman di Asia Barat meningkat

Washington: Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, memberi bayangan serangan AS terhadap Iran mungkin disambung semula selepas pilihan raya pertengahan penggal pada 3 November depan.

Trump berkata, keputusan sama ada mahu mencapai perjanjian dengan Tehran atau melancarkan semula serangan semakin hampir untuk dilakukan, ketika ancaman Iran dan kumpulan Houthi terhadap rakyat AS di Asia Barat terus meningkat.

"Saya perlu buat keputusan, adakah perlu menghapuskannya terus, yang sangat mudah dilakukan atau saya perlu membuat perjanjian? itu sahaja.

"Kami tidak bermain-main," kata Trump dalam satu temu bual menerusi rancangan *Sunday Morning Futures* di *Fox News*.

Trump sebelum ini membayangkan serangan AS terhadap Iran boleh disambung semula selepas pilihan raya pertengahan penggal pada 3 November.

Beliau juga mengarahkan penghantaran pasukan tambahan, termasuk kumpulan kapal pengangkut pesawat ketiganya ke Teluk Parsi.

"Tiada serangan akan dilakukan hari ini," katanya kepada wartawan sebelum beredar meninggalkan Rumah Putih.

Pihak berkuasa memberi amaran tempoh antara pilihan raya itu dengan bermulanya penggal Kongres baharu mungkin menjadi tempoh paling berbahaya.

Perjanjian hasil rundingan dilihat sebagai jalan paling berkemungkinan dilakukan untuk menamatkan konflik.

Ancaman kumpulan Houthi

AS sedang mengurangkan jumlah kakitangan diplomatik dan ketenteraannya di beberapa bahagian di Asia Barat susulan peningkatan ancaman Iran dan kumpulan Houthi di Yaman.

Kumpulan Houthi dilapor berulang kali melancarkan serangan terhadap lapangan terbang Riyadh, Arab Saudi yang kembali dibuka untuk penerbangan komersial pada Ahad.

Pada mulanya, Jabatan Negara AS hanya mengesahkan kakitangan diplomatik sudah meninggalkan Arab Saudi.

Bagaimanapun, seorang pegawai AS memberitahu bahawa perubahan penempatan kakitangan turut berlaku di kawasan lebih luas ketika Iran meningkatkan serangan terhadap kapal-kapal berhampiran Selat Hormuz.

Iran kini bersiap sedia menghadapi kemungkinan kempen pengeboman terbaharu AS sekitar tempoh pilihan raya pertengahan penggal itu.

Malah, Tehran juga sedang melakukan persediaan melancarkan serangan balas di seluruh Asia Barat termasuk terhadap Israel dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), menurut individu yang mengetahui pendirian Tehran.

Menurut pegawai industri perkapalan dan keselamatan maritim, Iran menyerang lebih banyak kapal di sekitar Selat Hormuz, dengan laporan kerosakan lebih serius berbanding peringkat awal konflik, susulan penggunaan peluru berpandu berbanding dron.

Ketika Trump dilihat sedang mempertimbang kemungkinan melancarkan serangan selepas pilihan raya pertengahan penggal, Israel, yang memulakan perang terhadap Iran bersama AS, turut mempunyai pertimbangan politiknya sendiri.

Setiausaha Pertahanan AS, Pete Hegseth tiba di Israel tanpa sebarang pengumuman awal dan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu, beberapa hari sebelum pilihan raya Israel yang penting bagi pemimpin itu.

Pilihan raya Israel pertama sejak serangan Hamas pada 2023 yang mencetuskan perang di Gaza dan Lubnan, pada 27 Oktober dijangka sengit.

Sekiranya Netanyahu tewas pada pilihan raya itu, pesaing utamanya, Gadi Eisenkot, mungkin tidak cenderung memulakan penggal pemerintahannya dengan menyambung semula perang terhadap Iran. AGENSI

Netanyahu dakwa Iran cuba ganggu pilihan raya Israel

Baitulmaqdis: Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, berkata Iran dan sekutunya mungkin cuba mengganggu pilihan raya Israel hari ini.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran awal kepada republik Islam itu supaya tidak melakukan sebarang tindakan permusuhan dan jangan cuba 'uji Israel'.

Kenyataan itu dibuat ketika Channel 12 Israel melaporkan, dengan memetik sumber tidak dinamakan, bahawa berlaku pertelingkahan antara Netanyahu dan Ketua Tentera, Eyal Zamir.

Ia berhubung arahan baharu yang tidak diperincikan berkait perang dengan Iran, yang kemudian dinafikan Netanyahu.

Netanyahu giat berkempen menonjolkan rekod keselamatannya, mengaitkan perang yang dilancarkan terhadap Iran pada Februari bersama Amerika Syarikat (AS), selain membayangkan seolah-olah beliau sahaja mampu menyelesaikannya.

"Kami mempunyai maklumat risikan bahawa musuh kami, Iran dan proksinya, mungkin mencabar dengan serangan untuk mengganggu pilihan raya.

"Jangan uji kami. Kamu akan menerima serangan balas yang dahsyat," katanya menerusi satu video dikeluarkan pejabatnya pada Ahad, sambil menambah tentera sedia untuk operasi pertahanan dan serangan.

Menerusi laporan berhubung pertelingkahan itu, Channel 12 melaporkan, Zamir menuntut perbincangan mendalam sebelum melaksanakan arahan diterimanya, selain jaminan undang-undang dan persetujuan bertulis daripada kepemimpinan politik.

Laporan itu bagaimanapun tidak memperincikan arahan terbabit, namun memetik sumber bahawa terdapat kebimbangan dalam kalangan tentera, perang mungkin dieksploitasi untuk keuntungan politik.

Sementara itu, ketua pembangkang, Yair Lapid ketika merujuk laporan itu dalam hantarannya di X, mendakwa Netanyahu cuba menangguhkan pengundian.

"Malam ini dilaporkan dia mahu meningkatkan ketegangan dan konfrontasi dengan Iran, semata-mata untuk menangguhkan pilihan raya. D ia sudah hilang pertimbangan. Kita mesti menghantarnya pulang," katanya.

Terdahulu pada Ahad, Netanyahu menyiarkan imej dijana kecerdasan buatan (AI) mengenai kepulan asap yang menyelubungi Tel Aviv, bersama teks dikaitkan dengan seorang pengulas politik berhaluan kanan, menyifatkan Iran sebagai ancaman.

Beliau juga berhujah semua isu lain yang dibincangkan sepanjang musim pilihan raya sebagai remeh berbanding ancaman daripada Iran. AFP



Gambar fail menunjukkan asap hitam menyelubungi ruang udara Lapangan Terbang Antarabangsa King Khalid, Riyadh susulan beberapa siri serangan kumpulan Houthi.
(Foto REUTERS)

Houthi serang semula lapangan terbang di Riyadh

Kumpulan lancar berpuluh peluru berpandu balistik beberapa jam selepas operasi disambung

Riyadh: Puak Houthi di Yaman melancarkan serangan terbaharu ke atas lapangan terbang antarabangsa Arab Saudi di Riyadh, beberapa jam selepas kerajaan negara itu mengumumkan penerbangan disambung semula lewat kelmarin.

Keputusan itu dibuat Arab Saudi ketika kumpulan yang disokong Iran itu berulang kali kembali melancarkan serangan.

Laman sesawang Lapangan Terbang Antarabangsa King Khalid menunjukkan beberapa penerbangan domestik dan antarabangsa diteruskan pada Ahad, termasuk penerbangan yang tiba dari Dubai, Paris dan Kaherah.

Sementara laman web penjejakan pesawat, Flightradar24 turut menunjukkan beberapa penerbangan berlepas, meskipun kebanyakannya dibatalkan.

Operasi yang disambung semula di lapangan terbang itu berlaku ketika satu kes letupan menggegarkan Riyadh pada awal Ahad, selepas mesej teks dihantar kepada penduduk bagi memberi amaran mengenai ancaman musuh yang menyasarkan bandar berkenaan.

Jurucakap tentera Houthi, Yahya Saree kemudian berkata kumpulan itu melaksanakan tiga operasi ketenteraan dengan berpuluh-puluh peluru berpandu balistik dilancar.

Saree turut mendakwa, serangan ke atas lapangan terbang itu disifatkan mencapai sasarannya.

Houthi sudah melancarkan beberapa gelombang serangan ke atas lapangan terbang itu, termasuk serangan pada bulan ini yang mengorbankan 13 orang dan mencederakan lebih 300 orang, insiden paling dahsyat tempoh lebih sedekad.

Serangan terbaharu

Pihak berkuasa Saudi belum mengulas mengenai serangan terbaharu ke atas lapangan terbang itu.

Apabila ditanya mengenai skop operasi yang disambung semula di lapangan terbang itu, pihak berkuasa Arab Saudi juga belum memberikan sebarang maklumat tambahan.

Saree menambah, Houthi menyasarkan pangkalan udara King Khalid di Khamis Mushait dan pangkalan tentera laut di Jazan di selatan kerajaan itu.

Penutupan lapangan terbang Riyadh satu tamparan besar kepada Arab Saudi, dengan persidangan pelaburan utama dijadual dilaksana oleh pemerintah ditangguhkan sehingga 2027, ketika penduduk bergegas mencari alternatif untuk masuk dan keluar dari negara itu.

Perlumbaan sukan permotoran berprestij, Dakar Rally, turut menyertai senarai panjang acara yang dibatalkan, ditangguhkan atau dipindahkan susulan perang itu.

Saree sebelum ini memberi amaran lapangan terbang Riyadh masih 'tidak selamat' dan antara sasaran ketenteraan mereka.

"Angkatan Tentera Yaman memberi amaran semua syarikat penerbangan antarabangsa, serantau dan tempatan serta kakitangan dan pengembara supaya tidak menggunakan Lapangan Terbang King Khalid di Riyadh, kerana ia tidak selamat dan menjadi sasaran ketenteraan pasukan kami.

"Rejim Saudi akan menanggung akibat daripada sebarang operasi di lapangan terbang itu," katanya.

Pada Ahad, Saree juga mendakwa Arab Saudi sudah menyerang Yaman sebanyak 56 kali dalam tempoh 24 jam sebelumnya.
AFP

Sri Lanka selamatkan 40 kelasi kapal Iran

Colombo: Sri Lanka menyelaras operasi menyelamat 40 kelasi daripada beberapa kapal komersial Iran di perairan antarabangsa serta membantu mereka pulang ke negara asal, menurut seorang jurucakap Kementerian Luar pada Ahad.

Jurucakap itu, Thushara Rodrigo berkata, pihaknya menerima permintaan daripada Kedutaan Iran menerusi saluran diplomatik untuk menyelamatkan kru terbabit.

Beliau menambah, mereka yang diselamatkan itu mengalami kecemasan perubatan, namun tidak diperincikan.

Kementerian itu juga tidak memberikan butiran lanjut mengenai sebab mereka perlu diselamatkan.

Bagaimanapun, media tempatan, termasuk akhbar nasional India, *The Hindu*, melaporkan kru terbabit berada di atas kapal tangki minyak yang dikenakan sekatan oleh Amerika Syarikat (AS).

Washington mengenakan sekatan terhadap kapal Iran sebagai sebahagian daripada tindakan perang terhadap Iran.

Rodrigo berkata, kru daripada 19 kapal itu dibawa ke darat di Pelabuhan Galle, kira-kira 126 kilometer dari Colombo, ibu negara komersial Sri Lanka.

Mereka tambah beliau, diberikan rawatan perubatan sebelum dihantar pulang ke Iran pada awal pagi Ahad.

Tentera laut dan pengawal pantai Sri Lanka lazimnya akan memberikan bantuan dalam operasi kemanusiaan, menurut seorang sumber kerajaan yang mempunyai pengetahuan langsung mengenai operasi menyelamat itu.

Pada awal tahun ini, Sri Lanka turut menyelamatkan puluhan kru kapal Iran atas dasar kemanusiaan selepas kapal perang Iran, *IRIS Dena*, ditenggelamkan oleh torpedo yang dilancarkan dari kapal selam AS pada 4 Mac.

Mayat lebih 80 kru yang terkorban dalam serangan itu diterbangkan pulang ke Iran pada pertengahan Mac.

Seramai 32 mangsa yang terselamat, bersama 208 anak kapal daripada sebuah kapal lain, dihantar pulang ke Iran pada April.
REUTERS



Kapal tangki Gem No 2 yang mengalami kerosakan menyebabkan tumpahan minyak di pantai UAE.
(Foto REUTERS)

Tumpahan minyak cemari pantai UAE

Kaherah: Beberapa pantai di Emiriah Arab Bersatu (UAE) ditutup akibat pencemaran minyak yang dipercayai berpunca daripada serangan ke atas sebuah kapal tangki semasa perang Iran.

Menurut Kementerian Alam Sekitar pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa), pantai yang terjejas terletak di Emiriah Sharjah, Umm Al Quwain dan Ras Al Khaimah, berhampiran Dubai.

Kementerian memaklumkan pencemaran itu berpunca daripada kebocoran kapal tangki minyak dan usaha sedang dijalankan untuk mengawal tumpahan serta membersihkan kawasan yang terjejas.

Penduduk di Sharjah, yang bersempadan dengan Dubai, melaporkan bau petrol atau gas yang kuat berlarutan selama beberapa hari.

Kementerian berkata pihaknya sedang menyiasat bau berkenaan namun menegaskan tiada risiko kesihatan.

Menurut Wim Zwijnenburg, penyelidik yang pakar dalam isu konflik dan alam sekitar di pertubuhan keamanan Belanda, PAX, minyak itu berpunca daripada kapal tangki berbendera Panama, *Gem No 2*, yang dimiliki oleh sebuah syarikat berpangkalan di Taiwan.

Kapal tangki sepanjang 330 meter itu mula mengalami kebocoran minyak selepas diserang dua minggu lepas, kata Zwijnenburg kepada dpa. Tumpahan minyak yang terhasil kini merebak kira-kira 90 kilometer.

Agensi Operasi Perdagangan Maritim UK (UKMTO) melaporkan serangan berkenaan dua minggu lepas, dengan menyatakan satu projektil telah menghentam kapal itu dan mencetuskan kebakaran di atas kapal.

Perairan yang terjejas adalah habitat kepada pelbagai hidupan laut termasuk dugong, lumba-lumba dan penyu.

Terumbu karang, pokok bakau dan padang rumput laut juga menyediakan habitat penting serta kawasan mencari makan bagi pelbagai spesies burung dan hidupan marin.Imej satelit menunjukkan tumpahan minyak di perairan pantai Umm Al Quwain, Emiriah Arab Bersatu (UAE). BERNAMA

Trump kait tragedi 9/11 pengaruhi pengundi tolak calon Muslim

Presiden AS tingkat usaha gambarkan calon Senat sebagai pelampau Islam

Port Huron: Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, dalam kempen pada Ahad meningkatkan usahanya mengaitkan calon Senat AS, Abdul El-Sayed dengan pelampau Islam.

Pemimpin itu membandingkan El-Sayed dengan penyerang 9/11 sambil mendakwa lawannya, Demokrat, sanggup membenarkan pengganas anti-AS itu memasuki AS.

"Saya di sini berusaha menghalang seorang pejuang jihad, anggota Ikhwanul Muslimin daripada menjadi Senator AS," katanya yang menerima sorakan baik hadirin ketika berucap di Port Huron, Michigan.


Abdul El-Sayed

Jika menang, El-Sayed akan menjadi calon Islam pertama yang dipilih ke Senat AS, namun Trump berusaha menggambarkan beliau seorang Islam radikal anti-AS.

Pada Ahad, Trump meningkatkan retorik terbaharu, apabila menyamakan El-Sayed dengan penyerang yang merampas pesawat United Flight 93 ketika serangan 11 September 2001.

Michigan berdepan salah satu saingan Senat AS paling sengit, menjelang pilihan raya pertengahan penggal pada 3 November, dengan bekas Wakil AS juga seorang Republikan, Mike Rogers dan El-Sayed bersaing merebut kerusi kosong yang akan membantu menentukan penguasaan di Dewan.

Pada Ahad, Trump turut membandingkan tindakan menolak El-Sayed sama seperti dilakukan Todd Beamer dan individu lain yang menentang rampasan pesawat itu.

"Selepas 25 tahun, Michigan perlu bangkit dan melawan, sama seperti dilakukan Todd, untuk menghalang seorang jihad daripada memasuki Capitol," katanya.

"Jika El-Sayed menang, beliau akan menjadi satu-satunya Senator yang perlu melalui pengesan logam sebelum dibenar masuk ke Senat," kata Trump.

Tolak tuduhan

El-Sayed menolak tuduhan demikian dan menerusi satu iklan baru-baru ini, beliau mempertahan agamanya dengan berkata, 'Keimanan adalah sesuatu perkara yang paling sedikit terdapat di Washington'.

Rogers turut mendakwa El-Sayed mempunyai hubungan dengan Ikhwanul Muslimin, salah satu kumpulan Islamis tertua dan paling berpengaruh di dunia Arab.

El-Sayed menafikan penglibatannya dengan kumpulan itu, menegaskan tindakan Rogers mempersoalkan kesetiaannya kepada AS sebagai sesuatu yang memalukan.

Rogers dalam satu temu bual di rancangan *NBC Meet the Press* pada Ahad menyatakan El-Sayed tidak memberikan respons mencukupi terhadap soalan mengenai dakwaan itu.

"Beliau calon yang sehaluan dengan Demokrat Sosialis AS, yang mempunyai kumpulan sokongan agak radikal yang tidak menyukai AS," katanya.

Port Huron sebahagian kawasan Michigan yang dimenangi Trump dalam pilihan raya presiden 2024 selepas meraih lebih daripada 66 peratus undi. REUTERS

Gerakan pelajar Serbia tumbangkan pemimpin veteran dalam pilihan raya Parlimen

Belgrade: Gerakan pimpinan pelajar Serbia mengisytiharkan kemenangan dalam pilihan raya Parlimen pada Ahad, sekali gus menamatkan pemerintahan 14 tahun parti populis haluan kanan pimpinan Aleksandar Vucic.

Kemenangan dalam pilihan raya mengejut itu berlaku selepas hampir dua tahun protes antikerajaan tercetus susulan tragedi runtuhan bumbung anjung di stesen kereta api Novi Sad pada 2024, yang mengorbankan 16 orang.

Tragedi itu secara meluas dikaitkan dengan amalan rasuah dan mencetuskan siri demonstrasi terbesar di Serbia sejak kejatuhan bekas pemimpin autoritarian, Slobodan Milosevic pada 2000.

"Keputusan awal menunjukkan calon-calon Students' List mendahului dengan ketara di hampir semua pusat pengundian.

"Students' List menang dan semua berharap Serbia boleh menjadi negara yang menjunjung keadilan, kebebasan dan maruah," menurut Radomir Saicic, calon Students' List dalam ucapan di ibu pejabat pilihan raya gerakan itu.

Pengundi keluar beramai-ramai pada Ahad, dengan Serbia mencatatkan kadar keluar mengundi tertinggi bagi pilihan raya Parlimen dalam tempoh lebih tiga dekad.

Vucic mengakui kekalahan kurang dua jam selepas pusat pengundian ditutup, sekali gus mencetuskan suasana meriah di ibu negara selepas penyokong gerakan pelajar itu meraikan kekalahan kerajaan yang didakwa mereka membiarkan rasuah bermaharajalela.

Ribuan orang ramai turut membanjiri jalan-jalan di ibu negara untuk meraikan kemenangan itu.

Kenderaan yang melalui kawasan berkenaan membunyikan hon, sementara orang ramai turut melaungkan slogan dan menyalakan bunga api menerangi ruang udara bandar.

Menurut pegawai pilihan raya negara itu, hampir 65 peratus daripada 6.4 juta pengundi berdaftar menunaikan tanggungjawab mereka sehingga jam 6 petang (waktu tempatan), iaitu dua jam sebelum pusat pengundian ditutup.

Angka itu mengatasi 61 peratus kadar keluar mengundi pada pilihan raya Parlimen 1993. AFP


Penyokong Students' List berkumpul di luar bangunan Dewan Perhimpunan Kebangsaan bagi meraikan kemenangan mereka pada pilihan raya Parlimen Serbia, di Belgrade kelmarin. (Foto AFP)


Pelantar minyak Prospector 5 yang senget sebelum tenggelam di luar pesisir pantai Gabon. (Foto AGENSI)

5 hilang selepas pelantar minyak karam di Gabon

Liberville: Pasukan penyelamat sedang mencari lima mangsa yang hilang selepas sebuah pelantar minyak tenggelam di luar pantai Gabon pada Ahad, menurut syarikat pengendali dan pihak berkuasa negara itu.

Dalam kenyataan pada petang Ahad, kerajaan memaklumkan lima individu yang hilang terdiri daripada tiga warga Gabon dan masing-masing seorang warga India dan Croatia.

Syarikat Borr Drilling memaklumkan pelantar minyak Prospector 5 yang sedang membuat persiapan memulakan kerja penggerudian luar pesisir di perairan Gabon, mengalami kegagalan struktur serius pada petang Sabtu sehingga menyebabkan ia tenggelam.

"Ketika kejadian, terdapat 115 orang berada di atas pelantar berkenaan. Seramai 110 mangsa sudah diselamatkan.

"Lima individu masih belum ditemukan, sementara operasi mencari dan menyelamat secara menyeluruh sedang diteruskan," menurut kenyataan itu.

Pihak berkuasa Gabon pula memaklumkan, operasi pencarian masih diteruskan pada petang Ahad, dengan tiga buah helikopter terbabit dalam operasi berkenaan, selain peralatan bawah air bagi mengesan mangsa di kawasan pelantar yang tenggelam.

Sebelum itu, Menteri Petroleum Gabon, Clotaire Kondja dalam satu kenyataan berkata, operasi mencari dan menyelamat turut dibantu pihak tentera laut negara itu.

Beliau berkata, pelantar itu senget sebelum akhirnya tenggelam ketika operasi pramuatan, yang dijalankan sebagai persediaan untuk kempen penggerudian yang dirancang.

"Setakat ini, tiada pelepasan bahan berbahaya dikesan," katanya. AFP

‘Naskhah bukti cinta mak kepada abah’



Rosnani dan Hazami memperagakan buku Kumpulan Puisi Bendahara Hati yang dihasilkan untuk Allahyarham Jamil sambil diperhatikan Anwar (tengah) dan Johan (kanan) pada majlis pelancaran naskhah itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Mak Nani bukukan koleksi puisi, pantun karya suami, Allahyarham Jamil Sulong dalam Bendahara Hati

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
serimah.sallehuddin@bh.com.my

Khuatir nama suami tercinta, Allahyarham Datuk Jamil Sulong lenyap ditelan zaman, seniwati tersohor, Datuk Rosnani Jamil mengambil inisiatif mengabadikan karya penulisan pengarah filem tersohor itu menerusi penerbitan buku *Kumpulan Puisi Bendahara Hati.*

Rosnani atau lebih mesra disapa Mak Nani berkata, usaha itu diambil bagi memastikan sumbangan Allahyarham Jamil dalam dunia seni terus dikenang, bukan sekadar menerusi filem arahannya, malah, hasil penulisan yang memperlihatkan sisi kreatif arwah suaminya itu.

Idea menerbitkan buku berkenaan tercetus selepas Rosnani menemui koleksi puisi yang ditinggalkan Allahyarham Jamil ketika mengemas perpustakaan mini di kediaman mereka di Janda Baik, Pahang.

Menurutnya, proses mengemas dan meneliti bahan peninggalan suaminya mengambil masa berbulan-bulan berikutan jumlah koleksi yang terlalu banyak, selain Allahyarham Jamil mempunyai aturan tersendiri dalam menyimpan buku dan bahan bacaannya.

“Semasa suami hidup, mak tak boleh masuk bilik itu. Pegang atau pindahkan satu buku ke tempat lain pun tak boleh, nanti dia cari dan bising jika tak jumpa.

“Sebab itu, apabila mak mula berkemas untuk memilih bahan, prosesnya mengambil masa berbulan-bulan.

“Sampai sekarang pun masih belum teratur semuanya kerana koleksi arwah terlalu banyak,” katanya yang ditemui pada majlis pelancaran buku *Kumpulan Puisi Bendahara Hati* di Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu negara, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah DBP, Dr Hazami Jahari; Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Dr Anwar Ridhwan dan Ketua Editor, Bahagian Majalah DBP, Dr Rosmani Omar.

Rosnani berkata, koleksi berkenaan bukan sahaja merangkumi bahan dalam bahasa Melayu dan Inggeris, malah turut meliputi bahasa Cina, Jepun dan Russia.

Namun hanya penulisan dalam bahasa Melayu dimuatkan dalam buku berkenaan.

Rosnani berkata, sebahagian bahan penulisan dikumpul ketika mereka aktif mengikuti festival filem di luar negara.

Daripada proses mengemas itu, Rosnani menemui lebih 100 puisi yang ditinggalkan suaminya, lantas membuka ruang untuk karya berkenaan diketengahkan kepada khalayak.

Serah kepada DBP

Atas inisiatif Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar, koleksi puisi yang tersimpan kemas dalam fail itu diserahkan kepada DBP, kira-kira setahun lalu untuk diterbitkan.

Selepas setahun menanti, impian Rosnani untuk melihat khazanah nukilan suaminya dibukukan akhirnya tercapai menerusi penerbitan *Kumpulan Puisi Bendahara Hati.*

“Mak tengok pengarah lain semua sudah hilang. Jadi, mak tak mahu nama abah turut hilang. Sebab itu, selagi ada hasil tangan Allahyarham Jamil atau ideanya, mak akan buat sesuatu supaya orang tak lupa Jamil Sulong.

“Macam Allahyarham Tan Sri P Ramlee, tak perlu buat macam apa yang mak usahakan sebab arwah manusia unik.

“Tetapi, sebagai pengarah, abah tidak begitu. Jadi mak sebagai isteri yang bertuah dikurniakan suami seperti dia, apa sahaja mengenai arwah, mak akan cuba ketengahkan. Jangan sampai nama Jamil Sulong hilang.

“Itulah sebabnya mak nak sangat sajak abah dibukukan,” katanya lagi.

Buku setebal 89 halaman itu menghimpunkan 79 puisi, 19 puisi mini dan 35 koleksi pantun yang ditulis Allahyarham Jamil sejak muda.

Daripada keseluruhan karya itu, puisi berjudul *Senja Semakin Tua* paling meninggalkan kesan dalam diri Rosnani.

Menurutnya, puisi berkenaan mengisahkan ibu bapa yang tidak mahu hidup terlalu lama kerana bimbang menyusahkan anak-anak.

Tema yang diangkat dalam puisi itu memperlihatkan kepekaan Allahyarham Jamil terhadap kehidupan dan perasaan manusia, terutama kebimbangan ibu bapa apabila usia semakin lanjut dan tidak mahu menjadi beban kepada keluarga.

Bagi Rosnani, penerbitan buku *Kumpulan Puisi Bendahara Hati* bukan sekadar usaha menghimpunkan karya suaminya, sebaliknya langkah memastikan pemikiran dan legasi seni Allahyarham Jamil terus dapat dipelajari generasi baharu.

Ujar Rosnani lagi banyak perkara yang dipelajarinya daripada Jamil, termasuk ilmu pengarahan dan teknik pembikinan filem, selain dorongan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

“Kalau mak dipanggil untuk memberi kuliah di universiti, mak akan ceritakan mengenai suami. Banyak yang arwah ajar mak, daripada mak tak ada pelajaran, sampailah boleh pergi belajar di London, belajar filem, buat filem dan teknik filem.

“Itu semua hasil galakan anak-anak dan suami,” katanya.

Rosnani turut menghargai peranan Johan yang membantu merealisasikan projek penerbitan buku *Kumpulan Puisi Bendahara Hati,* apatah lagi hubungan mereka sudah terjalin sejak Johan masih muda.

Gabungan AF, GV hidupkan semula kenangan penonton

Pertemuan semula juara *Akademi Fantasia (AF)* yang pernah mencetuskan fenomena dalam industri muzik tempatan menjadi taruhan *Gegar Vaganza (GV)* musim ke-13 apabila program realiti popular itu menggabungkan dua jenama ikonik sempena ulang tahun ke-30 Astro.

Menerusi edisi kali ini, pentas *GV13.* bukan sekadar medan menguji kemampuan vokal, malah menjadi ruang buat barisan juara *AF* mengimbau perjalanan seni masing-masing, selain membuktikan keupayaan mereka masih mampu bersaing selepas bertahun-tahun mewarnai industri hiburan.

Antara nama yang bakal berentap ialah Vince iaitu juara AF1, Zahid (AF2), Mawi (AF3), Faizal (AF4), Mila Jirin (AF5), Stacy Anam (AF6), Shahir (AF8), Faizul Sany (AF10) dan Firman (AF11).

Bagaimanapun, empat lagi peserta masih dirahsiakan dan bakal diumumkan kemudian, sekali gus melengkapkan senarai 13 juara *AF* yang akan berentap dalam pertandingan berkenaan.

Naib Presiden Strategi Pembangunan Kandungan Hiburan Melayu Astro, Raqim Ahmad, berkata pemilihan juara *AF* sebagai peserta *GV13* dibuat bagi meraikan legasi program realiti itu yang turut menjadi antara pemangkin populariti Astro sejak awal penubuhannya.

Raqim berkata, gabungan dua jenama berkenaan diharap dapat menghidupkan semula kenangan penonton terhadap *AF,* selain menawarkan kelainan menerusi persaingan yang menghimpunkan penyanyi dengan pengalaman serta pencapaian berbeza.



Barisan artis ketika sidang media musim terbaharu Gegar Vaganza 13 di Kuala Lumpur. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

“Kalau kita tengok dulu, populariti Astro tercetus melalui program *AF* ini. Jadi, sempena sambutan 30 tahun dirai, tiba masanya kami gabungkan dua jenama ikonik (AF dan Astro) menjadi satu.

“Apatah lagi, *AF* kita tahu terkenal dengan kejutan dan sebab itu dalam *GV* juga akan ada kejutan-kejutan tersendiri, antara pengacara dengan kehadiran Jihan juga.

“Selain itu, kita juga masih ada empat lagi peserta yang masih jadi rahsia akan menyertai Gegar Vaganza Fantasia yang akan kita umumkan kemudian. Cuma, peminat kena mengundi,” katanya pada sidang media *GV13* di ibu negara, baru-baru ini.

Gengster dikhuatiri kembali kuasai Bollywood

Kes serang Tiger Shroff imbau era gelap samseng dalam industri perfileman India



Tiger Shroff mengimbau era ketika dunia jenayah terancang mempunyai pengaruh besar terhadap industri perfileman India. (Foto IG Tiger Shroff)

Susunan Shamshul Azree Samshir
sazree@bh.com.my

Serangan tembakan terhadap pelakon Bollywood, Tiger Shroff, mengimbau era ketika dunia jenayah terancang mempunyai pengaruh besar terhadap industri perfileman India.

Baru-baru ini, Shroff, 36, dilapor bermain bola sepak di Juhu, iaitu kawasan kejiranan mewah dan menghijau di Mumbai yang menjadi kediaman ramai bintang filem serta tumpuan peminat yang mahu bertemu selebriti.

Namun, ketika pelakon itu meninggalkan padang dengan menaiki kereta BMW, beberapa das tembakan dilepaskan. Pemandunya dilapor cedera, begitu juga seorang pencipta kandungan video yang datang untuk merakamkan pelakon berkenaan.

Shroff yang sering membintangi filem dengan babak aksi kompleks dan adegan melarikan diri yang dikoreografikan, kali ini berdepan sendiri dengan cubaan tembakan sebenar.

Empat hari selepas kejadian, kes berkenaan masih mendominasi tajuk berita di India, dengan setiap perkembangan baharu mencetuskan pelbagai teori, dakwaan bercanggah dan senarai konspirasi yang semakin panjang, lapor *BBC*.

Polis memberkas 10 suspek manakala siasatan turut menelusuri penghantaran senjata yang didakwa merentasi beberapa negeri serta transaksi pembayaran kepada penyerang terbabit.

Cubaan menembak itu turut mengembalikan nama Lawrence Bishnoi, antara ketua gengster paling terkenal di India, ke dada akhbar.

Tidak lama selepas serangan, tangkap layar hantaran media sosial yang dipercayai dibuat oleh seorang individu yang didakwa mempunyai kaitan dengan kumpulan Bishnoi tersebar dalam talian, dengan pihak terbabit mendakwa bertanggungjawab atas kejadian itu.

Satu rakaman audio berasingan turut muncul, memaparkan seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Anil Pandit mengulangi dakwaan berkenaan. Dia mendakwa Shroff menjadi sasaran kerana mempunyai kaitan dengan pelakon Salman Khan, yang sudah bertahun-tahun menerima ugutan daripada Bishnoi.

Bagaimanapun, polis Mumbai belum mengesahkan dakwaan itu atau membuktikan bahawa kumpulan Bishnoi terbabit dalam cubaan tembakan berkenaan, lapor *BBC*. Penyiasat masih berusaha mengenal pasti pihak yang mengarahkan serangan serta motif di sebaliknya.

Shroff menjadi sasaran susulan beberapa siri ugutan dan serangan yang membabitkan nama besar Bollywood, termasuk tembakan di luar kediaman Khan pada 2024 serta rumah pengarah filem, Rohit Shetty, awal tahun ini.

Pengaruh jenayah terancang

Rentetan kejadian itu menghidupkan semula kebimbangan mengenai pengaruh jenayah terancang terhadap industri perfileman, sekaligus mengimbau era gelap dalam sejarah Mumbai.

Sepanjang 1990-an hingga awal 2000-an, dunia bawah tanah jenayah bandar itu didakwa mempunyai pengaruh besar terhadap industri filem termasuk membiayai penerbitan, menuntut wang perlindungan dan menggunakan kekerasan untuk memastikan tuntutan mereka dipenuhi.

Usaha polis selama bertahun-tahun, selain kemunculan pembiayaan institusi secara berperingkat, akhirnya membantu mengurangkan cengkaman berkenaan.

Kini, ketika dakwaan dan teori baharu muncul hampir setiap hari, persoalan yang sebelum ini dianggap sebahagian daripada sejarah Mumbai kembali menghantui industri, iaitu adakah dunia gengster sekali lagi cuba menguasai Bollywood?

Mereka yang pernah berdepan jenayah terancang ketika pengaruhnya memuncak di Mumbai berkata, persoalan itu tidak semudah yang digambarkan oleh cubaan menembak Shroff.

Bekas Ketua Cawangan Jenayah Mumbai, D Sivanandhan, yang memegang jawatan itu pada 1998, masih mengingati zaman ketika panggilan telefon dari Dubai, lokasi beberapa ketua gengster paling terkenal beroperasi, mampu menentukan nasib sesebuah filem. Ini termasuk pelakon yang membintanginya, pihak yang membiayai penerbitan dan individu yang meraih keuntungan daripada pengedarannya.

Dalam industri yang bergantung kepada pembiayaan swasta, garis pemisah antara pelabur dengan pemeras ugut amat tipis. Ancaman ketika itu juga bukan sekadar gertakan.

Pada 1997, tokoh industri muzik, Gulshan Kumar, ditembak mati di luar sebuah kuil di Mumbai. Tiga tahun kemudian, pengarah filem, Rakesh Roshan, terselamat daripada cubaan membunuhnya.

Sivanandhan pernah menyiasat pembiayaan filem *Chori Chori Chupke Chupke* lakonan Salman Khan. Penerbit filem itu dan pembantunya masing-masing dijatuhi hukuman penjara enam tahun mengikut undang-undang jenayah terancang Maharashtra kerana kaitan dengan dunia bawah tanah.

Pemberi pembiayaan filem itu pula dihukum penjara setahun kerana menyembunyikan maklumat mengenai hubungan berkenaan.

Polis merampas negatif filem itu dan tayangannya akhirnya dilaksanakan di bawah pengawasan mahkamah.

Menurut Sivanandhan, bukan semua gengster memaksa kehendak mereka dituruti pihak yang enggan bekerjasama. Ada juga penerbit filem yang secara sukarela mendapatkan pembiayaan daripada mereka.

Urusan sedemikian boleh menguntungkan kedua-dua pihak, sekali gus menyukarkan usaha polis untuk membongkar dan meleraikan rangkaian berkenaan. BBC

Yusuf Bahrin berminat ceburi bidang politik

Pelakon Yusuf Bahrin tidak menolak kemungkinan menceburi bidang politik suatu hari nanti, namun mengakui belum menerima sebarang tawaran daripada mana-mana parti politik.

Yusuf atau nama sebenarnya, Muhammad Yusuf Bahrin, 34, serius mempertimbangkan bidang itu kerana politik mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan masyarakat dan kestabilan negara.

"Insya-Allah, saya memang berminat untuk menceburi politik dan serius mengenainya. Politik ini dekat dengan diri kita dan masyarakat, selain penting untuk negara. Parti politik juga memainkan peranan dalam menentukan kestabilan negara.

"Apabila politik tidak stabil, negara akan berdepan pelbagai masalah termasuk dari segi ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit. Jadi, kita mahukan kestabilan," katanya ditemui pada sidang media drama bersiri *Pickle Rival* di Balai Berita, Bangsar, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Yusuf berpendapat perbezaan pandangan dalam kalangan masyarakat perlu dihormati kerana setiap individu berhak menentukan pilihan masing-masing tanpa perlu bermusuhan.

Tambahnya, orang ramai perlu mengemukakan pandangan secara berhemah dan mengelakkan perbuatan memfitnah atau menyebarkan kebencian, termasuk menerusi media sosial.

"Kita ada pilihan masing-masing dan tahu apa yang baik serta buruk. Kalau kita ada pandangan, berikan pandangan yang baik. Jangan buat fitnah atau sebar kebencian, apatah lagi menjadikannya budaya di media sosial atau mana-mana pentas ucapan.

"Benda itu tidak baik. Apabila kita menanam kebencian terhadap orang lain, ia ibarat wabak. Jika tidak diubati dan dibiarkan berlarutan, ia akan merebak sehingga menjadi lebih teruk, kronik dan kritikal.

"Jadi, sebagai rakyat, kita mahukan pemimpin yang mampu mengubati wabak itu. Sebarkan kasih sayang. Buat apa hendak bergaduh sedangkan kita semua mahu hidup aman dan makmur?," katanya.



Yusuf Bahrin

Sehubungan itu, Yusuf berharap orang ramai, khususnya pemimpin dapat mengutamakan kasih sayang dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Akuinya, setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, namun setiap kesalahan perlu diberi ruang untuk diperbaiki.

"Apabila ada kesalahan, kita perlu berdamai dengan keadaan itu dan menerima hakikat bahawa manusia melakukan kesilapan. Tidak ada seorang pun yang terlepas daripada kesilapan dan setiap kesalahan memberi peluang untuk kita memperbaiki diri, bertaubat serta menjadi insan lebih baik.

"Apabila seseorang mula menilai keburukan orang lain dan merasakan dirinya baik, itu titik terendah bagi seorang manusia. Apabila dia merasakan dirinya paling betul manakala orang lain salah, kotor atau jijik, bermakna ada sesuatu yang tidak kena dalam kehidupannya.

"Jadi, kita mahukan pemimpin yang mampu menerajui negara, terima hakikat apabila melakukan kesilapan dan bertanggungjawab atas segala yang berlaku di Malaysia. Kita mahukan pemimpin yang sebarkan kasih sayang, bukannya kebencian, walau dalam apa keadaan sekalipun," katanya.

1klassifieds
BH BeritaHarian
DAPATKAN NASKHAH BH BeritaHarian DI myNEWS your convenience 7 ELEVEN
ATAU STESEN MINYAK DI LEMBAH KLANG
www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) +603 2299 6000 (Antarabangsa)



Jangan Biarkan Luka Tanpa Penjagaan

Luka kecil sering dianggap biasa dan tidak memerlukan perhatian khusus, namun sikap mengambil mudah boleh menyebabkan masalah yang lebih serius sekiranya tidak dijaga dengan baik.

Luka boleh berlaku pada bila-bila masa, contohnya:


Terjatuh


Terhiris ketika memasak


Terkana objek tajam


Kemalangan kecil semasa aktiviti harian

LANGKAH PENJAGAAN LUKA YANG BETUL

1 Cuci tangan terlebih dahulu



Pastikan tangan bersih sebelum menyentuh atau merawat luka bagi mengelakkan kotoran atau mikroorganisma masuk ke kawasan tercedera.

2 Bersihkan luka dengan betul



Gunakan air bersih bagi menyingkirkan kotoran yang melekat pada luka. Elakkan menyentuh luka dengan tangan yang kotor.

3 Lindungi luka dengan pembalut



Gunakan pembalut atau plaster yang sesuai, terutama jika terdapat risiko luka terkena kotoran atau geseran. Tukar balutan apabila sudah kotor atau basah.

4 Jangan kopek keruping atau menggaru



Keruping merupakan sebahagian daripada proses penyembuhan. Mengopeknya boleh menyebabkan luka terbuka semula. Jika terasa gatal, elakkan menggaru.

5 Pantau keadaan luka




Perhatikan perubahan pada luka dari semasa ke semasa bagi memastikan ia pulih dengan baik.

Dapatkan pemeriksaan daripada petugas kesihatan jika:


Luka semakin merah


Bengkak


Terasa panas atau sakit


Mengeluarkan nanah


Disertai demam

Luka yang berikut juga memerlukan perhatian perubatan:


Luka yang dalam atau besar


Tidak berhenti berdarah


Berpunca daripada gigitan haiwan

KESIMPULAN

Mukim / Daerah / Negeri	: Lalang / Pasir Mas / Kelantan
Pegangan	: Hakmilik Kekal
No. Petak/No. Tingkat/No. Bangunan	:
Keluasan Tanah	: 0.1381000000 ekar : 0.0559000000 hektar
Pemilik Berdaftar	: MOHD SAYUTI BIN HASAN
Syarat Nyata	: Bangunan kediaman sahaja mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
Sekatan Kepentingan	: Tiada
Bebanan / Lain-Lain	: Digadai kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 25 Februari 2013
Kawasan Rizab	: DI DALAM KAWASAN RIZAB MELAYU
Kaveat	:

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH :
Hartanah tersebut adalah **tanah yang masih belum dibangunkan dan tanah kosong** yang beralamat pos di **Lot 2256, Kg Serdang, 17000, Pasir Mas, Kelantan.**

HARGA RIZAB : Hartanah tersebut akan dijual atas "sepertimana sedia ada" tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM 120,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS DUA PULUH RIBU SAHAJA)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan. Pembida yang berminat hendaklah mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk **Bank Draf** di atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) 1 HARI BEKERJA** sebelum tarikh lelong awam. Baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembida yang berjaya kepada **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan. Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:-

Firma Guaman	**: APANDI ALI & CO.**
Alamat	**: NO. 1120-B, TINGKAT SATU, WISMA APANDI JALAN PADANG GARONG, 15000, KT, MY**
No. Telefon	**: 09-7446606**
No. Fax	**: 09-7483464**
No. Rujukan	**: AA/DC/MARA/KB/31/2019**

225 Lelong | 225 Lelong

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
LELONGAN AWAM
PADA HARI ISNIN, 16 NOVEMBER 2026 JAM 11.00 PAGI
LELONGAN SECARA ELEKTRONIK DI LAMAN WEB e-LELONG, PUSAT OPERASI e-LELONG, KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

No. Perlaksanaan **JA-38-1572-07/2026**	*Plaintif* **CIMB ISLAMIC BANK BERHAD**
No. Hakmilik / No. Lot **NO. HAKMILIK PAJAKAN NEGERI 22734, LOT 96843**	*Defendan-Defendan* **1. MOHD SALLEHUDIN BIN IBRAHIM 2. NURUL SYUHADA BINTI BAHARIM**
Mukim/Daerah/Negeri **PLENTONG / JOHOR BAHRU / JOHOR**	*Peguamcara* **TETUAN ZAID IBRAHIM & CO. (NO. TEL: 04-3753100)**

***HARGA RIZAB* RM990,000.00**

A DOUBLE STOREY BUNGALOW
Alamat : **NO. 12, JALAN DAHLIA 1, TAMAN BUKIT DAHLIA, 81700 PASIR GUDANG, JOHOR**
Keluasan Tanah : **4,489 KAKI PERSEGI / 417 METER PERSEGI**

Pembida Boleh Mendapatkan Perisytiharan Jualan, Panduan Pendaftaran Dan Bayaran 10% Deposit Di Pautan Seperti Berikut:
https://elelong.kehakiman.gov.my/BidderWeb/Home/Detail/97233
*Hartanah Lelongan diatas Akan Dijual Tertakluk Kepada Syarat-syarat Jualan Sepertimana Yang Dicetak Didalam Perisytiharan Jualan

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi syarikat yang dilantik oleh Plaintiff
ESZAM AUCTIONEER SDN. BHD. (200701002904 / 760902-H)
016-6639786 / 018-6639786 / 06-7629786 www.eszamauctioneer.com

225 Lelong | 225 Lelong

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO.: WA-38-2695-06/2026

Dalam perkara mengenai Seksyen 256 dan 257 Kanun Tanah Negara 1965

Dan

Dalam perkara mengenai Gadaian Perserahan No.PDSC3088/2012 (bertarikh 17/1/2012 yang didaftarkan pada 16.2.2012) ke atas semua bahagian tanah yang dipegang di bawah Geran 26644/M3/1/84, No. Petak 84, Tingkat No. 1, No. Bangunan M3, Lot No. 25117, Mukim Setapak, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang beralamat di TB-7, Blok C4, Taman Melati, Setapak, 53100 Kuala Lumpur

Dan

Dalam perkara mengenai Aturan 83, Kaedah-kaedah Mahkamah, 2012

ANTARA

BANK SIMPANAN NASIONAL (No. Syarikat: -) ...PLAINTIF

DAN

WAKIL DIRI BAGI HARTA PUSAKA (SIMATI) AFFARIZAN BINTI ARIFFIN
(No. Kad Pengenalan: 760510-07-5662) ...DEFENDAN

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Malaya di **KUALA LUMPUR** mengenai Perintah Jualan dan Perintah bertarikh **26 Julai 2023** dan **15 Oktober 2026**, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Pusat Operasi e Lelong di Kuantan.

AKAN MENJUAL SECARA LELONG AWAM
Pada Hari Selasa, 12 Januari 2027, Pada Jam 9.00 pagi,
SECARA ELEKTRONIK DI LAMAN WEB e-LELONG,
PUSAT OPERASI e-LELONG,
KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

NOTA: **Bakal Pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.**

Sila layari https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

No. Hakmilik	: GERAN 266441M311184
No. Lot	: Lot 25117
Mukim/Daerah/Negeri	: Setapak / Kuala Lumpur / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Pegangan	: Hakmilik Kekal
No. Petak/No. Tingkat/Bangunan	:
Keluasan Tanah	: 549.0000000000 kaki persegi 51.0000000000 meter persegi
Pemilik berdaftar	: AFFARIZAN BINTI ARIFFIN
Syarat Nyata	: Bangunan Kos Rendah
Sekatan Kepentingan	: TIADA
Bebanan / Lain-Lain	:
Kawasan Rizab	:
Kaveat	:

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH :
Hartanah tersebut adalah sebuah unit rumah pangsa kos rendah yang beralamat pos di **TB-7, Blok C4, Jalan Taman Melati, Taman Melati, 53100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

HARGA RIZAB:
Hartanah tersebut akan dijual atas "**sepertimana sedia ada**" tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM235,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS TIGA PULUH LIMA PULUH RIBU SAHAJA)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan, Pembida yang berminat hendaklah mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk **Bank Draf** di atas nama **BANK SIMPANAN NASIONAL 1 HARI BEKERJA** sebelum tarikh lelong awam. Baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembida yang berjaya kepada **BANK SIMPANAN NASIONAL** dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan. Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:-

Firma Guaman	**: MOZNI SHAM & CO**
Alamat	**: N0.58-2, 2ND FLOOR, JALAN 1/760, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR**
No. Telefon	**: 03 - 9286 7740 No. Fax : 03 - 9286 7370**
No. Rujukan	**: MSC/LT/BSN/HL/1050/17**

Notis ini diiklankan oleh Tetuan Mozni Sham & Co, Peguamcara bagi Plaintif yang dinamakan di atas dan alamat untuk penyampaian adalah 58-2, 2nd Floor, Jalan 11760, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur.
(Ruj: MSC/LT/BSN/HL/1055/17).. ./sr

225 Lelong | 225 Lelong

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
Tarikh / Masa Lelongan : 18 November 2026, 9:00 Pagi

No Pelaksanaan **WA-38-2043-05/2026**	*Plaintiff* **Hong Leong Bank Berhad**
No Hakmilik / No Lot **Hakmilik Strata Pajakan Negeri 26624/M1/10/ 369 / 87051**	*Defendan* **Lai Kah Chun**
Mukim/Daerah/Negeri **Petaling / Petaling / Selangor**	*Peguamcara* **Simon Hue & Assoc. (Tel : 03-79607761)**

Harga Rizab : RM 234,000.00

Satu Unit Pangsapuri
Alamat : **Unit No. 09-18, Vista Impiana Apartment, Jalan BS 10/2, Taman Bukit Serdang, Seksyen 10, 43300, Seri Kembangan, Selangor.**
Keluasan : **818.00 kaki persegi / 76.00 meter persegi**

Pembida perlu mendaftar dilaman web
https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb/home/detail/
dan membuat serahan bayaran sebanyak **10%** daripada harga rizab sebagai deposit dalam bentuk **Bank Draf** atas nama Plaintif
selewat-lewatnya **(1) hari bekerja** sebelum tarikh lelongan.
Sila rujuk Perisytiharan Jualan untuk cara-cara serahan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi syarikat yang dilantik oleh Plaintif
EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD.
No. Tel : 03 - 2161 6649 H/P: 010 2161 147
www.ehsanauctioneers.com

225 Lelong | 225 Lelong

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM

HARGA RIZAB: RM 215,100.00

No Pelaksanaan **BA-38-2024-05/2026**	*Plaintiff* **Maybank Islamic Berhad**
No Hakmilik / No Lot **PN 11522/M8/6/1567 / Lot 64316**	*Defendan* **Zulkifli Bin Mukhtar**
Mukim/Daerah/Negeri **Sungai Buloh / Petaling / Selangor**	*Peguamcara* **T K Ooi & Nadira (Tel : 03-20319988)**

Sebuah Pangsapuri Unit Hujung
Alamat : **No. 8-6-02, Pangsapuri Subang Suria, Jalan Bintang U5/33, Seksyen U5, 40150, Shah Alam, Selangor.**
Keluasan Tanah : **883.00 kaki persegi / 82.00 meter persegi**

Tarikh/Masa Lelongan : 23 November 2026 (Isnin), 9.00 pagi
SECARA ELEKTRONIK DI LAMAN WEB e-LELONG, PUSAT OPERASI e-LELONG
KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb

Semua hartanah lelongan diatas akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan sepertimana yang dicetak didalam Perisytiharan Jualan seperti dipautan berikut :
https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb/home/detail/97516
Pembida perlu mendaftar dilaman web https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb dan membuat serahan bayaran sebanyak 10% deposit dalam bentuk bank draf atas nama plaintiff selewat-lewatnya 1 hari bekerja sebelum tarikh lelongan. Sila rujuk Perisytiharan Jualan untuk cara-cara serahan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi syarikat yang dilantik oleh Plaintiff
EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD.
No. Tel : 03 - 2161 6649 H/P: 016 2161 047
www.ehsanauctioneers.com

INI ADALAH RINGKASAN PROSPEKTUS BERTARIKH 27 OKTOBER 2026 YANG DITERBITKAN BERSEMPENA DENGAN PENYENARAIAN IMPACT CAPITAL HOLDINGS BERHAD DI PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD ("**PENYENARAIAN**") ("**PROSPEKTUS**")

IMPACT CAPITAL HOLDINGS BERHAD

(No. Pendaftaran 202401026064 (1571913-U))
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

TAWARAN AWAM PERMULAAN ("**IPO**") BERSEMPENA DENGAN PENYENARAIAN IMPACT CAPITAL HOLDINGS BERHAD ("**IMPACT CAPITAL**" ATAU "**SYARIKAT**") DI PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD ("**BURSA SECURITIES**") TERDIRI DARIPADA:

(I) TERBITAN AWAM SEBANYAK 96,690,000 SAHAM BIASA BAHARU DALAM IMPACT CAPITAL ("**SAHAM**") DENGAN CARA BERIKUT:

- 24,000,000 SAHAM BAHARU DISEDIAKAN UNTUK PERMOHONAN OLEH ORANG AWAM MALAYSIA;
- 16,000,000 SAHAM BAHARU DISEDIAKAN UNTUK PERMOHONAN OLEH PARA PENGARAH YANG LAYAK, PEKERJA-PEKERJA DAN ORANG-ORANG YANG TELAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN IMPACT CAPITAL DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA ("**KUMPULAN**"); DAN
- 56,690,000 SAHAM BAHARU MELALUI PERUNTUKAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR-PELABUR TERPILIH;

DAN

(II) TAWARAN UNTUK JUALAN SEBANYAK 28,620,900 SAHAM SEDIA ADA MELALUI PERUNTUKAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR-PELABUR TERPILIH,

PADA HARGA IPO SEBANYAK RM0.22 SETIAP SAHAM, PERLU DIBAYAR PENUH SEMASA PERMOHONAN.

Penasihat Utama, Penaja, Penaja Jamin Tunggal dan Ejen Penempatan Tunggal

PUBLIC INVESTMENT BANK BERHAD
(No. Pendaftaran 197401002880 (20027-W))
Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian
(Anak Syarikat Milik Penuh Public Bank Berhad)

PEMERBADANAN DAN MODAL SAHAM

Impact Capital diperbadankan di Malaysia di bawah Akta ke atas syarikat pada 1 Julai 2024 sebagai syarikat sendirian berhad di bawah nama Impact Capital Holdings Sdn Bhd. Pada 23 Oktober 2025, Impact Capital telah ditukar kepada sebuah syarikat awam berhad.

Modal saham terbitan Impact Capital ialah RM26,831,790.00 terdiri daripada 383,310,000 Saham pada tarikh Prospektus. Selepas Penyenaraian, modal saham terbitan Impact Capital akan meningkat kepada RM48,103,590.00 terdiri daripada 480,000,000 Saham.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Impact Capital terutamanya terlibat dalam aktiviti syarikat pemegangan. Melalui anak-anak syarikatnya, Kumpulan terutamanya terlibat dalam integrasi peralatan dan sistem ICT untuk infrastruktur kritikal, pembekalan perkakasan ICT, dan penyediaan ICT dan perkhidmatan lain.

KEKUATAN DAYA SAING

(i) Kumpulan mempunyai rekod prestasi ditubuhkan selama 21 tahun untuk berfungsi sebagai platform bagi kemampanan dan pertumbuhan perniagaan;
(ii) Kumpulan mempunyai pengalaman dalam menyediakan peralatan dan sistem ICT untuk infrastruktur kritikal untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan memanfaatkan peluang baharu;
(iii) Kumpulan adalah Rakan Kongsi Diberi Kuasa untuk penyedia ICT global tertentu;
(iv) Kumpulan menggunakan kedua-dua saluran pengedaran langsung dan tidak langsung untuk menangani peluang perniagaan;
(v) Kumpulan mempunyai aliran hasil berulang yang menyediakan aliran tunai yang boleh dipercayai, ditambah dengan kontrak jumlah tetap dan pesanan pembelian; dan
(vi) Kumpulan mempunyai Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan pengurusan kanan utama yang berpengalaman untuk mengembangkan perniagaannya.

LEMBAGA PENGARAH

Nama	Jawatan	Warganegara
Datu William Anak Patrick Nyigor	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Winston Chai Fung Chun	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas / Pengarah Urusan	Malaysia
Kok Teck Kuan	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Malaysia
Chyr Ye Hong	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Malaysia
Cheong Woon Chee	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Goh Chin Yee	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Lu Yieng Ping	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia

PROSPEKTUS DAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Saham mesti dibuat berkaitan dengan dan tertakluk kepada terma-terma Prospektus dan Perlembagaan Impact Capital. Permohonan untuk Saham hendaklah dibuat pada Borang Permohonan (seperti yang ditakrifkan dalam Prospektus) yang diterbitkan bersama-sama dengan Prospektus dan mesti dilengkapkan mengikut nota-nota dan arahan-arahan yang dicetak pada bahagian belakang Borang Permohonan dan Prospektus; atau melalui Permohonan Saham Elektronik ("**ESA**") melalui Mesin Juruwang Automatik ("**ATM**") institusi kewangan peserta; atau Permohonan Saham Internet ("**ISA**") melalui laman web perkhidmatan kewangan internet institusi kewangan peserta internet atau firma sekuriti peserta.

Orang yang mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan atau ESA atau ISA mesti mempunyai akaun Sistem Depositori Pusat. Orang yang mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan tidak boleh mengemukakan permohonan melalui ESA atau ISA dan sebaliknya. Perbadanan atau institusi tidak boleh memohon saham melalui ESA atau ISA.

Menurut Seksyen 232(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Borang Permohonan disertakan dengan Prospektus. Permohonan yang tidak mematuhi SECARA TEGAS terma Prospektus atau Borang Permohonan atau nota-nota dan arahan-arahan yang dicetak di dalamnya atau tidak boleh dibaca tidak akan diterima. Bagi permohonan melalui ESA atau ISA, permohonan hendaklah dibuat mengikut arahan, serta prosedur yang dinyatakan pada skrin ATM institut kewangan peserta yang berkaitan atau langkah-langkah yang dinyatakan di laman web perkhidmatan kewangan internet institusi kewangan peserta internet atau firma sekuriti peserta, masing-masing.

HANYA SATU BORANG PERMOHONAN UNTUK SETIAP KATEGORI DARIPADA SETIAP PEMOHON AKAN DIPERTIMBANGKAN DAN PERMOHONAN MESTILAH UNTUK SEKURANG-KURANGNYA 100 SAHAM IPO ATAU GANDAAN 100 SAHAM IPO. PERMOHONAN BERGANDA TIDAK AKAN DITERIMA MELAINKAN DIBENARKAN DENGAN NYATA DALAM TERMA DAN SYARAT INI.

Borang Permohonan Putih berserta salinan Prospektus boleh diperolehi (tertakluk kepada ketersediaan) daripada Public Investment Bank Berhad, organisasi peserta Bursa Securities, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia atau Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia, Ascendserv Capital Markets Services Sdn Bhd dan Impact Capital. Salinan Prospektus juga boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com.

Borang Permohonan Merah Jambu (salinan cetak atau borang elektronik) bersama-sama dengan salinan Prospektus atau hiperpautan kepada Prospektus elektronik akan dihantar kepada orang yang layak.

PROSPEKTUS DAN PERMOHONAN (SAMB)

Menurut Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**SICDA**"), Bursa Securities telah menetapkan Saham tersebut sebagai sekuriti yang ditetapkan. Oleh itu, Saham yang ditawarkan melalui Prospektus akan didepositkan terus dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd ("**Bursa Depository**") dan sebarang urusan dalam Saham ini akan dijalankan mengikut SICDA dan Peraturan Bursa Depository. Tiada sijil saham akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.

Prospektus telah didaftarkan dengan Bursa Securities. Prospektus, bersama-sama dengan Borang Permohonan, telah diserahkan kepada Pendaftar Syarikat ("**ROC**"). Bursa Securities dan ROC tidak bertanggungjawab terhadap kandungan Prospektus.

Pelabur hendaklah membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum membuat keputusan sama ada untuk melabur dalam Saham atau tidak. Jika ragu-ragu, sila dapatkan nasihat daripada penasihat profesional.

FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Pelaburan dalam Saham melibatkan beberapa risiko, kebanyakannya berada di luar kawalan Kumpulan. Pelabur hendaklah mempertimbangkan dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam Prospektus, termasuk semua faktor risiko, sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam Saham.

(A) Risiko yang berkaitan dengan operasi perniagaan Kumpulan

(i) Prestasi perniagaan dan kewangan Kumpulan adalah bergantung kepada keupayaannya untuk mendapatkan projek-projek baharu dan besar dengan segera bagi memastikan kesinambungan buku pesanan untuk mengekalkan perniagaannya;
(ii) Kumpulan bergantung kepada Kumpulan Huawei sebagai pembekal utama dan rakan kongsi strategiknya, dan sebahagian daripada hasil dikaitkan dengan perkongsiannya dengan Huawei;
(iii) Kumpulan mungkin menghadapi peningkatan yang tidak dijangka dalam kos projek, termasuk produk perkakasan dan perisian, subkontraktor dan kos buruh, memandangkan projek-projeknya lazimnya berdasarkan kontrak sekaligus tetap atau pesanan pembelian;
(iv) Kumpulan menghadapi risiko daripada penumpuan dan pergantungan pelanggan kepada pelanggan utama, di mana ketidakupayaannya untuk mendapatkan pelanggan baharu dan besar mungkin memberi kesan negatif kepada operasi perniagaan dan prestasi kewangannya;
(v) Pertumbuhan perniagaan Kumpulan mungkin dikekang oleh sumber teknikal yang tidak mencukupi untuk sokongan dan pembangunan;
(vi) Kumpulan bergantung kepada subkontraktor untuk menjalankan kerja-kerja khusus bagi projek-projeknya;
(vii) Perniagaan Kumpulan adalah bergantung kepada pendaftaran, lesen dan permit tertentu;
(viii) Sebarang pelanggaran Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (seperti yang dipinda oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022) serta undang-undang dan peraturan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar boleh mengakibatkan penalti termasuk penggantungan operasinya;
(ix) Projek-projek Kumpulan mungkin tertakluk kepada kelewatan, yang boleh mengakibatkan tuntutan berkaitan dengan ganti rugi yang dipastikan dibubarkan;
(x) Kumpulan didedahkan kepada risiko liabiliti kecacatan dan tuntutan waranti produk daripada pelanggannya;
(xi) Tiada jaminan bahawa Kumpulan akan dapat melaksanakan strategi perniagaan dan rancangan masa hadapannya dengan jayanya;
(xii) Perniagaan Kumpulan bergantung kepada Pengarah Urusan, para Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan pengurusan kanan utama;
(xiii) Kumpulan mungkin terdedah kepada risiko daripada ancaman keselamatan siber dan risiko keselamatan lain untuk sistem ICT yang diintegrasikan, dan penyediaan perkhidmatan ICT kepada pelanggannya; dan
(xiv) Perlindungan insurans Kumpulan mungkin tidak mencukupi untuk melindungi semua kerugian atau liabiliti.

(B) Risiko yang berkaitan dengan industri

(i) Kumpulan adalah tertakluk kepada risiko yang wujud dalam industri ICT;
(ii) Kumpulan adalah tertakluk kepada persaingan daripada penyepadu ICT yang lain; dan
(iii) Kumpulan adalah tertakluk kepada risiko ekonomi, sosial, politik dan kawal selia di Malaysia serta peristiwa global.

(C) Risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam Saham

(i) Tiada pasaran terdahulu bagi Saham;
(ii) Harga perdagangan dan volum Saham semasa Penyenaraian mungkin tidak menentu;
(iii) Promoter-promoter dan Pemegang-pemegang Saham Utama akan dapat memberikan pengaruh yang signifikan ke atas Syarikat;
(iv) Syarikat mungkin tidak dapat mengisytiharkan dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya; dan
(v) Penyenaraian mungkin berpotensi ditangguhkan atau dibatalkan.

PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Saham akan dibuka pada pukul 10.00 pagi pada 27 Oktober 2026 dan akan kekal dibuka sehingga 5.00 petang. pada 6 November 2026.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada masa dan tarikh yang dinyatakan di atas, Syarikat akan mengiklankan notis perubahan tersebut dalam akhbar harian Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan membuat pengumuman yang berkaitan melalui laman web Bursa Securities.

Permohonan Lewat tidak akan diterima.

PENYENARAIAN DIPOHON

Pasaran ACE Bursa Securities

Carrick tak mahu letak jawatan

Kedudukan pengendali United makin goyah selepas Red Devils dibelasah di Old Trafford

Manchester: Michael Carrick menegaskan beliau akan "meneruskan tugas seperti biasa" selepas Manchester United tewas 0-3 di laman sendiri kepada Bournemouth, namun kedudukan pengendali itu semakin goyah susulan keputusan yang mencetuskan kemarahan dan kekecewaan di Old Trafford.

Ketika ditanya sama ada beliau menjangka masih mengendalikan pasukan itu minggu depan, Carrick tidak memberikan sebarang jaminan.

"Sudah tentu, saya bertanggungjawab. Apa sahaja yang berlaku dari segi keputusan, sama ada kami menang, kalah atau seri, tanggungjawab itu terletak pada saya," kata Carrick.

Apabila ditanya sama ada beliau menjangkakan akan dipecat dalam tempoh beberapa hari lagi, Carrick berkata: "Saya benar-benar memahami situasi ini. Sejujurnya, saya tidak menjangkakan apa-apa secara khusus. Saya meneruskan tugas seperti biasa dan saya menyayangi kelab ini.

"Saya sentiasa melakukan apa yang saya rasakan terbaik untuk kelab bola sepak ini, walau apa pun keputusan yang dibuat dalam apa jua perkara."

Carrick membimbing United bangkit sehingga menduduki tempat ketiga musim lalu selepas menggantikan Ruben Amorim.

Keputusan

C Palace	0	2	Newcastle
Hull	1	1	Brentford
Liverpool	2	0	Brighton
Man United	0	3	Bournemouth
Sunderland	0	0	Leeds

Hanya catat dua kemenangan

Namun, mereka hanya mencatat dua kemenangan dalam 12 perlawanan semua pertandingan musim ini dan belum meraih kemenangan dalam Liga Perdana Inggeris sejak menewaskan pasukan yang baru dinaikkan ke liga utama, Ipswich Town, 30 Ogos lalu.

Kekalahan kelmarin menyaksikan United hanya mengumpul tujuh mata daripada lapan perlawanan liga, dengan kelebihan satu mata sahaja di atas zon penyingkiran. Ia ialah kutipan mata terburuk mereka pada peringkat ini sejak musim 1986-87.

Penyokong membentangkan sepanduk gergasi bertulis "Standards" sebelum rehat, memaparkan ikon kelab seperti Eric Cantona, Roy Keane dan Bryan Robson.

Sebahagian besar penyokong menunjukkan simpati kepada Carrick dengan melaungkan *"It's Carrick, you know"* pada penghujung perlawanan.

Namun, selepas pengendali berusia 45 tahun itu meletakkan tangan di dada sebagai tanda penghargaan sebelum menghilang melalui terowong menuju bilik persalinan, sorakan berkenaan bertukar menjadi ejekan lantang yang ditujukan kepada pemain. AFP

Liga Perdana Inggeris

KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	B	MT
Man City	8	7	0	1	20	9	21
Arsenal	8	7	0	1	13	5	21
Brighton	8	5	1	2	23	7	16
Liverpool	8	4	3	1	11	8	15
Chelsea	8	4	1	3	17	15	13
Brentford	8	2	5	1	14	9	11
Leeds	8	2	5	1	9	6	11
Newcastle	8	3	2	3	12	14	11
Aston Villa	8	3	2	3	9	12	11
Hull	8	2	4	2	9	8	10
Everton	8	2	4	2	8	9	10
Ipswich	8	3	1	4	12	16	10
Bournemouth	8	2	3	3	12	13	9
Tottenham	8	2	3	3	8	10	9
Fulham	8	2	2	4	8	10	8
Man United	8	1	4	3	10	13	7
C Palace	8	2	1	5	9	19	7
Nottm Forest	8	1	3	4	6	10	6
Coventry	8	2	0	6	6	15	6
Sunderland	8	1	2	5	6	14	5



Florian Wirtz meraikan gol pertama bersama rakan sepasukan pada perlawanan Liga Perdana Inggeris antara Liverpool dan Brighton di Anfield, Liverpool. (Foto REUTERS)

Iraola puas hati Liverpool 'cepat panas'

Liverpool: Pengendali Liverpool, Andoni Iraola menyifatkan permulaan agresif sebagai kunci kejayaan pasukannya menewaskan Brighton 2-0 pada aksi Liga Perdana Inggeris (EPL) di Anfield, sekali gus meraih kemenangan liga keempat musim ini.



Andoni Iraola

Liverpool membuka tirai jaringan pada minit ke-17 menerusi gol sendiri Pascal Gross yang tertampan masuk percubaan Florian Wirtz sebelum Alexander Isak menggandakan kelebihan kurang lima minit kemudian.

Jaringan itu turut menamatkan rekod pertahanan Brighton yang tidak dibolosi lebih sembilan jam sebelum aksi berkenaan.

"Saya sangat gembira dengan keputusan hari ini dan secara keseluruhan dengan kemenangan liga keempat ini.

"Kami berdepan pasukan yang sangat bagus dan saya rasa permulaan perlawanan menjadi faktor utama. Kami perlu bermula dengan kuat, bermain agresif, merampas bola, memenangi perebutan bola dan mengancam menerusi serangan balas," kata Iraola.

Menurutnya, pendekatan itu berbeza berbanding beberapa perlawanan terdahulu apabila Liverpool terlebih dahulu dibolosi sebelum terpaksa bekerja keras untuk bangkit.

Isak pula terus membuktikan ketajamannya apabila meledak gol keenam dalam tujuh penampilan EPL, sekali gus mula memperlihatkan nilai pelaburan besar kelab yang memecahkan rekod perpindahan British untuk mendapatkan khidmatnya pada musim panas lalu.

Iraola percaya penyerang itu mampu terus menghasilkan jaringan sekiranya rakan sepasukan berjaya membekalkan hantaran dan peluang berkualiti kepadanya.

"Jika kami dapat meletakkannya dalam posisi yang sesuai, memberikan hantaran silang yang baik serta mencipta situasi berbahaya, dia akan menjaringkan gol," katanya.

Bagaimanapun, Liverpool berdepan kebimbangan apabila Wirtz terpaksa dikeluarkan akibat kecederaan buku lali selepas mengalami sedikit kesilapan ketika mendarat.

Iraola berharap kecederaan itu tidak serius, namun mengakui keadaan pemain berkenaan perlu dipantau memandangkan jadual padat yang menyaksikan pasukan beraksi setiap tiga hari. AFP

El Clasico LaLiga

Mbappe merendah diri

Barcelona: Kylian Mbappe menyifatkan pencapaian menjaringkan 100 gol bersama Real Madrid dalam semua pertandingan sebagai "sekadar perkara kecil" berbanding kemenangan 2-1 ke atas Barcelona dalam aksi El Clasico LaLiga semalam.

Penyerang Perancis itu meledak dua gol untuk mencapai jumlah 100 jaringan bersama Los Blancos sejak menyertai kelab itu pada 2024.

Dua gol Mbappe, yang hadir sebelum dan selepas jaringan Raphinha buat tuan rumah di Camp Nou, membantu Real Madrid melonjak di tangga ketiga sekali gus merapatkan jurang kepada tiga mata dengan pendahulu LaLiga yang juga juara bertahan Sepanyol itu.

"Saya sangat gembira. Saya rasa semua orang tahu saya suka menjaringkan gol dan membantu pasukan menerusi jaringan, tetapi bagi saya, hari ini pencapaian itu sekadar perkara kecil kerana perkara paling penting ialah kemenangan pasukan.

"Sejujurnya, bintang sebenar perlawanan hari ini ialah pasukan dan seluruh kumpulan pemain kerana kami tahu kami perlu beraksi cemerlang sebagai sebuah pasukan.

"Kami tahu perlawanan ini berlangsung dengan baik, tetapi kemenangan ini tetap hanya memberikan tiga mata. Kami perlu mengutip banyak lagi mata untuk menjuarai LaLiga," kata Mbappe kepada Real Madrid TV.

Real Madrid kendalian Jose Mourinho kini mencatat lima kemenangan berturut-turut dan semakin menunjukkan prestasi yang mantap.

"Ia tidak bermakna apa-apa jika kami tidak meneruskannya. Lima perlawanan bukan sesuatu yang besar bagi kami kerana kami mahu memenangi setiap perlawanan.


"Kemenangan hari ini menghantar mesej yang baik, tetapi kami tidak boleh menganggap musim ini sudah selesai. Minggu depan, ketika menentang Racing Santander, kami perlu menunjukkan intensiti yang sama," tambah Mbappe. AFP



Mbappe menjaringkan gol kedua pada perlawanan antara FC Barcelona dan Real Madrid di Stadium Camp Nou, Barcelona. (Foto AFP)

Liga Juara-Juara Asia Elit

JDT harap bantuan rakaman video Port FC


(Foto FB JOHOR Southern Tigers)

Munoz akui anak buah Bandovic tidak boleh diperlekeh

Oleh Rizar Mohd Noor
rizar@bh.com.my

Johor Bahru: Pengendali Johor Darul Ta'zim (JDT), Xisco Munoz berharap rakaman video aksi Port FC mampu membantu skuad Harimau Selatan ketika melayan kunjungan kelab dari Thailand itu pada aksi kumpulan Zon Timur Liga Juara-Juara Asia Elit (ACLE) di Stadium Sultan Ibrahim, Iskandar Puteri, hari ini.

Menurutnya, rakaman video perlawanan itu penting kerana JDT tidak pernah menentang Port FC dalam aksi kompetitif sekali gus membantu mereka mengenal pasti kekuatan dan kelemahan skuad kendalian Bozidar Bandovic.

"JDT pernah lawan mereka pada 2018 dan menang 1-0 dan pada 2024 kita menang 3-1 namun kedua-dua aksi itu hanya persahabatan antarabangsa tapi dalam saingan ACLE sudah tentu ia amat berbeza.

"Jadi, kita sudah meneliti rakaman video permainan Port FC dan mereka gemar bermain dengan mengubah corak ke kiri dan kanan untuk melakukan `set-peice', jadi kita kena berwaspada dengan taktik itu malah barisan tengah kita juga tidak boleh membiarkan mereka mengawal permainan," kata Munoz.

Berada ditangga keenam

Selepas mengharungi dua perlawanan, JDT kini berada di tangga keenam hasil keputusan seri 1-1 dengan Burirama United dan menewaskan Pohang Steelers 2-0 untuk mengutip empat mata manakala Port FC di tangga ke-15 selepas tewas kedua-dua aksi menentang Vissel Kobe 1-2 dan Kashiwa Reysol (1-5).

Walaupun Port FC belum lagi melakar kemenangan, Munoz berharap anak buahnya tidak memandang mudah kemampuan lawan.

"Saya jangkakan ia perlawanan sukar dan berintensiti tinggi. Jadi kita harus mengekalkan momentum permainan selepas belum lagi tewas dan perlu memanfaatkan aksi di laman sendiri bagi memburu tiga mata," katanya.

Sementara itu, Munoz mengesahkan pemain pertahanan, Eddy Israfilov tidak dapat diturunkan kerana pemain import dari Azerbaijan itu perlu menjalani penggantungan dua perlawanan.

Cheng Hoe cari pengganti Faisal


Tan Cheng Hoe

Kuala Lumpur: Situasi dialami Faisal Halim yang dijangka terlepas tugasan bersama skuad kebangsaan bulan depan memaksa ketua jurulatih interim Harimau Malaya, Tan Cheng Hoe mempertimbangkan pilihan terbaik bagi mengisi kekosongan ditinggalkan pemain sayap itu.

Pemain Selangor itu berdepan tempoh pemulihan panjang selepas mengalami kecederaan ketika beraksi bersama Harimau Malaya dalam kempen Piala ASEAN Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) di Indonesia, bulan lalu.

Situasi itu menyaksikan Faisal atau lebih mesra disapa Mickey bakal terlepas dua aksi persahabatan antarabangsa di Guangzhou menentang pasukan ranking ke-96 dunia, China pada 14 November ini dan berdepan Yaman yang berada di ranking 144 (17 November).

Cheng Hoe mengakui kehilangan khidmat Faisal sebagai satu perkara yang mengecewakan, namun menjelaskan situasi itu tidak menjejaskan perancangan pasukan kerana masih mempunyai beberapa pilihan lain yang boleh diketengahkan.

Beliau berkata, barisan kejurulatihan ketika ini sedang meneliti pemain yang sesuai untuk mengisi kekosongan berkenaan, termasuk mempertimbangkan memanggil pemain tertentu atau mengekalkan barisan sedia ada.

"Ya, mungkin (Faisal) tidak ada (untuk dua aksi persahabatan). Memang hari itu koyakan (otot) yang dialami Faisal agak besar juga. Sebab itu dia kena rehat panjang.

"Kita masih ada pemain lain yang boleh ganti Faisal. Memang kita pun rasa sayanglah juga sebab Faisal tidak akan bersama pasukan untuk tugasan bulan depan.

"Namun, kita kena ambil positif dan mengambil pendekatan yang lain. Mungkin pemain lain yang datang boleh bagi satu sumbangan kepada pasukan juga.

"Kami masih lagi memantau dan menilai pemain mana yang sesuai untuk dipanggil atau kita kekalkan pemain yang sedia ada," kata Cheng Hoe ketika dihubungi.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC (SFC), Dr Johan Kamal Hamidon memaklumkan Faisal mungkin perlu menjalani pemulihan dalam tempoh dua hingga tiga bulan dan menjangkakan Januari ini paling selamat untuk pemain itu kembali.

Aksi berdepan China dan Yaman menjadi medan untuk skuad negara mengutip mata dalam ranking dunia selain sebahagian daripada persiapan Harimau Malaya mendapatkan pendedahan kompetitif di peringkat antarabangsa serta memperkukuh persediaan pasukan bagi menghadapi cabaran akan datang.


Sosa menendang bola ke arah gawang pasukan Kuching City FC pada perlawanan separuh akhir pertama Piala FA di Stadium MBPJ. (Foto BERNAMA)

Sosa sasar bawa Selangor ke final

Kuala Lumpur: Penyerang Selangor, Eduardo Sosa memberi bayangan betapa pasukannya tidak akan turun dengan corak permainan bertahan apabila berdepan Kuching City dalam aksi separuh akhir kedua Piala FA, 8 November ini.

Sebaliknya, pemain berusia 30 tahun itu menjelaskan Gergasi Merah tetap akan cuba mendapatkan kemenangan di Stadium Taha Ariffin, Kuching dan meraih tiket ke final.

Berbekalkan kemenangan 2-1 pada aksi pertama, Jumaat lalu, dia yang meledak kedua-dua gol Selangor itu menegaskan pasukannya perlu mengulangi persembahan terbaik bagi memastikan kelebihan yang dibawa tidak dipadam Kuching City.

Dia bagaimanapun tetap mengakui bahawa Selangor perlu berwaspada dengan kebangkitan The Cats apatah lagi skuad kendalian Aidil Sharin Sahak itu juga memiliki pasukan yang berkualiti.

"Kami tahu bagaimana Kuching City bermain dan kami tahu mereka pasukan yang sangat bagus. Kami juga tahu mereka akan memberikan yang terbaik.

"Kami gembira kerana menang (aksi pertama) dan sekarang kami sedar kami perlu pergi ke sana (Kuching), melakukan perkara sama, cuba mendapatkan kemenangan serta mara ke final," katanya.

Sebelum aksi separuh akhir kedua itu, Selangor terlebih dahulu akan melayan kunjungan Star City FC bagi aksi Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 1 November ini.

Selain itu, Sosa turut berkongsi kegembiraan selepas membantu Selangor meraih kemenangan pada separuh akhir pertama sambil mengakui sumbangan rakan sepasukan, Chrigor Moraes dalam membantunya menghasilkan gol penting.

"Saya memeluknya (Moraes) kerana dia memberikan bantuan gol kepada saya. Kami sangat gembira dan dia pemain yang sangat bagus. Dia juga rakan saya, sebab itulah saya memeluknya.

"Sangat gembira juga kerana ramai penyokong yang hadir memberi sokongan dan lebih gembira kerana kami dapat memberikan kemenangan kepada mereka," katanya.

Kejutan Wei Chong-Kai Wun

Pasangan kembali berganding bersama juarai Terbuka Perancis

Oleh Alief Iqbal Saidin
bhsukan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas sekian lama tidak bergandingan, kerinduan beregu lelaki negara, Man Wei Chong-Tee Kai Wun, untuk kembali beraksi bersama terubat dengan penuh bermakna apabila mereka mencipta kejutan menjuarai Terbuka Perancis di Arena Grand Paris, kelmarin.

Wei Chong berkata, mereka tidak terlalu memikirkan soal kemenangan atau kekalahan ketika turun berdepan rakan senegara, Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani, sebaliknya hanya mahu memberikan aksi terbaik dan berjuang mendapatkan setiap mata.

"Kami sedar kami adalah pasangan bukan pilihan. Jadi, kami hanya mahu memberikan aksi terbaik dan cuba mendapatkan setiap mata.

"Kami bangga dapat mencipta sejarah menerusi pertembungan sesama Malaysia di final Terbuka Perancis ini. Saya juga berharap lebih banyak pasangan dari Malaysia dapat bersaing bersama-sama kami," kata Wei Chong kepada BWF selepas perlawanan.

Beri tentangan sengit

Pada aksi final itu, Wei Chong-Kai Wun bangkit selepas tewas set pertama untuk menundukkan pasangan pilihan keenam itu 13-21, 21-15, 21-7 dalam tempoh 44 minit, sekali gus meraih gelaran pertama mereka sejak menjuarai Masters Malaysia pada Mei tahun lalu.

Sebagai juara, Wei Chong-Kai Wun membawa pulang hadiah wang kemenangan AS$70,300 (RM296,000), manakala Sze Fei-Izzuddin memperoleh AS$33,250 (RM140,000) selaku naib juara.

Menurut Wei Chong, mereka tidak meletakkan sasaran khusus bagi beberapa kejohanan sebelum ini kerana dia baru pulih daripada kecederaan lutut dan baru bergandingan semula dengan Kai Wun di Terbuka Denmark dua minggu lalu.

Dia turut memaklumkan kecederaan lututnya kini hampir pulih sepenuhnya dan berharap kejayaan di Paris menjadi permulaan kepada lebih banyak pencapaian selepas ini.



Wei Chong- Kai Wun mencipta kejutan menjuarai Terbuka Perancis selepas kembali digandingkan. (Foto A FP)



Mordi Bimol meraikan atlet negara pada Majlis Sambutan Kepulangan Kontinjen Negara Dari Sukan Para Asia Aichi-Nagoya 2026 di KLIA kelmarin. (Foto BERNAMA)

Kontinjen kecil raih pencapaian cemerlang di Aichi-Nagoya

Sepang: Pencapaian kontinjen negara yang menduduki tempat ke-12 keseluruhan pada Sukan Para Asia Aichi-Nagoya membuktikan pendekatan lebih fokus dalam pemilihan atlet mampu memberikan hasil positif meskipun dengan jumlah kontinjen lebih kecil.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Mordi Bimol berkata kejayaan meraih 27 pingat termasuk enam emas membanggakan negara, sekali gus membuktikan kemampuan atlet para Malaysia bersaing di pentas antarabangsa.

Beliau berkata, pencapaian itu wajar dipuji kerana kontinjen negara berjaya menunjukkan prestasi lebih baik menerusi kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) dalam memastikan atlet terbaik dibawa ke temasya berkenaan.

"Kita menyambut kepulangan atlet dan kontinjen para yang membanggakan negara dengan pencapaian agak cemerlang dan luar biasa.

"Berdasarkan keseluruhan 27 pingat dan kedudukan ke-12, ia satu pencapaian yang sangat membanggakan dan wajar dipuji," katanya pada Majlis Sambutan Kepulangan Kontinjen Negara Dari Sukan Para Asia Aichi-Nagoya 2026 di KLIA kelmarin.

Sementara itu, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin berkata, pencapaian itu menunjukkan Malaysia mampu mengekalkan kedudukan ke-12 seperti pada edisi Hangzhou, China, sebelum ini walaupun menghantar kontinjen lebih kecil.

Menurutnya, tumpuan terhadap pemilihan atlet terbaik menerusi kerjasama MSN dan ISN menjadi antara pendekatan penting dalam meningkatkan prestasi kontinjen negara.

"Alhamdulillah, walaupun kontinjen kita lebih kecil, kita masih dapat menunjukkan prestasi yang lebih meningkat.

"Saya percaya ketika di Hangzhou, kita juga berada di kedudukan ke-12 dengan kontinjen lebih besar, tetapi kali ini kita lebih fokus bersama MSN dan ISN untuk memastikan atlet terbaik dihantar.

"Insya-Allah, mungkin pada masa akan datang kita boleh menghantar kontinjen yang lebih besar," katanya.

Pearly Tan-M Thinaah dedah punca tumbang

Kuala Lumpur: Beregu utama wanita negara, Pearly Tan-M Thinaah mengakui perubahan taktikal yang dilakukan pasangan Jepun, Yuki Fukushima-Mayu Matsumoto pada set kedua menjadi faktor mereka tumpas kepada pilihan pertama itu pada final Terbuka Perancis, kelmarin.

Menurut Thinaah, aksi pada set kedua pada awalnya berlangsung sengit, namun selepas terikat 7-7, Fukushima-Matsumoto mengubah corak permainan dengan lebih banyak melakukan serangan.

"Strategi itu membolehkan mereka mendahului kami dengan jurang mata yang agak selesa. Di penghujung set, kami cuba mengejar, tetapi saya rasa jurang mata pada awal permainan sudah terlalu jauh. Saya fikir kelebihan itu juga meningkatkan keyakinan mereka," katanya kepada Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

Dalam aksi final yang berlangsung di Arena Grand Paris, Pearly-Thinaah memenangi set pertama 21-10 sebelum pasangan ketiga dunia itu bangkit dalam dua set berikutnya untuk menang 21-17, 21-16.

Untuk rekod, kekalahan itu adalah yang kelima berturut-turut buat beregu keempat dunia berkenaan ketika menentang Fukushima-Matsumoto, selepas kali terakhir menewaskan mereka pada Terbuka Jepun pada November 2025.

Kekalahan itu juga menyaksikan Pearly-Thinaah gagal merangkul gelaran ketiga musim ini selepas memenangi Masters Indonesia pada Januari dan Terbuka Denmark minggu lalu.

Selaku naib juara, Pearly-Thinaah menerima hadiah wang tunai AS$33,250 (RM135,836), manakala pasangan Jepun itu membawa pulang AS$70,300 (RM287,196).

Pearly turut sependapat dengan Thinaah bahawa lawan mereka beraksi lebih baik pada set kedua dan ketiga.

"Kami tahu bukan mudah untuk menentang mereka hari ini. Jelas sekali, dari segi fizikal, mereka sangat kuat dan masih mampu bergerak pantas walaupun pada set ketiga," katanya.



Pearly-Thinaah terlepas gelaran ketiga musim ini selepas tewas di final Terbuka Perancis. (Foto AFP)



RM296,000 hadiah ganding semula

Man Wei Chong-Tee Kai Wun membuktikan keputusan menggandingkan semula mereka tepat apabila melakar kejutan dengan menjuarai Terbuka Perancis kelmarin, sekali gus membawa pulang hadiah kemenangan AS$70,300 (RM296,000) dan mengulangi kejayaan Gan Teik Chai-Koo Kien Keat pada 2004. → *Sukan* **47**

Sukan

Selasa,
27 Oktober 2026

bhsukan@bh.com.my

→ *Ikuti lebih berita* ***di www.bharian.com.my***




Liverpool sudah atasi masalah 'lambat panas'

Sukan **45**

Rakaman video bantu JDT hadapi Port FC

Sukan **46**

(Foto REUTERS)



United makin hanyut, Carrick kian sukar bernafas

Krisis Manchester United semakin meruncing apabila tewas 0-3 kepada Bournemouth pada aksi Liga Perdana Inggeris di Old Trafford, semalam sekali gus meningkatkan lagi tekanan ke atas pengurus, Michael Carrick untuk meletak jawatan. *Sukan* **45***

Michael Carrick

Diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Berhad (196101000449 (4485-H))
No. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur dan dicetak di Loji Daerah Lot 322 & 323, Prai Industrial Estate, 13600 Seberang Prai, Pulau Pinang